UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
UiTM CAWANGAN MELAKA
2023

eISSN 3009-1675

SIDANG REDAKSI LAPORAN AKNC UiTM CAWANGAN MELAKA 2023

PENASIHAT
Prof. Madya Ts. Mohd Rasdi Zaini

PENULIS-PENULIS LAPORAN AKNC 2023

PENYELARAS
Siti Nursyahira Zainudin

PROFIL
Dr. Noraznira Abd. Razak
Dr. Nur Melissa Mohammad Faisal Wee
Hajar Izzati Mohd Ghazalli

KRTERIA 1
Aida Nur Mohd Kodri
Akmal Adanan

KRITERIA 2
Siti Nurshahidah Sah Allam
Dr.Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi
Zuliani Mohd Azni
Dr. Mohd Sufiean Hassan
Fatimah Yazmin Haji Yahaya

KRITERIA 3
Muhammad Fairuz Jamil
Nurul Azlinda Chek' Talib
Wan Hasmat Wan Hassan
Dr. Mastura Roni

KRITERIA 4
Hamidah Muhd Irpan
Dr. Siti Normah Awang Tuah
Noorazilah Ibrahim
Mohd Zaki Sadik

KRITERIA 5
Siti Fairus Fuzi
Bushra Abdul Halim
Nurul Emyza Zahidi
Dr. Nor A'syiqin Abu

KRITERIA 6
Nur Hidayatulshima Omar
Wan Effa Jaapar

KRITERIA 7
Siti Nursyahira Zainudin
Siti Ramizah Jama
Ainon Syazana Ab. Hamid
Izni Syamsina Saari

AJK REKA BENTUK / URUSETIA
Adi Hakim bin Talib
Zuriana Yazid

PENYUNTING
Siti Nursyahira Zainudin
Siti Nurshahidah Sah Allam
Siti Fairus Fuzi
Hamidah Muhd Irpan
Aida Nur Mohd Kodri

COPYRIGHT

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (UiTM CAWANGAN MELAKA)

20 OKTOBER 2023

UiTM Cawangan Melaka

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (UiTM CAWANGAN MELAKA) 2023, JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

Diterbitkan oleh:

UiTM Cawangan Melaka
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) MELAKA
KAMPUS ALOR GAJAH, KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH MELAKA

Emel: sitinursyahira@uitm.edu.my
No. tel: 06-5582338

Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM Cawangan Melaka ini akan diterbitkan secara berkala (tahunan)

KATA PENDAHULUAN

Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) pada tahun 2023 berfokuskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Laporan ini mempunyai tujuh kriteria di mana semua kriteria ditulis berdasarkan pencapaian terbaik UiTM Cawangan Melaka dalam Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Penulisan laporan ini diketuai oleh Rektor UiTMCM iaitu Prof. Madya Ts. Rasdi bin Zaini, diikuti oleh Ketua Unit Kualiti UiTMCM iaitu Dr Noraznira bt Abd Razak dan Penyelaras Laporan AKNC UiTMCM iaitu Puan Siti Nursyahira bt Zainudin. Seramai 30 penulis yang terdiri daripada pensyarah daripada pelbagai fakulti menjadi tunjang utama dalam penghasilan laporan ini.

Laporan AKNC ini melibatkan semua fakulti, kampus cawangan dan juga bahagian pentadbiran di keseluruhan sistem UiTM. Kompetensi dalam penulisan laporan ini bukan sahaja dapat menimbulkan semangat persaingan yang sihat malahan dapat menjadi kayu ukur pencapaian setiap fakulti/kampus dan bahagian dalam mentadbir organisasi masing-masing sekaligus menyumbang kepada pencapaian cemerlang UiTM secara keseluruhannya.

ISI KANDUNGAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

BIDANG TUMPUAN: JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN
Nilai : Sinergibersama dan Sinergitrust
Tema : Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global

(i) HURAIAN PERSEKITARAN JABATAN:



RAJAH A: UiTM CAWANGAN MELAKA

(a) BIDANG TUMPUAN: JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

Nilai : Sinergibersama dan Sinergitrust
Tema : Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global

Bidang tumpuan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2023 adalah **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** serta mengangkat nilai UiTMCM **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global**. Pilihan bidang ini dibuat setelah meneliti pencapaian UiTMCM yang jelas komited dalam memacu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kampus untuk terus bersinergi bersama pihak terlibat. Hubungan akrab antara UiTMCM dan rakan sinergi ini memberikan impak positif dari pelbagai sudut terutamanya penjanaan pendapatan, mengekalkan rakan kerjasama dan kolaborasi serta dapat

menyumbang kepada isu-isu kemasyarakatan melalui aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Ini adalah sejajar dengan Falsafah Universiti Teknologi Mara dimana kecemerlangan individu hanya mampu dicapai melalui penerapan nilai-nilai murni serta pemindahan ilmu untuk manfaat sejagat.

Komitmen dan sokongan yang cukup jitu di kalangan Pengurusan Kanan UiTMCM yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) telah memastikan segala perancangan dan gerak kerja berjaya direalisasikan terutamanya dalam bidang tumpuan yang dipilih. Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk Program Teja dan Program InFac khusus bagi mencapai JA2K. Projek-projek berimpak tinggi UiTMCM dalam bidang JA2K ini ialah Projek Bukit Senggeh di mana pensyarah dan pelajar UiTMCM membantu para usahawan desa mengenai pengurusan perniagaan. Selain itu, Expo Lendu International Art Community (LIAC#4) memberi ruang kepada pelukis tanah air dan luar negara memaparkan hasil karya mereka untuk dipertontonkan kepada pencinta seni di mana ia turut dihadiri oleh delegasi dari luar negara dari Universiti Sebelas Maret (UNS), Surakarta Indonesia, Chiang Rai Rajabhat University of Thailand, peserta dari negara Singapura dan Brunei Darul Salam. Seterusnya, Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri-2 serta memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand bagi kerjasama akademik, penyelidikan, mobiliti, outbound dan kemasyarakatan Asean.


(b) NILAI DAN ETIKA JABATAN

Berpegang kepada nilai UiTMCM iaitu **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global**, warga UiTMCM sentiasa memastikan amalan bekerjasama dan amanah dalam menjalankan tugas demi menyerlahkan potensi serta meningkatkan produktiviti kampus. Pembudayaan **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global** diaspirasikan dari nilai kolektif ESI (Excellence, Synergy, Integrity) dimana pembudayaan konsep kebersamaan secara harmoni untuk mendapat hasil yang terbaik (RAJAH B).



RAJAH B: NILAI DAN TEMA

Apabila warga berganding bahu, pencapaian universiti pasti dapat dioptimumkan lantas memberikan impak yang besar dipelbagai peringkat seperti kebangsaan mahupun antarabangsa. Pembudayaan ini diterapkan disemua peringkat dari pengurusan kanan sehingga peringkat sokongan kerana Rektor UiTMCM sentiasa mewar-warkan pembudayaan ini bukan sahaja melalui amanat, ucapan-ucapan beliau malahan melalui emel-emel rasmi beliau. Pembudayaan **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global**, juga selari dalam mendukung Objektif Kualiti yang juga dijadikan sebagai garis panduan kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk mencorakkan halatuju UiTMCM yang dinamik dan optimum untuk mengekalkan kualiti UiTMCM (RAJAH C).



Cawangan Melaka

OBJEKTIF KUALITI
UiTM CAWANGAN MELAKA

1. Memastikan **sekurang-kurangnya 90%** daripada bilangan pelajar sepenuh masa peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda **bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan** pada setiap semester.
2. Mencapai **sekurang-kurangnya 20%** daripada bilangan pelajar sepenuh masa peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang **mendapat Anugerah Dekan** pada setiap semester.
3. Mencapai **sekurang-kurangnya 20%** daripada bilangan pelajar sepenuh masa peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang **bergraduat mengikut tempoh pengajian dengan HPNG (CGPA) sekurang-kurangnya 3.50** pada setiap semester.
4. Mencapai **sekurang-kurangnya 1%** daripada bilangan pelajar sepenuh masa peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang **mendapat Anugerah Naib Canselor** pada setiap semester.
5. Meningkatkan jumlah **pensyarah dengan kelayakan PhD/ profesional sekurang-kurangnya 30%** daripada bilangan pensyarah menjelang 2025.
6. Meningkatkan kesarjanaan dengan :
   i) Memastikan sekurang-kurangnya **25 penerbitan berindeks** dihasilkan setiap tahun
   ii) Memastikan sekurang-kurangnya **4 geran penyelidikan** diperolehi setiap tahun
   iii) Memastikan kecemerlangan dalam perpindahan ilmu dengan mengkomersilkan **5 produk hasil penyelidikan dan perundingan kepakaran** menjelang 2025
7. Memastikan sekurang-kurangnya **30 aktiviti komuniti / pengantarabangsaan / keusahawanan** dijalankan oleh UiTM Cawangan Melaka pada setiap tahun.
8. Memastikan semua **kurikulum untuk program-program utama (PU)** di UiTM Cawangan Melaka **disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3-5 tahun.**
9. Memastikan **kadar kebolehpasaran siswazah melebihi 80%** setiap tahun.

14 DISEMBER 2021

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan


UiTM Cawangan Melaka - FB Rasmi
melaka.uitm.edu.my/v2/
uitmcmelaka
uitmcmelaka

RAJAH C: OBJEKTIF KUALITI BERTARIKH 14 DISEMBER 2021

Sumber: Unit Kualiti UiTMCM


(c) PROFIL SUMBER MANUSIA

Demi memperkasakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K), UiTMCM sentiasa memastikan jumlah tenaga kerja yang mencukupi bagi menyokong objektif, strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan. Pada dasarnya, tenaga kerja UiTMCM terbahagi kepada staf akademik dan staf Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (RAJAH D dan RAJAH E)



RAJAH D: TABURAN STAF AKADEMIK

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UiTMCM



RAJAH E: TABURAN STAF BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UiTMCM

Merujuk kepada RAJAH F, warga UiTMCM memiliki kepakaran yang diiktiraf dari pelbagai peringkat dan badan profesional. Tenaga kerja UiTMCM juga mempunyai pengalaman bersama industri dan

komuniti. Ini jelas menunjukkan bahawa sumber manusia UiTMCM cukup mantap dalam melaksanakan pelbagai projek dan perancangan terutamanya yang melibatkan JA2K.



RAJAH F: BILANGAN KEPAKARAN TENAGA KERJA UiTMCM

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UiTMCM

Selain daripada itu, bagi memotivasikan warga UiTMCM, **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**, **Anugerah Khas Rektor**, **Anugerah Bestari**, **Anugerah tanpa cuti sakit** juga diberikan setiap tahun kepada tenaga kerja sebagai salah satu bentuk apresiasi dan pengiktirafan kepada kesarjanaan staf akademik dan khidmat bakti staf Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Tidak dilupakan, UiTMCM juga mempunyai Unit Perancangan Risiko dan klinik kesihatan di setiap kampus bagi memenuhi keperluan khusus kesihatan dan juga keselamatan tenaga kerja di UiTMCM sebagai salah satu bentuk penghargaan kepada mereka.

(d) ASET

Selari dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global**, ketiga-tiga kampus UiTMCM dilengkapi dengan infrastruktur, teknologi dan prasarana yang mewujudkan persekitaran kerja efektif dan kondusif bagi tenaga kerja yang terlibat.

Malahan, kepuasan pelanggan adalah menjadi keutamaan di UiTMCM lantas penyelenggaraan dan penambahbaikan aset sentiasa dititikberatkan.

Kesemua fasliti di UiTMCM menekankan konsep seperti penjimatan kos, inovatif serta menjana pendapatan. Dewan, auditorium, pusat sukan dan tempat letak kereta berbumbung panel solar adalah antara fasiliti yang memberi faedah serampang dua mata kepada UiTMCM. Fasiliti ini dimanfaatkan oleh warga UiTMCM melalui penjanaan pendapatan dan penjimatan kos kepada kampus.



RAJAH G: FASILITI UiTMCM

Sumber: Unit Korporat UiTMCM

(e) KEPERLUAN PERUNDANGAN

Pematuhan kepada sumber dan keperluan perundangan adalah elemen yang wajib dan harus seiring diamalkan tanpa kompromi oleh UiTMCM. Berikut adalah persekitaran dan peraturan yang dirujuk oleh ketika beroperasi dan senarai peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keperluan akreditasi, pensijilan atau pendaftaran; piawaian pendidikan; peraturan persekitaran dan kewangan serta peraturan program pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan di UiTMCM.

Peraturan Ketika Beroperasi:

- Akta 711 - Akta Perlindungan Pemberi Maklumat
- Pekeliling Pengstrukturan Baru Jaringan Industri dan Masyarakat (JIM)
- Garis Panduan KTP (Knowledge Transfer Programme) Industri Versi 2.0
- Garis Panduan Pengurusan Skim Latihan Profesional Universiti Teknologi MARA



Kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keperluan akreditasi, pensijilan atau pendaftaran; piawaian pendidikan; peraturan persekitaran dan kewangan serta peraturan program pendidikan dan perkhidmatan yang berkaitan di UiTMCM:

- Akta 174 - Akta Institusi - institusi Pelajar (Tatatertib) 1976
- Akta A1073 - Institusi Teknologi MARA (pindaan) 200 Dasar Keselamatan ICT UiTM
- Akta 514 - Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA1994)
- Akta 173 - Akta Institusi Teknologi MARA (Mengandungi segala pindaan sehingga 1 Oktober 1998)
- Akta 679 - Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007

RAJAH H: PERUNDANGAN DIGUNAPAKAI

(ii) HURAIAN PERTALIAN HUBUNGAN

(a) STRUKTUR JABATAN



RAJAH I: PENGURUSAN KANAN UiTMCM 2022

Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Pemilihan bidang tumpuan telah dibincangkan secara kritis di kalangan Pengurusan Kanan UiTMCM. RAJAH I menunjukkan Pengurusan Kanan UiTMCM pada tahun 2022 yang diterajui oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang merupakan Aras Pengurusan Tertinggi dan bertanggungjawab dalam menetapkan dasar dan halatuju UiTMCM. JKEN bermesyuarat setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (MJEN) diketuai oleh Rektor serta dibantu oleh timbalan-timbalannya. Perancangan bidang tumpuan yang diputuskan dari MJEN, kemudian disampaikan kepada semua warga melalui Mesyuarat Pengurusan (MP) yang juga diadakan setiap bulan dimana ahli-ahli MP terdiri daripada ahli JKEN, ketua-ketua bahagian/unit, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Penolong Pendaftar Kanan BHEA, BHEP dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Maklumat yang telah disampaikan semasa MP, kemudian akan disalurkan kepada semua pensyarah dan staf oleh ketua setiap fakulti dan bahagian/unit masing-masing (RAJAH J).



RAJAH J: CARTA ALIR PENYAMPAIAN BIDANG TUMPUAN

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UiTMCM

Berikut merupakan senarai mesyuarat UiTMCM yang juga sedikit sebanyak menyumbang kepada penyampaian maklumat yang berkaitan dengan bidang tumpuan.



RAJAH K: SENARAI MESYUARAT UiTMCM

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UiTMCM

(b) PELANGGAN

Pelanggan-pelanggan UiTMCM terdiri daripada kumpulan sasar yang boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Luaran. Pelanggan Dalaman UiTMCM adalah merujuk kepada pelajar yang menuntut di UiTMCM sama ada terdiri daripada mod pengajian sepenuh masa dan mod pengajian separuh masa (PJJ). Seramai 13,895 orang pelajar yang merupakan pelanggan terbesar UiTMCM pada tahun 2022 di mana Fakulti Pengurusan & Perniagaan menyumbang kepada bilangan pelajar paling ramai iaitu sebanyak 4,642 orang. Manakala, bagi Pelanggan Luaran adalah terdiri dari alumni, komuniti, IPT antarabangsa, industri dan kerajaan.



RAJAH L: PELANGGAN UiTMCM

Antara beberapa kemudahan yang disediakan untuk pelajar adalah Inkubator Keusahawanan untuk membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan prinsip keusahawanan, dan keprihatinan & kesejahteraan untuk menyokong keperluan psikososial pelajar. Seterusnya, sebagai graduan universiti, pelajar perlu mempunyai ciri-ciri yang menjadi model kepada masyarakat, termasuklah memiliki kompetensi global untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan yang semakin mencabar. UiTMCM memperkenalkan ciri Model Graduan GRU yang mempunyai fokus kepada peningkatan kemahiran, pemikiran kritis, inovasi dan kreativiti, kepimpinan dan pengurusan, serta kerjasama dan keberkesanan berpasukan. Manakala Pelanggan Luaran yang melibatkan kumpulan sasar seperti alumni, komuniti/ NGO, IPT antarabangsa dan kerajaan, E-Maklumbalas Pelanggan (EMP) di peringkat UiTMCM telah disediakan. EMP berfungsi untuk memudahkan pengguna untuk menghantar maklum balas kepada kakitangan yang bertanggungjawab dibawah pemantauan moderator.

Terdapat beberapa projek yang dijalankan bagi memperkasakan nilai UiTMCM iaitu **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global**. Antaranya ialah penubuhan Persatuan Alumni UiTM Cawangan Melaka (UMAT) yang bertujuan untuk menjaga kebajikan, menghulur bantuan serta mewujudkan komuniti alumni UiTMCM. UiTMCM turut mempunyai pelanggan luar peringkat antarabangsa seperti Organisasi Jepun menerusi projek Geran Sumitomo. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan hubungan persefahaman di antara dengara Asia yang diwakili oleh UiTMCM bersama Negara Jepun melalui projek penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan. Selain Sumitomo, UiTMCM turut bekerjasama dengan sukarelawan Islamic Relief Malaysia di samping 13 buah negara yang lain di dalam mengumpul dana bagi anak anak yatim dan anak-anak yang

memerlukan bersempena Charity Week 2022 (CW2022). Seterusnya, Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri-2 serta memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand bagi kerjasama akademik, penyelidikan, mobiliti, outbound dan kemasyarakatan Asean.

(c) PEMBEKAL DAN RAKAN KONGSI

Sejajar dengan peruntukan 7.4 Manual Kualiti, UiTMCM membuat pemantauan dan penilaian ke atas pembekal tenaga dan prasarana/perkhidmatan lain untuk memastikan perolehan bekalan bahan dan perkhidmatan memenuhi kehendak kualiti UiTMCM dalam meningkatkan penambahbaikan berterusan bagi Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan.



RAJAH M: PEMBEKAL, RAKAN KONGSI DAN RAKAN USAHASAMA UiTMCM

Sumber: Manual Kualiti

Merujuk RAJAH M, berikut adalah peranan yang dimainkan oleh pembekal, rakan kongsi dan rakan usahasama dalam memastikan fasiliti, kemudahan dan teknologi di UiTMCM sentiasa berada di tahap yang terbaik. Kepentingan rakan kongsi dan rakan usahasama UiTMCM tidak dapat disangkal lagi kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam menjalinkan hubungan bersama industri serta membantu kepada inisiatif pembangunan komuniti dan kesukarelawanan. Antara contoh berkaitan ialah Expo Lendu International Art Community (LIAC#4) memberi ruang kepada pelukis tanah air dan luar negara memaparkan hasil karya mereka untuk dipertontonkan kepada pencinta seni. Selain itu, Charity Week 2022 (CW2022) ini adalah bertujuan untuk menangani 3 isu

utama iaitu pendidikan, kecemasan serta kelaparan dan kekurangan zat makanan yang mana dana ini akan disalurkan ke Palastine, Afganistan, Nigeria, Afrika, Malawi, Kenya, Eutophia, Somalia, Syria, Sri Lanka, Afrika Selatan, Zanzibar, Myanmar dan Malaysia. UiTMCM turut mempunyai kerjasama di peringkat antarabangsa seperti Organisasi Jepun menerusi projek Geran Sumitomo.

Kecemerlangan UiTMCM dalam bidang tumpuan JA2K pada tahun 2022 telah menjadikan UiTMCM sebagai contoh ikutan *(role model)* disertai dengan lawatan penandaarasan daripada UiTM Selangor, UiTM Kelantan dan Universiti Utara Malaysia (UUM). UiTMCM turut menerima beberapa anugerah hasil daripada kemantapan pengurusan JA2K seperti Anugerah Pencapaian PI 100% PTJ serta pelbagai anugerah di MeTIC 12/2023, Anugerah PTJ Khas Prihatin sempena Hari OKU UiTM 2022 dan Anugerah Johan Kampus Zon Selatan bagi Kelestarian Kampus Hijau anjuran UiTM Green Centre.

SENARAI SINGKATAN (ABBREVIATION)

Mengikut Abjad

ALPU	-	Ahli Lembaga Pengurusan Universiti
APB	-	Akademi Pengajian Bahasa
APC	-	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BHEP	-	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
BMU	-	Bilik Mesyuarat Utama
BPJI	-	Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri
BTU	-	Badan Transformasi Universiti
CHANEL	-	Charity and Endless Love
ELWAZIF	-	Unit Waqaf, Zakat dan Infaq
EMP	-	E-Maklumbalas Pelanggan
FKPM	-	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
FPP	-	Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
FPHP	-	Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
FPN	-	Fakulti Perakaunan
FRGS	-	Fundamental Research Grant Scheme
FSKM	-	Fakulti Sains Komputer dan Matematik
FSSR	-	Fakulti Seni Reka dan Seni Lukis
GIP	-	Geran Inisiatif Penyeliaan
GRU	-	Global Renowned University
ICAN	-	Industry, Community and Alumni Network
IRM	-	Islamic Relief Malaysia
JA2K	-	Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan
JKEN	-	Jawatankuasa Eksekutif Negeri

JKJN	-	Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri
JKM	-	Jabatan Kebajikan Malaysia
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KAF	-	Kami Anak Felda
KAG	-	Kampus Alor Gajah
KBM	-	Kampus Bandaraya Melaka
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
KIK	-	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
KJM	-	Kampus Jasin Melaka
KKP	-	Kajian Kepuasan Pelanggan
KPG	-	Kajian Pengesanan Graduan
KPI	-	Key Performance Indicator
KPP	-	Ketua Pusat Pengajian
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
KPPIM	-	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik
KTP	-	Knowledge Transfer Program
LiAC	-	Lendu International Art Community
LNPT	-	Laporan Nilaian Prestasi Tahunan
LoA	-	Letter of Agreement
MASMED	-	Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development
MDS	-	Minggu Destinasi Siswa
MEU	-	Majlis Eksekutif Universiti
MJAN	-	Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri
MJEN	-	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri
MKSP	-	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan
MoA	-	Memorandum of Agreement

MoU	-	Memorandum of Understanding
MP	-	Mesyuarat Pengurusan
MPC	-	Malaysia Productivity Corporation
MPHEA	-	Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Akademik
MPKAG	-	Mesyuarat Pengurusan Kampus Alor Gajah
MPKBM	-	Mesyuarat Pengurusan Kampus Bandaraya Melaka
MPKJM	-	Mesyuarat Pengurusan Kampus Jasin
MPS	-	Mesyuarat Perancangan Strategik
MSHI	-	Majlis Sambutan Hari Inovasi
OD	-	Operation Definition
OS	-	Objektif Strategik
OS1S	-	1 Student 1 Skill
PDCA	-	Plan, Do, Check, Action
PETAH	-	Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Harapan
PI	-	Petunjuk Prestasi
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSM	-	Panel Pembangunan Sumber Manusia
PS	-	Perancangan Strategik
PSTU	-	Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti
SAP	-	Strategic Action Plan
SBU	-	Strategic Business Unit
SDG	-	Sustainable Development Goal
SLDN	-	Sistem Latihan Dual Nasional
SMART	-	Sistem Maklumat Analisa Repositori
SKT	-	Sasaran Kerja Tahunan
SPKM	-	Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia

SUZA	-	Kelab Sukarelawan Zakat
TRHEA	-	Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
TRHEP	-	Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
TRPJI	-	Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri
TNCPI	-	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
UHI	-	UiTM Happiness Index
UiTMCM	-	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMAT	-	Alumni UiTMCM
UNIMEL	-	Universiti Melaka
UNISSA	-	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
UNS	-	Universitas Sebelas Maret
UPR	-	Unit Pengurusan Risiko
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	-	Universiti Sains Malaysia
USR	-	University Social Responsibility
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UTP	-	Universiti Teknologi Petronas
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
V-MIIEx	-	Virtual Melaka International Intellectual Exposition

K1

PERANCANGAN STRATEGIK

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) komited dalam memacu UiTMCM ke arah kecemerlangan pengurusan kampus yang lebih sistematik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang disokong oleh aspirasi UiTM dan kerajaan Negeri Melaka. Berpaksikan keutuhan nilai UiTMCM iaitu **Sinergibersama dan Sinergitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global,** Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa prihatin dalam merangka dan menyokong segala inisiatif untuk memperkasakan program bidang tumpuan JA2K berpandukan Model Nilai JA2K. Aspirasi Rektor bersama Pengurusan Kanan UiTMCM direalisasikan secara berterusan agar segenap warga UiTMCM dan pihak berkepentingan lain baik di peringkat antarabangsa mahupun nasional turut memperoleh manfaatnya sekaligus menyahut aspirasi UiTM menjadi Universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

Perancangan

Kecemerlangan UiTMCM pada sepanjang tahun 2022 membuktikan Pengurusan Kanan mampu merancang strategi secara teliti seterusnya memastikan keberhasilan projek JA2K adalah yang terbaik. Berteraskan beberapa amanat pemimpin tertinggi seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Naib Canselor UiTM, Ketua Menteri Melaka serta Rektor UiTMCM, segala perancangan projek JA2K terus dipergiatkan. Justeru, bagi mempertingkatkan lagi produktiviti kampus, Unit Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCM telah memastikan pemantapan organisasi dan penggunaan sumber yang optimum mampu melonjakkan UiTMCM ke arah pencapaian sasaran objektif strategik (OS). Berpandukan beberapa sumber rujukan bagi perancangan yang efektif antaranya seperti Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, maka terhasilnya Program Teja dan Program InFac dalam pelaksanaan projek JA2K sekaligus menjadi platform kepada kemenjadian graduan holistik dengan pembabitan mereka.

Pelaksanaan

Dalam usaha memastikan keberhasilan projek JA2K, Pengurusan Kanan UiTMCM mengaplikasi sepenuhnya kaedah pelaksanaan yang sistematik bermula dengan penurunan PI kepada pihak yang dipertanggungjawabkan. Seterusnya, melalui beberapa platform peringkat dalaman seperti Amanat Rektor 2022, Mesyuarat Pengurusan, juga di peringkat luar melalui hebahan media sosial UiTMCM, kunjung hormat, ucaptama persidangan, Perhimpunan Bulanan Melaka, dan lain-lain medium yang menyalurkan maklumat perancangan dan pelaksanaan projek JA2K tersebut. Oleh itu, penglibatan semua pihak berkepentingan UiTMCM mampu diperoleh dengan mudah seterusnya menjayakan pencapaian OS yang disasarkan.

Pemantauan

Pengurusan Kanan UiTMCM mengambil berat soal pemantauan terhadap pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) projek JA2K agar pelaksanaan projek dilaksanakan secara kolektif dan efektif. Oleh itu, pelaporan kemajuan projek JA2K dibincangkan dengan komprehensif demi membantu proses pemantauan, mengenalpasti serta mengkaji semula risiko, merancang strategi pencegahan dan membentuk pelan tindakan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik. Untuk tujuan itu, Model Pemantauan Risiko PS UiTMCM di rangka secara khusus menguruskaan risiko berkaitan dengan bidang tumpuan seperti risiko strategik, risiko kewangan dan risiko operasi berjalan lancar. Kesemua risiko telah dikaji semula berdasarkan Pelan Pengurusan Risiko UiTM bagi menjamin keberhasilan inisiatif JA2K terdahulu dan sedia ada untuk penambahbaikan.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan Kanan UiTMCM melakukan penambahbaikan melalui analisis input dari kaji selidik untuk mendapat maklum balas daripada warga UiTMCM dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam setiap program JA2K. Data yang diperolehi antaranya daripada sistem SMART, Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan, Borang Maklum Balas Pelajar, Alumni. Hasil dapatan maklumbalas ini dibincangkan dan dianalisis di peringkat pemantauan bagi melihat tahap kebolehlaksanaan dan keberkesanan projek. Seterusnya disusuli dengan tindakan penambahbaikan menerusi pembudayaan inovasi dan integrasi dalam menghasilkan program JA2K yang lebih berimpak tinggi.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Demi menggerakkan pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkualiti JA2K, UiTMCM telah merujuk kepada pelbagai sumber di peringkat KPT, Kerajaan Negeri Melaka mahupun UiTM sebagai pendekatan yang efektif dalam membina input bagi proses perancangan dirangka dan dilaksanakan. Oleh itu, berpandukan nilai kolektif ESI (Excellence, Synergy, Integrity) UiTM, pembudayaan konsep kebersamaan secara harmoni diamalkan. Pendekatan utama Pengurusan Kanan UiTMCM adalah sentiasa memastikan keterlibatan semua warga UiTMCM dan pihak berkepentingan yang juga merujuk kepada pelanggan UiTMCM. Menerusi Model Nilai JA2K, semua pihak mendukung nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dengan tema Lonjakan JA2K ke arah Kompetensi Global ke arah mencapai objektif bidang tumpuan JA2K **(rujuk bukti 1.2.1).**

Justeru, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM 2015-2025) adalah merupakan teras rujukan Pengurusan Kanan UiTMCM dalam menyokong dasar kerajaan. Falsafah Pendidikan Negara ini menjadi asas kepada pendidikan seimbang dalam membangunkan Aspirasi Pelajar menerusi Lonjakan ke-8 iaitu Keunggulan Global. Aspirasi Pelajar dapat diaplikasikan melalui konsep 'Etika dan Kerohanian' yang sejajar dengan keperluan sosial dalam menyantuni komuniti dalam projek JA2K. Kesinambungan itu, selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Pengurusan Kanan UiTMCM teguh mendukung aspirasi Ahli Lembaga Pengurusan Universiti (ALPU) dan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dalam memperluaskan lagi jaringan bersama alumni dan komuniti seterusnya mempertingkatkan aktiviti kesukarelawanan JA2K **(rujuk bukti 1.2.2).**

Dasar perancangan dan pelaksanaan bidang tumpuan berpandukan beberapa sumber amanat para pemimpin tertinggi turut diusahakan. Antaranya adalah melalui aspirasi Ketua Menteri Melaka melalui saranan mencapai Melaka Key Result Area- MKRA 2, iaitu 'Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat'. Seterusnya Amanat Naib Canselor 2022 yang memaparkan kepentingan UiTM ke arah Kecemerlangan Global sejajar dengan hasrat UiTM untuk memperoleh pengiktirafan Global Renowned University (GRU2025). Sementelahan, menerusi Amanat Rektor 2022, Rektor UiTMCM memperhalusi setiap hasrat tersebut dengan merangka Inisiatif Projek khas Rektor iaitu 'Industry, Community & Alumni UiTM Center' dengan mensasarkan kemampuan UiTMCM menjadi hub kepada pelaksanaan projek-projek JA2K secara berterusan **(rujuk bukti 1.2.3).**

Kesemua pendekatan ini telah membentuk proses perancangan yang efektif apabila Pengurusan Kanan UiTMCM dengan penglibatan bersama PSTU UiTMCM telah menjayakan pelaksanaan dua (2) Inisiatif Strategik JA2K iaitu Projek Teja dan Program InFaq. Inisiatif ini adalah berpandukan Model Objektif Perancangan Strategik yang menggariskan dua (2) nilai iaitu Teras Strategik 1: Kecemerlangan Akademik dan Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global. Sejajar dengan itu, terdapat sepuluh (10) Objektif Strategik (OS) yang digariskan UiTMCM dan sebanyak empat (4) OS telah disasarkan dalam pelaksanaan projek bidang tumpuan JA2K bagi tahun 2022 **(rujuk bukti 1.2.4).**

Kesemua sasaran OS berjaya dicapai melalui kedua-dua inisiatif tersebut di mana Projek Teja memfokuskan kepada aktiviti melibatkan alumni dan penjanaan pendapatan manakala Program

InFac pula memberi keutamaan kepada komuniti dan kesukarelawanan. Bagi Teras 1 adalah menerusi projek jaringan alumni iaitu Program ITTIHAD, UMAT@Campus dan Brand Community Project (BCOP). Manakala untuk projek kesukarelawanan pula adalah seperti Wakaf Kemboja, LIAC #4, CHANEL 7.0 & 8.0, Projek Sumitomo: UiTMCM bersama Organisasi Jepun dan Charity Week: Islamic Relief. Seterusnya, projek khusus untuk Teras 2 adalah menerusi Program InFac yang melibatkan alumni dan komuniti iaitu Projek Bukit Senggeh, Collaborative Teaching ft Alumni **(rujuk bukti 1.2.5).**

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM amat fokus dalam mempergiatkan usaha ke arah pencapaian OS dan keberhasilan projek JA2K menggunakan pendekatan yang telah dirangka. Maka, kaedah perluasan yang efektif telah dilaksanakan agar penyampaian infomasi berkenaan perancangan, inisiatif, serta hasil kejayaan projek JA2K UiTMCM diketahui dan dimanfaatkan oleh seluruh warga UiTMCM dan pihak berkepentingan. Justeru, dengan kerjasama PSTU UiTMCM perluasan melalui penurunan Petunjuk Prestasi (PI) kepada Fakulti, Jabatan, Kampus UiTMCM secara tuntas dibuat agar perancangan di peringkat masing-masing dapat dijalankan **(rujuk bukti 1.3.1)**

Seterusnya, perluasan informasi tersebut kepada seluruh warga UiTMCM dilaksanakan antaranya menerusi penganjuran program utama seperti Amanat Rektor, Majlis Hari Inovasi, 365 Pentadbiran Rektor, Minggu Destini Siswa, Mesyuarat Pengurusan serta Mesyuarat Akademik dan terkini inovasi perluasan telah berjaya dilaksanakan menerusi Jelajah Maya PJI 2022 yang memudahkan lagi capaian interaksi dua hala semua pihak. Manakala di peringkat UiTM pula, sesi perbincangan telah diadakan bersama Naib Canselor UiTM, selain menerima Lawatan Kerja dan Sesi Jelajah TNC ICAN dan HEP UiTM. Hasilnya memperlihatkan bahawa sokongan dan kerjasama jitu melibatkan kepimpinan UiTM dan UiTMCM telah memperkukuhkan lagi kualiti perancangan dan pelaksanaan projek JA2K **(rujuk bukti 1.3.2).**

Tidak sekadar di situ, Pengurusan Kanan UiTMCM penuh dedikasi dalam melaksanakan perluasan ke peringkat nasional contohnya UiTMCM telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam projek OS1S SLDN yang mensasarkan komuniti belia sebagai perantis latihan kemahiran. Manakala bagi peringkat negeri pula, hubungan baik UiTMCM yang dibina dapat dilihat antaranya menerusi Lawatan Kerja Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Melaka, selain penglibatan dalam penganjuran bersama program Majlis Aspirasi Pelajar Cemerlang Melaka dan Melaka Education Expo. Jalinan hubungan ini juga dilihat apabila Pengurusan Kanan UiTMCM komited turun padang dan hadir ke program JA2K antaranya melibatkan Persatuan Alumni UiTMCM (UMAT) **(rujuk bukti 1.3.3)**

Sementelahan, inisiatif UiTMCM turut disebarluas di peringkat antarabangsa yang merupakan mekanisme terbaik dalam mempergiatkan lagi publisiti serta hebahan projek JA2K UiTMCM yang membawa nilai ketampakan UiTMCM ke arah sasaran GRU 2025. Justeru, penganjuran dan penglibatan UiTMCM dalam program, webinar, persidangan, lawatan akademik majlis menandatangani MoU dan program mobiliti pengantarabangsaan telah dipergiatkan. Antaranya adalah IVCOTM, Kejuaraan Pencak Silat Sedunia 2022, dan Summer Course (SAIL 2022) di Surabaya di mana kolaborasi ahli akademik yang berlaku ini dapat membuka lebih banyak peluang kepada jalinan hubungan dan kejayaan projek JA2K UiTMCM tampaknya telah melangkaui sempadan **(rujuk bukti 1.3.4).**

Segala inisiatif tersebut semestinya bertujuan untuk mencapai sebanyak mungkin kejayaan dan penghargaan hingga ke peringkat global. Selain sasaran untuk menerima penghargaan dan pengiktirafan dari pihak luar, kejayaan yang diharapkan adalah melalui Anugerah Pencapaian PI ICAN, Anugerah Khas Rektor, Majlis Hari Inovasi, Anugerah MeTIC 12/2023. Seterusnya, segala bentuk inisiatif dan kejayaan tersebut disebarluaskan lagi menerusi peranan hebahan maklumat

melalui media sosial rasmi UiTMCM seperti hebahan program utama UiTMCM, pelaporan kemajuan dan kejayaan projek juga kekerapan penulisan artikel akhbar khususnya berkaitan bidang tumpuan turut dibuat di peringkat umum **(rujuk bukti 1.3.5).** Hasilnya, ketampakan UiTMCM lebih diperlihatkan secara meluas sekaligus mengangkat kredibiliti serta imej kampus di mata dunia.

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCM mengambil berat setiap maklum balas daripada pihak berkepentingan UiTMCM yang dijadikan sumber kepada proses pemantauan bagi tujuan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan, pelaksanaan, pembangunan, dan pencapaian kemajuan projek. Selain itu, kaedah ini adalah untuk mengenalpasti punca kekangan dan kegagalan dalam pelaksanaan projek JA2K agar dapat meminimakan potensi risiko seterusnya melancarkan lagi gerak kerja projek tersebut. Berpandukan praktis kerja Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM, pemantauan dijalankan dengan merujuk kepada beberapa manual, polisi dan garis panduan, prosedur, objektif yang digunakan oleh pihak UPR UiTM juga melalui Tadbir Urus UiTM untuk membentuk pelan tindakan pemantauan PS UiTMCM yang lebih jitu **(rujuk bukti 1.4.1.1).**

Selaras dengan sumber rujukan tersebut, Pengurusan Kanan UiTMCM menetapkan agar kaedah pemantauan seperti kaji selidik, analisis dapatan data dari sistem UiTM, hasil pelaporan, perbincangan mesyuarat serta maklum balas pelanggan dan pihak berkepentingan dipraktiskan secara konsisten. Antara praktis tersebut adalah seperti statistik Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan UiTMCM, aktiviti pengukuhan jalinan kerjasama dengan UMAT Melaka, perbincangan dan pembentangan menerusi Bengkel Perancangan Strategik UiTMCM, laporan Kajian Pengesanan Graduan, analisis pelaporan Sistem SMART ICAN dan Sistem PRiME, serta Borang Laporan Program Alumni UiTMCM yang digunakan untuk memperoleh maklumbalas dan dapatan data **(rujuk bukti 1.4.1.2).** Pemusatan data bagi mengumpul dan menyimpan segala keberhasilan input maklum balas dan data ini dibuat dengan baik demi menjamin kelancaran proses menganalisa oleh pihak pasukan PS **(rujuk bukti 1.4.1.3).** Seterusnya, hasil dapatan dan pelaporan tersebut segera dimajukan kepada Pengurusan Kanan UiTMCM melalui bengkel, sesi perbincangan serta Mesyuarat Semak Semula Perancangan Strategik Risiko untuk tindakan selanjutnya.

Bagi menyokong usaha ini, lantikan pentadbir akademik UiTMCM seperti koordinator dan penyelaras telah diletakkan di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI) seperti unit ICAN dan Masmed, seterusnya di bawah Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Risiko, tambahan lagi pembentukan jawatankuasa program/projek di kalangan sumber manusia UiTMCM yang mahir turut dibentuk bagi menggerakkan projek JA2K. Pelantikan ini bertujuan untuk merangka strategi, melaksana, dan mengurus projek, serta menyalurkan hasil dapatan dan pelaporan secara berkala kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan pemantauan boleh dibuat dari masa ke masa **(rujuk bukti 1.4.1.4).**

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan segala perancangan dan pelaksanaan JA2K berjalan lancar di bawah proses pemantauan yang efektif, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menitikberatkan tindakan mengenal pasti risiko dalam pelaksanaan projek bidang tumpuan. Berpandukan Dasar Pengurusan Risiko UiTM, langkah-langkah mengenalpasti risiko tertentu terhadap setiap satu projek bidang tumpuan telah diambil menggunakan teknik serta strategi analisis mengikut klasifikasi risiko telah dibuat bersama PSTU dan pihak yang dipertanggungjawabkan **(rujuk bukti 1.4.2.1).** Oleh itu, di peringkat awal lagi beberapa risiko yang berpotensi tinggi yang boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan projek JA2K telah berjaya dikenalpasti antaranya risiko reputasi, risiko strategik, risiko dan risiko proses.

Pengurusan Kanan UiTMCM turut menggunakan platform pemantauan yang efektif seperti mesyuarat dalaman dan audit dalam menerima pelaporan kemajuan gerak kerja projek JA2K seterusnya menganalisa segala dokumen pelaporan seperti Laporan Analisa Risiko, Pelaporan Pencapaian PI ICAN. Seterusnya kategori risiko JA2K yang telah dikenalpasti membolehkan potensi-potensi risiko seperti risiko tidak capai sasaran, pengumpulan data yang tidak tepat antara yang turut disenaraikan. Maka, telah terhasilnya Model Pemantauan Risiko PS UiTMCM dan Pemantauan Risiko JA2K yang sememangnya membantu kesemua pihak terlibat untuk bertindak ke arah meminimakan risiko projek tersebut **(rujuk bukti 1.4.2.2).**

Bertepatan dengan kaedah pemantauan dan kenal pasti risiko tersebut, beberapa jenis pelaporan risiko melalui pembentangan kemajuan dan pencapaian projek/program bidang tumpuan adalah dimestikan dengan bantuan koordinator, penyelaras mahupun pengarah projek/program untuk menghantar pelaporan kemajuan tersebut kepada PSTU UiTMCM seterusnya diproses dan dimajukan kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan selanjutnya **(rujuk bukti 1.4.2.3).**

Hasilnya, segala pelaporan melalui proses analisis dapatan yang dibuat dengan teliti seterusnya disusuli dengan pelan dan cadangan tindakan untuk mencegah risiko seterusnya melaksanakan tindakan penambahbaikan dengan segera agar kejayaan projek JA2K dapat mengukuhkan lagi hubungan baik dengan pihak berkepentingan UiTMCM **(rujuk bukti 1.4.2.4).**

1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan kecemerlangan pelaksanaan projek JA2K secara berterusan, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menekankan proses mengkaji semula setiap aspek pemantauan dan kategori risiko demi mendapatkan sumber kemenjadian atau ketidakcekapan hasil. Seterusnya, pembentukan tindakan pencegahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan dalam semua aspek pengurusan, penyampaian operasi, perkhidmatan serta pelaksanaan projek bidang tumpuan akan diusahakan. Maka, keperluan kaedah pemusatan data dan pelaporan risiko yang sistematik yang diperolehi daripada Borang Maklumbalas Pelajar, Alumni, dan pelanggan, serta melalui Audit Dalam membolehkan segala data diproses untuk dianalisis dan dirumuskan bagi mendapatkan tindakan susulan yang diperlukan dengan kadar segera **(rujuk bukti 1.4.3.1).**

Justeru, pihak-pihak terlibat dalam projek bidang tumpuan dipanggil hadir ke mesyuarat seperti Mesyuarat JKEN, MPKAG, MPHEA bagi membentangkan laporan gerak kerja, permasalahan serta kemajuan projek bidang tumpuan masing-masing. Hal ini bertujuan untuk merangka dan mengkaji semula strategi seterusnya membuat tindakan penambahbaikan mengikut garis panduan serta dasar yang telah ditetapkan UiTM amnya dan UiTMCM secara khususnya juga mengikuti ketetapan garis masa masing-masing **(rujuk bukti 1.4.3.2).**

Pengurusan Kanan UiTMCM sememangnya memberi penekanan kepada pembentukan dan pelaksanaan tindakan penambahbaikan projek JA2K selepas proses mengkaji semula permasalahan dan kemajuan projek bidang tumpuan selesai. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah seperti penghasilan Pelan Tindakan Strategik (SAP), Jelajah Maya PJI 2022 juga bertindak sebagai sumber rujukan warga UiTMCM untuk menjalankan projek bidang tumpuan masing-masing. Bagi risiko melibatkan kewangan, galakan yang memberangsangkan terhadap permohonan geran-geran penyelidikan dalam dan luar negara telah berjaya antaranya mendapat geran pembangunan komuniti Sumitomo yang memberi ruang penjimatan penyelidikan. Selain itu, tindakan proaktif PJI dengan mewujudkan menyediakan Google Form khas bagi memudahkan pendaftaran program/aktiviti bidang tumpuan untuk dimasukkan ke Sistem SMART **(rujuk bukti 1.4.3.3).**

Selaras dengan matlamat Pengurusan Kanan UiTMCM, inisiatif tambahan sebagai tanda sokongan yang utuh dalam mencapai OS projek JA2K turut dilaksanakan. Antaranya adalah memberi peringatan mesra penghantaran pelaporan dan memberi surat penghargaan sebagai penyumbang data. Tambahan lagi, penyebarluasan inisiatif penambahbaikan melalui hebahan maklumat kepada warga UiTM berkenaan tatacara pelaporan data serta penerima sijil penghargaan pelapor data dan pelaksanaan Jelajah Maya 2022 juga dilaksanakan secara konsisten **(rujuk bukti 1.4.3.4).**

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengukuhan nilai Sinergibersama dan Sinegitrust dalam pelaksanaan Model JA2K UiTMCM terhadap proses pelaksanaan projek JA2K sepanjang tahun 2022 telah membuahkan hasil. Hasil kejayaan ini dibentuk melalui proses integrasi yang membolehkan Pengurusan Kanan UiTMCM menggerakkan kecekapan sumber manusia dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti, memperkukuhkan perancangan strategik untuk mencapai OS dan sasaran PI, serta peningkatan hasil operasi yang memberi impak kepada komuniti dan alumni melibatkan kesemua kampus UiTMCM. Proses integrasi ini telah melalui inovasi tertentu yang menghasilkan Jelajah Maya PJI 2022 seterusnya menjadi platform rujukan dan galakan penglibatan warga UiTMCM dalam projek JA2K dibudayakan sepenuhnya menerusi tindakan penyebarluasan yang efektif **(rujuk bukti 1.5.1).**

Pembudayaan inovasi integrasi UiTMCM tersebut telah membuktikan bahawa kepelbagaian kualiti kepakaran dan kecekapan sumber manusia dalam menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan projek bidang tumpuan adalah diyakini dan diiktiraf umum. Buktinya, beberapa kategori penghargaan, pencapaian, dan pengiktirafan warga UiTMCM telah diperoleh di peringkat UiTM, industri mahupun peringkat Kerajaan Negeri Melaka **(rujuk bukti 1.5.2).**

Hasil integrasi ini turut memberi impak positif kepada sasaran PS apabila kejayaan mencapai OS telah dibuktikan dengan beberapa kemenangan dan anugerah yang diperoleh melalui Anugerah UiTM Green Center (UCG), Anugerah MeTIC 12/2023, Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM 2022 dan Anugerah Khas Rektor UiTMCM 2022 **(rujuk bukti 1.5.3).**

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menyokong penuh inisiatif pemerkasaan program bidang tumpuan JA2K yang berimpak tinggi meliputi kesukarelawanan, jaringan komuniti dan alumni secara kolektif dan berterusan **(rujuk bukti 1.5.4).** Inisiatif ini akan membuka mata dan memberi inspirasi kepada warga UiTMCM untuk meneruskan projek seumpamanya demi menyokong Objektif, Misi, dan Visi UiTM.

Hasil kejayaan projek JA2K telah membuktikan bahawa Pengurusan Kanan menitikberatkan peluang membentuk integrasi melalui kerjasama strategik daripada pelbagai agensi. Justeru, UiTMCM turut menerima lawatan penanda aras di peringkat nasional dari universiti tempatan. Seterusnya, pertambahan Majlis Menandatangani MoU bersama industri dan antarabangsa juga termetrai **(rujuk bukti 1.5.5).** Justeru, terhasilnya hubungan lebih akrab antara UiTMCM dan rakan sinergi bagi potensi kolaborasi yang diyakini mampu memberi impak positif dari pelbagai sudut terutamanya menyumbang kepada isu-isu kemasyarakatan melalui aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UiTM 2025, iaitu ke arah Kompentesi Global.

Bukti 1.2.1 Pihak Berkepentingan UiTMCM dan Model Nilai JA2K

Pihak Berkepentingan UiTMCM

Panduan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA

- Jika peratus pelajar gagal meningkat, mungkin disebabkan soalan peperiksaan terlalu susah atau fasiliti pengajaran tidak mencukupi/kondusif
- Jika graduan gagal mendapat kerja dalam masa enam (6) bulan, mungkin mereka gagal dalam temubual atau mungkin penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah.

Kita juga boleh mengenalpasti risiko dengan melihat isu atau peristiwa yang melibatkan implikasi kepada pihak berkepentingan. Pihak ini kita boleh kategorikan kepada pihak dalaman dan luaran.


Pihak Berkepentingan

Dalaman	Luaran
Kementerian Pendidikan Malaysia	Alumni
Ahli Lembaga Pengarah Universiti	Ibu Bapa
Pengurusan tertinggi	Masyarakat dan orang awam
Pengurusan kanan	Industri
Kumpulan sokongan	Kontraktor
Pelajar	Ekonomi
Harta atau aset utama	Alam sekitar
Jabatan atau bahagian	Universiti lain
Fakulti	

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: UPR UiTM

Model Nilai JA2K UiTMCM



Model JA2K UiTM Cawangan Melaka

OS

Objektif Strategik UiTM


1. Memacu dan memperluas akses dalam pendidikan tinggi
2. Menyediakan pendidikan bertaraf dunia
3. Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global
4. Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global
5. Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan
6. Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien
7. Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu
8. Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri
9. Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif demi kemajuan akademik
10. Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: PSTU UiTMCM

Bukti_1.2.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM 2015-2025)



PPPM (PT) menggariskan 10 Lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.

Empat Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh *(enablers)* ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

7 Ekosistem Inovasi

3. Semoga pelantikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pihak puan bagi melestarikan bidang komunikasi dan media dengan penganjuran dan penyertaan pihak industri, alumni dan pelajar serta mencapai objektif yang disasarkan. Kerjasama dan komitmen pihak puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Salam Hormat.

Affiq

Muhammad Affiq Bin Zulkifli
Naib Presiden
Suspended Meal Association Malaysia

Sumber: PJI UiTMCM

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA (657354-W)
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, MALAYSIA

+603-8926 3434
+603-8925 3434
info@islamic-relief.org.my

Islamic Relief Malaysia
Saving lives since 1984

Ruj. Kami : IRM/CO/A0064/22/08/0001
Tarikh : 5 Ogos 2022

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor,
Universiti Teknologi MARA (UITM),
Cawangan Melaka,
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah,
Melaka

Yang Berusaha Prof. Madya Dr.,

PELANTIKAN WAKIL RASMI SUKARELAWAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Islamic Relief Malaysia dengan sukacitanya melantik Dr Azhana Binti Othman sebagai **sukarelawan rasmi Islamic Relief Malaysia** selaku Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka bagi menyelia serta mengetuai program-program kolaborasi kemanusiaan dan kesukarelawanan.

3. Pelantikan ini berkuatkuasa selama 2 tahun 6 bulan iaitu bermula pada 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2024. Sepanjang tempoh tersebut, program kesukarelawanan yang dianjurkan perlu mematuhi terma-terma kerjasama yang dinyatakan dalam Lampiran 1.

4. Selain itu, Dr Azhana juga merupakan **Timbalan Pengarah Negara bagi 'Charity Week' Malaysia**, satu program kesukarelawanan bagi membantu projek pendidikan dan kebajikan kanak-kanak di peringkat antarabangsa.

Semoga kerjasama ini berterusan memberikan manfaat bagi masyarakat serta mampu membina warga kampus yang prihatin dan berketerampilan tinggi. Encik Muhammad Haris sedia dihubungi di talian 011-12613577 jika terdapat sebarang pertanyaan dan cadangan. Segala jasa baik dari pihak YBrs Prof. Madya Dr., kami dahului dengan jutaan Terima Kasih.

Sekian, Salam Hormat.

"Fikir Kemanusiaan, Fikir ISLAMIC RELIEF!"
b/p **Islamic Relief Malaysia**

Bukti 1.5.3. Senarai Kemenangan dan Anugerah UiTMCM


Anugerah UiTM Green Center (UCG)





Sumber: Unit Korporat, UiTMCM

Anugerah MeTIC 12/2023








Sumber: MeTIC UiTM

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM 2022





Anugerah Khas Rektor 2022 UiTMCM

SENARAI CALON PENERIMA ANUGERAH KHAS REKTOR 2022

ANUGERAH KHAS REKTOR KATEGORI JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, MASYARAKAT DAN ALUMNI
(Dinilai melalui projek jaringan berimpak tinggi yang melibatkan pelbagai pihak seperti industri, komuniti, masyarakat dan alumni, dan berdaftar di dalam sistem PRIME)

ANUGERAH KHAS REKTOR KATEGORI PEMINDAHAN ILMU LESTARI
(Dinilai melalui projek jaringan berimpak tinggi yang lestari dan berterusan, yang melibatkan pelbagai pihak seperti industri, komuniti, masyarakat dan alumni, dan berdaftar di dalam sistem PRIME)

BIL.	NAMA PROJEK	JUSTIFIKASI
1	Lendu International Art Community: Pasca Covid (LIAC#4) Ketua projek: Diana binti Ibrahim (KPSK) **Dicadangkan untuk kategori pemindahan ilmu lestari**	• Program antarabangsa berteraskan seni bersama komuniti, alumni dan industri. • Projek ini merupakan siri keempat (selepas Tahun 2013, 2014, 2016) yang berfokus kepada pemerkasaan ekonomi dan kerohanian komuniti di DUN Lendu (Kampung Durian Daun Barat, Kampung Durian Daun, Kampung Lendu, komuniti Taman Aman, Masjid Tanah Melaka). • 12 aktiviti dilaksanakan, termasuk bengkel berteraskan SDG Kreatif berfokus kepada pendedahan pembangunan kemahiran menghasilkan produk berteraskan bahan terpakai dan alam serta pembangunan kemahiran rekaan digital. • Agensi terlibat: Balai Seni Negara, Kraftangan Malaysia, MPAG, Japerun DUN Lendu, Jabatan Belia & Sukan Negeri Melaka, Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand dan Universiti Sebelas Maret, Surakarta Indonesia dan seniman antarabangsa dari negara-negara ASEAN seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei serta 9 buah kumpulan seniman seni visual tempatan. • Kajian impak keberkesanan projek dilaksanakan dengan melibatkan 100 responden. • Projek tahun sebelum ini telah menerbitkan 3 artikel jurnal pada tahun 2018 dan 2019.
2	Melaka Traditional Food Program 2022 Ketua projek: Soo Yew Phong (PJI /	• Objektif KTP program: (i) melestarikan perniagaan produk kampung/ makanan tradisi dengan mempergiatkan promosi & startegik pemasaran produk kampung; (ii) meningkatkan keupayaan kawasan Asahan sebagai hub eko-pelancongan dan eko-pelajaran; (iii) meningkatkan peluang penjanaan pendapatan penduduk komuniti. • Melibatkan komuniti, industri dan alumni: Bens Maju Services, SSM, LHDN, JPKK Kampung Bukit Senggeh, Tadika KEMAS Bukit Senggeh, Japerun DUN Asahan, Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah.

Sumber: Unit Korporat & Unit Kualiti UiTMCM

Bukti 1.5.4. Pemerkasaan Program JA2K UiTMCM

Pemerkasaan Program Komuniti UiTMCM












Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Pemerkasaan Program Kesukarelawanan, CSR dan USR UiTMCM









Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Pemerkasaan Program Alumni UiTMCM

UiTM Cawangan Melaka - FB Rasmi
March 28, 2022 ·

Siaran Media - Harian Metro
28 Mac 2022

"Alumni UiTM Melaka lancar tabung kebajikan bantu golongan memerlukan"... See more

Alumni UiTM Melaka lancar tabung kebajikan bantu golongan memerlukan

Melaka: Persatuan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka (Umat) melancarkan tabung persatuan terbaik bagi membantu golongan memerlukan, malam kelmarin.

Presiden Umat, Datuk Rosthman Ibrahim berkata, tabung berkenaan bertujuan membantu alumni, penuntut UiTM Melaka dan komuniti yang memerlukan.

Beliau berkata, turut dilancarkan kad keahlian dan laman sesawang Umat yang dirasmikan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Seri Dr Ibrahim Shah Abu Shah.

"Dalam majlis makan malam ini, sesi bidaan produk hasil kerja seni lukis penuntut dan staf kampus turut diadakan dengan hasil bidaan disalurkan bagi membiayai keperluan Umat menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

"Program ini kali pertama diadakan dan dirancang pada 2020, namun tertangguh dua kali berikutan pandemik Covid-19," katanya pada Majlis Makan Malam Umat di Hotel LaCrista Melaka, malam kelmarin.

Turut hadir 250 alumni, pesara dan pensyarah serta Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun yang juga bekas penuntut UiTM berkenaan.

Hadir sama, dua bekas Rektor UiTM Melaka, Profesor Datuk Dr Mizan Hitam yang kini Penolong Naib Canselor Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM dan Datuk Sabariah Mahat.

Rosthman berkata, UiTM Melaka memiliki lebih 50,000 graduan, namun agak sukar mencari mereka dan Umat sedaya upaya akan mengesan mereka kerana mampu memberi impak kepada universiti dalam pembaharuan kursus, program dan silibus baharu.

Beliau berkata, alumni boleh mendaftar secara dalam talian dan bayaran RM20 setahun akan memberikan pelbagai kelebihan termasuk kad keahlian selain mendapat diskaun di Hotel LaCrista dan produk sukan Al Ikhsan.



Melaka Hari Ini
Informasi Terkini Negeri Melaka

Terkini | Lokal | Nasional | Sukan | Bisnes | Didik | English | Digital Daily | E-Paper



ROSTHMAN (kanan) bersama Ibrahim menunjukkan kad keahlian UMAT selepas pelancarannya pada Majlis Makan Malam Eksklusif UMAT 250.

MELAKA | TERKINI

Kumpul alumni UiTM Melaka misi UMAT tahun ini

FAIZ HASAN
AHAD, 27 MAC 2022 @ 14:02

BANDARAYA MELAKA 27 Mac – Misi menghimpunkan alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka menjadi fokus Persatuan Alumni UiTM Cawangan Melaka (UMAT) tahun ini.

Presidennya, Datuk Rosthman Ibrahim berkata, persatuan yang ditubuhkan pada Jun 2019 itu menyasarkan seramai 3,000 alumni universiti itu untuk berdaftar dengan persatuan bagi memastikan kebajikan dan penyatuan dapat dijalin.

Beliau berkata, setakat ini kira-kira 300 alumni telah berdaftar daripada 50,000 graduan yang dihasilkan UiTM Melaka sejak penubuhannya.

Jelasnya usaha itu menghimpunkan semula individu yang pernah bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti terbabit memerlukan data terperinci.

"Kita mahu menghimpunkan mereka untuk mengenal pasti maklumat agar bagi memudahkan usaha menghulurkan bantuan dilakukan dengan mudah selain membentuk sebuah komuniti yang lebih erat.

Info Grafik



Tahun Melawat Melaka 2024




Salam Maal Hijrah 1445/2023


Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Bukti 1.5.5. Lawatan Penanda Aras dan MoU UiTMCM

Lawatan Penanda Aras ke UiTMCM dari Universiti Utara Malaysia, UiTM Cawangan Kelantan dan UiTM Cawangan Selangor







Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Majlis menandatangani MoU UiTMCM bersama industri Ittihad Trading & Resources Sdn. Bhd dan Professional Mutawwif Development Sdn. Bhd







Sumber: Unit Korporat UiTMCM

Majlis menandatangani MoU Antarabangsa antara UiTMCM dengan Asosiasi Dosen Akuntansi Indonesia, Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand dan Sekolah Tinggi Agama Islam







Sumber: Unit Korporat UiTMCM

K2

PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik UiTMCM (PS UiTMCM) terhadap bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) diterjemahkan dalam Model JA2K berasaskan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global** telah dicetuskan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM untuk dihayati dan dibudayakan oleh semua pelanggan UiTMCM bagi mencapai sasaran PS UiTMCM.

Perancangan

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan perancangan projek JA2K selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT, Kerajaan Negeri Melaka dan keperluan semasa. Struktur PS UiTMCM yang diketuai oleh Rektor sebagai Peneraju Projek PS UiTMCM membentuk Objektif Strategi (OS) dan inisiatif strategik selari dengan input PS UiTM 2025. Bagi mencapai OS PS UiTMCM, Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk Program Teja dan Program InFac khusus untuk mencapai sasaran prestasi JA2K. Bagi jaringan komuniti dan kesukarelawanan, Program InFac fokus dalam pelaksanaan Petunjuk Prestasi (PI) berteraskan komuniti dan kesukarelawanan. Bagi aktiviti alumni dan penjanaan pendapatan, inisiatif strategik berpusat di bawah Program Teja. Maklumat kumpulan pelaksana PS UiTMCM dan maklumat PS UiTMCM dimuatnaik dalam Sistem *Strategic Action Plan (SAP)* untuk pemantauan Pengurusan Kanan UiTMCM yang lebih bersistematik.

Pelaksanaan

Pelan Tindakan Penyebarluasan PS UiTMCM adalah rujukan utama pasukan PS UiTMCM. Pengurusan Kanan UiTMCM menggunakan platform penyebarluasan seperti Amanat Rektor, Bengkel/Mesyuarat PS, Minggu Destini Siswa, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Bahagian PJI, Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri, Majlis Hari Inovasi UiTMCM, 365 Pentadbiran Rektor dan terkini, inovasi penyebarluasan adalah Jelajah Maya PJI 2022 bagi warga UiTMCM. Bagi perluasan antarabangsa, PS UiTMCM disebarluas melalui Ucaptama Persidangan Antarabangsa, Ucapan Perasmian bagi Program Mobiliti Antarabangsa dan Ucapan ketika Majlis MoU. Rektor menyebarluas PS UiTMCM bagi membuka platform kepada ahli akademik antarabangsa berkolaborasi bersama UiTMCM dan hal ini membuka peluang kepada jaringan komuniti antarabangsa.

Pemantauan

Risiko berkaitan dengan bidang tumpuan adalah risiko strategik, risiko kewangan dan risiko operasi. Risiko-risiko ini dikenalpasti oleh pasukan projek semasa PS UiTMCM dan sepanjang proses pelaksanaan projek bidang tumpuan. Setiap risiko yang dikenalpasti disusuli cadangan penambahbaikan. Data risiko diperolehi daripada platform pemantauan risiko dan maklumbalas pelanggan. Pelan Pemantauan PS UiTMCM dibentuk bagi mengenalpasti risiko sepanjang proses projek inisiatif dilaksanakan. Pelan tindakan pencegahan yang strategik mengandungi maklumat lengkap pengurusan risiko memandu pasukan PS UiTMCM mencapai OS dan inisiatif strategik UiTMCM.

Tindakan Penambahbaikan

Strategi Rektor untuk PS UiTMCM 2022 dalam mengaplikasi model ADLI memacu pelbagai kejayaan UiTMCM 2022. Kaji semula risiko proses PS UiTMCM dan melaksanakan tindakan penambahbaikan telah mencetuskan inovasi proses PS UiTMCM yang dikongsikan kepada semua pelanggan. Inovasi ini diterjemahkan dalam dokumen Pelan Jaringan Pelanggan UiTMCM mensasarkan agar seluruh pelanggan dapat menghayati hala tuju UiTMCM. Pembudayaan PS

UiTMCM daripada peringkat PTJ, peringkat antarabangsa dan peringkat nasional melakar kecemerlangan UiTMCM tahun 2022. Pelbagai anugerah dirangkul oleh UiTMCM dalam MeTIC 12/2023 dan hampir semua PI bagi bidang tumpuan dilaporkan LEBIH CAPAI sasaran yang ditetapkan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik UiTMCM (PS UiTMCM) yang dirangka dengan mengambilkira faktor risiko dan maklumbalas pelanggan pada tahun 2022 telah meningkatkan produktiviti dalam bidang tumpuan, iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K). Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global merupakan aspirasi Rektor bersama Pengurusan Kanan UiTMCM untuk disebar ke seluruh warga UiTMCM. Struktur PS UiTMCM yang diketuai oleh Rektor selaku Peneraju Projek fokus menggerakkan perancangan yang telah ditetapkan. Strategi penglibatan Pengurusan Kanan UiTMCM sebagai Ketua Projek dan Ketua Pusat Pengajian (KPP)/ Bahagian/Unit selaku Pengurus Projek telah menjadikan pasukan projek jelas tentang PS UiTMCM. Penglibatan aktif Koordinator ICAN dan AJK PS Fakulti/Bahagian/Unit turut menyumbang kepada kejayaan PS UiTMCM **(rujuk bukti 2.2.1).**

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan perancangan projek JA2K selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT dan keperluan semasa industri seperti Kerajaan Negeri Melaka **(rujuk bukti 2.2.2).** Dalam Pelan Pendidikan Malaysia, PS UiTMCM menyokong Lonjakan ke-8, iaitu Keunggulan Global dan sekaligus mendokong Pelan Strategik UiTM 2025 berdasarkan Teras 1: Kecemerlangan Akademik dan Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global. PS UiTMCM 2025 turut menyahut aspirasi Kerajaan Negeri Melaka dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 melalui Melaka Key Result Area-MKRA 2, iaitu Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat. Maka, Tema PS, Objektif Strategik (OS) dan Matlamat PS UiTMCM diterjemahkan dalam Model PS UiTMCM, Model JA2K dan Model Proses PS UiTMCM dibentuk selari dengan input PS UiTMCM **(rujuk bukti 2.2.3).** OS yang berkaitan dengan JA2K adalah OS4: Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global, OS7: Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu, OS8: Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri, OS10: Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi **(rujuk bukti 2.2.4).** Bagi mencapai OS PS UiTMCM, Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk Program Teja dan Program InFac khusus untuk mencapai sasaran JA2K. Bagi jaringan komuniti dan kesukarelawanan, Program InFac fokus dalam pelaksanaan Petunjuk Prestasi (PI) berteraskan komuniti dan kesukarelawanan. Bagi aktiviti alumni dan penjanaan pendapatan, inisiatif strategik berpusat di bawah Program Teja. Maklumat kumpulan pelaksana PS UiTMCM dan maklumat PS UiTMCM dimuatnaik dalam Sistem *Strategic Action Plan* (SAP) untuk rujukan Pengurusan Kanan UiTMCM yang lebih bersistematik.

Inovasi dan perkongsian pengetahuan PS UiTMCM diterjemahkan dalam Pelan Jaringan Pelanggan PS UiTMCM **(rujuk bukti 2.2.5).** Pendekatan yang sistematik dan inovasi bagi melibatkan seluruh pelanggan PS UiTMCM di peringkat nasional dan antarabangsa menjadikan PS UiTMCM mencapai sasaran JA2K. Bagi perkongsian pengetahuan PS UiTMCM di peringkat nasional, inisiatif seperti Perbincangan bersama Pelanggan UiTMCM, *Meet and Greet with Alumni*, Bengkel/Latihan dan Penganjuran Projek Berimpak Tinggi. Manakala, di peringkat antarabangsa Geran Penyelidikan, MoU dan Penganjuran Projek Berimpak Tinggi serta Perkongsian Kepakaran merupakan inisiatif Rektor bagi perkongsian pengetahuan PS UiTMCM.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif (OS) dan inisiatif strategik UiTMCM adalah berlandaskan input yang disenaraikan dalam Pelan Strategik UiTMCM, iaitu Dasar 4IR Negara, Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030, Sustainable Development Goals (SDG), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025

(Pengajian Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 seperti dinyatakan dalam Pelan Tindakan PS UiTMCM. Input ini memandu pembentukan teras strategik dan tema strategik. Bagi JA2K, Teras Strategik 1 dan Teras Strategik 2 adalah selari dengan Tema Strategik 2, iaitu Graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan serta Tema Strategik 5, iaitu Perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni. Inisiatif strategik PS UiTMCM adalah selari dengan PI yang diturunkan oleh UiTM kepada UiTMCM. Oleh itu, PS UiTMCM bagi mencapai JA2K adalah sejajar dengan aspirasi universiti dan negara.

Bagi menyebarluas PS UiTMCM ke seluruh warga dan pelanggan UiTMCM, Rektor telah menyediakan Pelan Tindakan Penyebarluasan PS UiTMCM **(rujuk bukti 2.3.1)** sebagai panduan pasukan PS UiTMCM. Bagi warga UiTMCM, platform penyebarluasan seperti Amanat Rektor, Bengkel/Mesyuarat PS, Minggu Destini Siswa, Mesyuarat Staf Akademik, Mesyuarat Bahagian PJI, Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri, Majlis Hari Inovasi UiTMCM, 365 Pentadbiran Rektor dan terkini, inovasi penyebarluasan adalah Jelajah Maya PJI 2022 **(rujuk bukti 2.3.2).**

Bagi perluasan antarabangsa, PS UiTMCM disebarluas melalui Ucaptama Persidangan Antarabangsa, Ucapan Perasmian bagi Program Mobiliti Antarabangsa dan Ucapan ketika Majlis MoU. Rektor menyebarluas PS UiTMCM bagi membuka platform kepada ahli akademik antarabangsa berkolaborasi bersama UiTMCM dan hal ini membuka peluang kepada jaringan komuniti antarabangsa. Keyakinan dan kepercayaan pelanggan antarabangsa terhadap PS UiTMCM membuka platform kepada jalinan MoU antara UiTMCM dengan universiti antarabangsa **(rujuk bukti 2.3.3).**

Selain perluasan antarabangsa, PS UiTMCM turut disebarluas di peringkat nasional, khususnya bersama kerajaan persekutuan **(rujuk bukti 2.3.4).** Kolaborasi antara UiTMCM bersama kerajaan Negeri Melaka telah membuka platform kepada jaringan bersama Kementerian Belia dan Sukan melalui projek LIAC#4. Projek ini mendapat kerjasama strategik bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Malaysia dan Rektor UiTMCM dijemput bagi ucapan aluan. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Pengarah (KBS) dan komuniti Masjid Tanah, Melaka. Selain KBS, UiTMCM turut diberi peluang untuk berkolaborasi bersama Kementerian Sumber Manusia, Malaysia di bawah Projek OS1S di mana, UiTMCM adalah IPT pertama di Malaysia yang menawarkan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

PS UiTMCM turut disebarluas ke peringkat kerajaan negeri Melaka **(rujuk bukti 2.3.5).** Ketampakan UiTMCM, Kampus Jasin memberi impak kepada hubungan diplomasi bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar yang kini dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka apabila beliau melaksanakan lawatan kerja ke UiTMCM dan ini adalah platform efektif yang digunakan oleh Rektor untuk menyebarluas PS UiTMCM. Selain itu, hubungan baik antara UiTMCM bersama ADUN Ayer Limau dan ADUN Merlimau turut membuka peluang kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk sebarluas PS UiTMCM kepada komuniti negeri Melaka. Justeru itu, perluasan PS UiTMCM telah dilaksanakan di peringkat antarabangsa, nasional dan komuniti setempat.

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan risiko PS UiTMCM adalah berpandukan dokumen Unit Pengurusan Risiko UiTM yang merangkumi kategori risiko, jenis risiko, objektif pengurusan risiko, risiko PTJ dan risiko strategik UiTM **(rujuk bukti 2.4.1.1).** Bagi memastikan pemantauan dan pengurusan risiko yang lebih sistematik, struktur Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCM diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Di bawah Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia (BPSM), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Negeri berfungsi sebagai Sekretariat. Struktur UPR UiTMCM turut bertanggungjawab memastikan sasaran PS UiTMCM dicapai dan sebarang risiko atau isu yang

mengekang kepada pelaksanaan PS UiTMCM adalah agenda utama PS UiTMCM **(rujuk bukti 2.4.1.2).**

Bagi memastikan pemantauan OS PS dan semua projek PS dilaksanakan secara berkesan, Pengurusan Kanan UiTMCM menggunakan Model Pemantauan Risiko UiTMCM sebagai rujukan platform pemantauan, dokumen pemantauan dan kategori risiko. Platform Pemantauan membuktikan Pengurusan Kanan UiTMCM mempunyai takwim berkala dalam pemantauan PS UiTMCM dan rujukan pelaksanaan pemantauan ini adalah dokumen pemantauan seperti Laporan Pembentangan PS UiTMCM, Laporan Analisa Risiko, Laporan Pencapaian PI dan Audit Dalam. Setiap platfom pemantauan bertujuan mengenalpasti kategori risiko seperti Risiko Operasi, Risiko Projek, Risiko Kewangan dan Risiko Reputasi. Hasil daripada pemantauan sistematik dan berkala beberapa risiko PS dikenalpasti seperti proses sebarluas kurang berkesan, data pelaporan tidak tepat, risiko reputasi UiTMCM dalam kedudukan terendah dalam kalangan kampus cawangan, polisi kewangan dan dokumentasi tidak sistematik **(rujuk bukti 2.4.1.3).**

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa melibatkan seluruh pelanggannya dalam PS terutama ketika proses pemantauan dan analisis risiko. Data kajian tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan BPJI menjadi asas pemantauan dan pengurusan risiko UiTMCM. Kajian ini berjaya mengutip data daripada pelajar, orang awam, staf akademik dan staf pentadbiran **(rujuk bukti 2.4.1.4).** Bagi maklumbalas alumni pula data dikumpul daripada penganjuran program. Alumni Talk Series dianjurkan dan borang kaji selidik diedarkan selepas program untuk mendapatkan maklumbalas daripada alumni. Data maklumbalas ini digunakan untuk penambahbaikan penganjuran program di masa hadapan **(rujuk bukti 2.4.1.5).**

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM fokus dalam mengenalpasti risiko yang menjejaskan pelaksanaan projek PS UiTMCM. Tindakan pencegahan diambil bagi memastikan kejayaan UiTMCM mencapai pelaksanaan objektif (OS8 & OS10) dan inisiatif strategik **(rujuk bukti 2.4.2.1).** Risiko yang mengekang kelancaran PS adalah risiko strategik, risiko reputasi dan risiko proses. Bagi risiko operasi, Pengurusan Kanan UiTMCM berhadapan dengan proses sebarluas PS UiTMCM yang kurang berkesan dan tidak menyeluruh ke semua pelanggan UiTMCM. Bagi risiko strategik pula, data yang diperolehi kurang tepat dan pelaporan data PS yang pasif . Penganjuran projek komuniti antarabangsa pastinya menuntut perbelanjaan yang besar dan ini mencetus risiko kewangan.

Hal ini pasti memberi kesan kepada reputasi UiTMCM sebagai sebuah IPT terbesar di Malaysia. Ini kerana kurang ketampakan di peringkat komuniti antarabangsa dan kurang kolaborasi bersama industri/universiti terkemuka dunia menjadikan sasaran untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawanan antarabangsa berhadapan dengan risiko reputasi **(rujuk bukti 2.4.2.2).** Hal ini mengundang risiko strategik apabila pelaporan data PI tidak berjaya dilaksanakan dan pelaporan data yang pasif pada suku tahun kedua **(rujuk bukti 2.4.2.3).** Pengurusan Kanan UiTMCM percaya bahawa risiko reputasi dan risiko strategik adalah berpunca daripada risiko operasi, iaitu penyebarluasan PS UiTMCM tidak berkesan dan tidak menyeluruh kepada semua pelanggan UiTMCM, baik peringkat nasional mahupun antarabangsa **(rujuk bukti 2.4.2.4).**

Tindakan pencegahan segera diambil oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Bagi risiko proses, tindakan pencegahan diambil adalah mengadakan Jelajah Maya PJI 2022 yang melibatkan warga UiTMCM. Bagi pelaporan data kurang tepat dan isu pelaporan data PI yang pasif, inisiatif memperkasakan Koordinator ICAN dan pelantikan AJK PS Fakulti/Bahagian/Unit dilaksanakan tahun 2022. Pelaporan yang efisyen secara dalam talian menggunakan Google Drive, memudahkan pasukan PS memuatnaik bukti dan pelaporan data secara berkala dengan pemantauan sistematik oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Bagi risiko kewangan, inisiatif sinergi geran penyelidikan untuk aktiviti kesukarelawanan menampakkan hasil apabila Geran Penyelidikan daripada Sumitomo

Foundation, Jepun bukan sahaja menampung kos penyelidikan, bahkan turut digunakan untuk khidmat komuniti **(rujuk bukti 2.4.2.5).** Pengurusan Kanan UiTMCM telah mengenalpasti risiko dan tindakan pencegahan untuk disebarluas kepada seluruh pelanggan UiTMCM.

2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM fokus dalam memastikan setiap data risiko dan maklumbalas pelanggan dianalisis dan disebarluas sebagai tindakan penambahbaikan. Data Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan BPJI, Borang Maklumbalas Alumni, Borang Maklumbalas Pelajar dan dapatan Audit Dalam dianalisis oleh pegawai bertanggungjawab dan dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCM bagi mengenalpasti risiko dan tindakan penambahbaikan. Risiko proses sebarluas PS UiTMCM yang kurang berkesan menyebabkan pelaporan data PI tidak tepat dan pasif dalam kalangan pasukan PS UiTMCM. Data ini diperolehi daripada Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan BPJI. Risiko proses ini turut menyebabkan sasaran PS UiTMCM tidak capai dan memberi kesan kepada reputasi UiTMCM **(rujuk bukti 2.4.3.1).**

Data ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri dan diminitkan sebagai isu pelaporan PS UiTMCM menyebabkan pelaporan PI tidak tepat. Mesyuarat memutuskan agar warga UiTMCM diberi kefahaman tentang carta alir proses pelaporan PI bagi bidang tumpuan dan penyebarluasan dokumen utama setiap pelaporan PI. Hasil daripada perbincangan, Pengurusan Kanan UiTMCM memutuskan satu kaedah perlu dilaksanakan agar maklumat PS UiTMCM disebarluas kepada seluruh warga UiTMCM. Bermula tahun 2022, Jelajah Maya PJI telah dilaksanakan bagi menyebarluas sasaran PI, kaedah dan dokumen yang diperlukan bagi pelaporan PI kepada warga UiTMCM **(rujuk bukti 2.4.3.2).**

Hasil analisa PS UiTMCM disebarluas kepada seluruh warga UiTMCM untuk dilaksana dan dibudayakan dalam proses di Fakulti/Bahagian/Unit. Selain risiko proses, Pengurusan Kanan UiTMCM turut berhadapan dengan risiko strategik, iaitu risiko melibatkan pelaporan data yang tidak tepat dan kurang motivasi dalam pelaporan data PS UiTMCM. Hasil analisa dalam Mesyuarat Bahagian PJI, satu inisiatif untuk memberi penghargaan dan anugerah kepada pelapor data PS UiTMCM. Inisiatif ini disebarluas melalui email oleh Pengurusan Kanan UiTMCM **(rujuk bukti 2.4.3.3).** Akhirnya, inisiatif ini membawa kejayaan pelaporan pencapaian PS UiTMCM bagi JA2K kerana hampir berjaya mencapai 100% LEBIH SASARAN serta meraih banyak kejayaan ketika di MeTIC 12/2023 **(rujuk bukti 2.4.3.4).**

Pelan tindakan pencegahan yang strategik mengandungi maklumat lengkap pengurusan risiko **(rujuk bukti 2.4.3.5)** memandu PS UiTMCM mencapai OS dan inisiatif strategik UiTMCM.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Strategi Rektor untuk PS UiTMCM 2022 dalam mengaplikasi model ADLI memacu pelbagai kejayaan UiTMCM 2022. Kaji semula risiko proses PS UiTMCM dan pelaksanakan tindakan penambahbaikan telah mencetuskan inovasi proses PS UiTMCM yang dikongsikan kepada semua pelanggan. Inovasi ini diterjemahkan dalam dokumen Pelan Jaringan Pelanggan UiTMCM mensasarkan agar seluruh pelanggan dapat menghayati hala tuju UiTMCM. Inovasi penyebarluasan, iaitu Jelajah Maya PJI 2022 fokus untuk menggalakkan seluruh warga UiTMCM mencapai sasaran PS UiTMCM, sekaligus diintegrasikan di peringkat antarabangsa dan nasional. Inovasi ini diguna dan dibudayakan dalam bentuk sijil penghargaan kepada pelapor projek JA2K dan pelapor data JA2K di sistem PRIME. Pembudayaan di peringkat PTJ ini adalah untuk meningkatkan motivasi warga UiTMCM dan melonjakkan ketampakan UiTMCM di peringkat nasional dan antarabangsa **(rujuk bukti 2.5.1).**

Setiap tahun Majlis Sambutan Hari Inovasi dilaksanakan bagi menghargai usaha warga UiTMCM dalam menyumbang kepada kecemerlangan UiTMCM. Namun, tahun 2022 melaporkan kelainan apabila pertambahan Anugerah Bestari bagi memberi pengiktirafan kepada pelapor dan penyumbang data JA2K **(rujuk bukti 2.5.2).** Pertambahan Anugerah Khas Rektor terutama dalam JA2K dilaksanakan bagi mengiktiraf projek JA2K berimpak tinggi anjuran pasukan PS UiTMCM. Pertambahan anugerah-anugerah ini adalah bukti kepada pembudayaan PS UiTMCM di UiTMCM. Kejayaan Pengurusan Kanan UiTMCM melaksanakan bidang tumpuan JA2K turut dibuktikan dengan kolaborasi penyelidikan antarabangsa bersama Prof. Dr. Abd Al-Fattah El Awaisi, Pengasas Projek Tamadun Pengetahuan Antarabangsa Baitul Maqdis (Fellow of the Royal Historical Society, United Kingdom) dan kajian ini menjurus kepada komuniti Baitul Maqdis, Palestin. Kolaborasi ini membuktikan kepercayaan komuniti antarabangsa terhadap UiTMCM dalam bidang JA2K **(rujuk 2.5.3)**.

Pembudayaan PS UiTMCM turut mengukuhkan ketampakan UiTMCM di peringkat nasional dan hal ini dibuktikan dengan Lawatan Naib Canselor UNIMEL tahun 2021 yang membawa kepada MoU tahun 2022 antara UNIMEL bersama UiTMCM. Ketampakan strategik Pengurusan Kanan UiTMCM membawa Universiti Utara Malaysia (UUM) ke UiTMCM untuk lawatan penanda aras projek OS1S, iaitu projek perkongsian kepakaran UiTMCM bersama komuniti **(rujuk bukti 2.5.4).** Pembudayaan PS UiTMCM di peringkat PTJ, peringkat antarabangsa dan peringkat nasional serta Alumni melakar kecemerlangan UiTMCM tahun 2022. Pelbagai anugerah dirangkul oleh UiTMCM dalam MeTIC 12/2023, Anugerah Kampus Hijau (Johan Kategori Kampus Zon Selatan) dan anugerah PI bagi bidang tumpuan dilaporkan LEBIH CAPAI **(rujuk bukti 2.5.5).**

Bukti 2.2.1: Struktur Perancangan Strategik UiTM Cawangan Melaka



Printed from UePMO v3

Department	Project Name	Objective	Project Structure	Project Timeline	Project Cost	Progress %
M0000 UiTM CAWANGAN MELAKA	UCM2022_C In-Fac	Program Industri -Fakulti (In-Fac) menjalinkan aktiviti jaringan komuniti, industri dan alumni bersama pemegang taruh universiti demi memajukan kesejahteraan umum dan memacukan sosial-ekonomi masyarakat.	**Lead Director** Mohd Rasdi Zaini (PM Dr) **Program Director** Hayati Abd Rahman (Dr) **Project Manager** Soo Yew Phong	**Start Date** 01/02/2022 **End Date** 31/12/2022	30,000.00	0
	UCM2022_H 01 Program Khidmat Bakti/Sukarelawan Bersama Komuniti	Mendekatkan pelajar warga UiTM Melaka dengan masyarakat melalui program khidmat bakti/sukarelawan bersama komuniti	**Lead Director** Mohd Rasdi Zaini (PM Dr) **Program Director** Mohd Nor Hajar Hasrol Jono (Dato' Dr) **Project Manager** Ismadi Md. Badarudin (PM Dr)	**Start Date** 01/02/2022 **End Date** 31/12/2022		100
		4. Berkongsi maklumat mengenai senarai MoU/MoA UiTMCM				
	UCM2022_A 03 UNIQ CO-FAC	Bengkel pendedahan tentang program inbound outbound pelajar/staf dan TVET kepada semua fakulti.	**Lead Director** Mohd Rasdi Zaini (PM Dr) **Program Director** Ismadi Md. Badarudin (PM Dr) **Project Manager** Ismadi Md.	**Start Date** 01/02/2022 **End Date** 31/12/2022		0


UiTM\intan.maizura Page No.:2

Sistem *Strategic Action Plan (SAP)*

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: PSTU, UiTMCM

Struktur Perancangan Strategik UiTM Cawangan Melaka bagi mencapai bidang tumpuan: Jaringan Alumni, Keusahawanan dan Kesukarelawanan



PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: PSTU, UiTMCM

Surat lantikan Penyelaras PI Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTMCM

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
Faculty of Communication and Media Studies

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Kampus Alor Gajah
KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka
Tel: (+606) 558 2000 Faks: (+606) 558 2001

Ruj. Kami: 100KM (HEA/FKPM 2/3)
Tarikh : 1 Jun 2021

Rosilawati Sultan Mohideen
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENYELARAS *PERFORMANCE INDICATOR (PI)* FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA, UiTM CAWANGAN MELAKA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa puan telah dilantik sebagai Penyelaras PI bagi Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka.

3. Tempoh pelantikan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2022.**

4. Semoga dengan pelantikan ini, pihak puan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Kerjasama dan sokongan pihak puan di dalam menjalankan tugas ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF MADYA DR. ABDUL RAUF BIN RIDZUAN
Ketua Pusat Pengajian (KPP)
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM)
UiTM Cawangan Melaka

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: PSTU, UiTMCM

Bukti 2.2.2: Input PS UiTMCM daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025






Sumber: Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 -2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM(PT), 1-14

Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Input PS UiTMCM daripada Pelan Strategik UiTM 2025





Sumber: PSTU, UiTMCM


PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Input PS UiTMCM daripada Pelan Pembangunan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035




PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: PSTU, UiTMCM





Bukti 2.2.3: Model Proses Perancangan Strategik UiTMCM



NILAI	• Sinergibersama dan sinergitrust
TEMA PS	• Lonjakan Jaringan Alumni , Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global
TERAS PS	• Teras Strategi 1: Kecemerlangan Akademik • Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global
OBJEKTIF PS	**OS1:** Memacu dan memperluas akses dalam pendidikan tinggi **OS2:** Menyediakan pendidikan bertaraf dunia **OS3:** Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global **OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS5:** Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan **OS6:** Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS8:** Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri **OS9:** Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif demi kemajuan akademik **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi
INISIATIF PS	• **Program Teja:** Program ITTIHAD, UMAT@Campus, Brand Community Project (BCOP) • **Program InFac:** Program ITTIHAD, UMAT@Campus, Projek Bukit Senggeh, Collaborative Teaching ft Alumni, Wakaf Kemboja, LIAC #4, CHANEL 7.0 & 8.0, OS1S, Projek Sumitomo: UiTMCM bersama Organisasi Jepun, Charity Week: Islamic Relief
PELAKSANA PS	• Peneraju Projek (Rektor) • Pengarah Projek (JKEN) • Pengurus Projek (Koordinator ICAN) • Pasukan Projek (Pensyarah/Staf Sokongan)
MATLAMAT PS	• UiTMCM: Globally Renowned Campus

Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Bukti 2.2.4: Pelan Tindakan Perancangan Strategik UiTMCM

TERAS STRATEGIK 1: PENDIDIKAN BERKUALITI

INPUT STRATEGIK	TERAS STRATEGIK	TEMA STRATEGIK PROGRAM	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	STRUKTUR PELAKSANA	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	GARIS MASA		RISIKO
								TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	
JARINGAN ALUMNI										
Dasar 4IR Negara Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 Sustainable Development Goals (SDG) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) Pelan Strategik UiTM 2025 Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035	**Teras Strategik 1:** Pendidikan Berkualiti	**Tema Strategik 2:** Graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan	**OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS8:** Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi	Meningkatkan penyertaan pertandingan antarabangsa	Rektor Timbalan Rektor PJI Penasihat Projek (Ketua Pusat Pengajian) Pengurus Projek HEP/HEA/PJI	**Program Teja** 1. Program ITTIHAD 2. UMAT@Campus 3. Brand Community Project (BCOP)	1. Number of official partnership activities 2. Number of new MoU and MoA with International Industries 3. Number of new MoA with local partners 4. Number of activities under MoA/MoU with International Industries 5. Number of alumni successfully became entrepreneurs 6. Number of alumni expert service programmes 7. Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/ academic programmes/ competition.	01/01/2022	31/12/2022	Polisi peruntukan kewangan kejat menyukarkan penganjuran program Penganjuran program komuniti yang mengomptimumkan impak dan meminimumkan peruntukan kewangan Kurang penglibatan Alumni dalam menjayakan projek UiTMCM yang berimpak tinggi Kurang ketampakan UiTMCM dalam kalangan industri antarabangsa Kurang ketampakan UiTMCM dalam kalangan industri dalam negara

Sumber: PSTU, UiTMCM

TERAS STRATEGIK 1: PENDIDIKAN BERKUALITI

INPUT STRATEGIK	TERAS STRATEGIK	TEMA STRATEGIK PROGRAM	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	STRUKTUR PELAKSANA	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	GARIS MASA		RISIKO
								TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	
KESUKARELAWANAN BERSAMA KOMUNITI										
Dasar 4IR Negara Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 Sustainable Development Goals (SDG) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) Pelan Strategik UiTM 2025 Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035	**Teras Strategik 1:** Pendidikan Berkualiti	**Tema Strategik 2:** Graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan	**OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi	Menawarkan khidmat masyarakat di peringkat antarabangsa Membentuk persekitaran kerjasama antara pelajar, pensyarah dan masyarakat melalui program SULAM Meningkatkan kesukarelawanan di peringkat antarabangsa bersama rakan industri Mewujudkan nilai ekosistem dalam menggalakkan program kelestarian budaya	Rektor Timbalan Rektor PJI Penasihat Projek (Ketua Pusat Pengajian) Pengurus Projek HEP/HEA/PJI	**Program InFac** 1. Wakaf Kemboja 2. LIAC #4 3. CHANEL 7.0 & 8.0 4. Ittihad 5. OS1S 6. Projek Sumitomo: UiTMCM bersama Organisasi Jepun 7. Charity Week: Islamic Relief	1. Number of University Social Responsibility programme (USR) 2. Number of Knowledge Transfer Programme (KTP) 3. Total amount received (from external) for USR and KTP programmes 4. Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes 5. Number of communities receiving/benefitting from the knowledge/technology diffusion projects 6. Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/ academic programmes/ competition.	01/01/2022	31/12/2022	Kekangan kewangan untuk pelaksanaan projek khidmat masyarakat di peringkat antarabangsa Kurang jaringan antara UiTMCM bersama komuniti yang memerlukan kepakaran Pensyarah dan penglibatan pelajar Kurang ketampakan UiTMCM dalam kalangan komuniti antarabangsa

Sumber: PSTU, UiTMCM

TERAS STRATEGIK 2: KECEMERLANGAN GLOBAL

INPUT STRATEGIK	TERAS STRATEGIK	TEMA STRATEGIK PROGRAM	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	STRUKTUR PELAKSANA	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	GARIS MASA		RISIKO
								TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	
JARINGAN ALUMNI & KOMUNITI										
Dasar 4IR Negara Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 Sustainable Development Goals (SDG) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) Pelan Strategik UiTM 2025 Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035	**Teras Strategik 2:** Kecemerlangan Global	**Tema Strategik 5:** Perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni	**OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi	Menubuhkan Hub Perniagaan Alumni UiTMCM bagi aktiviti penjanaan pendapatan Menyelaras aktiviti bersama alumni yang dapat menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran untuk pembangunan pelajar Memanfaatkan kerjasama pintar bersama Alumni merangkap industri dengan menerapkan program pembelajaran kurikulum akademik UiTMCM	Rektor Timbalan Rektor PJI Penasihat Projek (Ketua Pusat Pengajian) Pengurus Projek HEP/HEA/PJI	**Program InFac** 1. Program ITTIHAD 2. UMAT@Campus 3. Projek Bukit Senggeh 4. Collaborative Teaching ft Alumni	1. Number of official partnership activities 2. Number of alumni successfully became entrepreneurs 3. Number of alumni expert service programmes 4. Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/ academic programmes/ competition.	01/01/2022	31/12/2022	Kekangan kewangan untuk projek penyelidikan bersama komuniti Kekangan kewangan untuk projek bersama alumni Kurang jaringan antara UiTMCM bersama komuniti yang memerlukan kepakaran Pensyarah dan penglibatan pelajar Kurang ketampakan UiTMCM dalam kalangan komuniti antarabangsa

Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka


Bukti 2.2.5: Pelan Jaringan Pelanggan PS UiTMCM

INPUT STRATEGIK	TERAS STRATEGIK	TEMA STRATEGIK PROGRAM	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	STRUKTUR PELAKSANA	PETUNJUK PRESTASI	PELANGGAN	JARINGAN PELANGGAN
Dasar 4IR Negara Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 Sustainable Development Goals (SDG) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) Pelan Strategik UiTM 2025 Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035	**Teras Strategik 1:** Pendidikan Berkualiti	**Tema Strategik 2:** Graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan	**OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS8:** Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi	Meningkatkan penyertaan pertandingan antarabangsa	● Rektor ● Timbalan Rektor PJI ● Koordinator ICAN ● Ketua Pusat Pengajian	1. Number of official partnership activities 2. Number of new MoU and MoA with International Industries 3. Number of new MoA with local partners 4. Number of activities under MoA/MoU with International Industries 5. Number of alumni successfully became entrepreneurs 6. Number of alumni expert service programmes 7. Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/ academic programmes/ competition.	**ALUMNI** 1. Program ITTIHAD 2. UMAT@Campus 3. Brand Community Project (BCOP) 4. CGCT ft Alumni **KERAJAAN NEGERI/ NGO/ INDUSTRI/ KOMUNITI** **Nasional** 1. LIAC #4 2. CHANEL 7.0 & 8.0 3. OS1S 4. Projek Bukit Senggeh **Antarabangsa** Wakaf Kemboja Projek Sumitomo: UiTMCM bersama Organisasi Jepun Charity Week: Islamic Relief	1. Perbincangan bersama Pelanggan UiTMCM 2. Meet and Greet with Alumni 3. Bengkel/Latihan 4. Penganjuran Projek Berimpak Tinggi 5. Geran Penyelidikan 6. MoU 7. Perkongsian Kepakaran

Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Bukti 2.3.1: Pelan tindakan penyebarluasan PS UiTMCM kepada warga UiTMCM



Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Bukti 2.3.2: Pelan tindakan penyebarluasan PS UiTMCM kepada seluruh pelanggan UiTMCM

Teras Strategik 1: Pendidikan Berkualiti


INPUT STRATEGIK	TERAS STRATEGIK	TEMA STRATEGIK PROGRAM	OBJEKTIF STRATEGI	INISIATIF	STRUKTUR PELAKSANA	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	JARINGAN PELANGGAN
Dasar 4IR Negara Dasar Wawasan Kesejahteraan Bersama 2030 Sustainable Development Goals (SDG) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) Pelan Strategik UiTM 2025 Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035	**Teras Strategik 1:** Pendidikan Berkualiti	**Tema Strategik 2:** Graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan	**OS4:** Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu **OS8:** Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi	Meningkatkan penyertaan pertandingan antarabangsa	• Rektor • Timbalan Rektor PJI • Koordinator ICAN • Ketua Pusat Pengajian	**PROGRAM TEJA** **PROGRAM InFac**	1. Number of official partnership activities 2. Number of new MoU and MoA with International Industries 3. Number of new MoA with local partners 4. Number of activities under MoA/MoU with International Industries 5. Number of alumni successfully became entrepreneurs 6. Number of alumni expert service programmes 7. Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/ academic programmes/ competition.	**ALUMNI** 1. Program ITTIHAD 2. UMAT@Campus 3. Brand Community Project (BCOP) 4. CGCT ft Alumni **KERAJAAN NEGERI/ NGO/ INDUSTRI/ KOMUNITI** **Nasional** 1. LIAC #4 2. CHANEL 7.0 & 8.0 3. OS1S 4. Projek Bukit Senggeh **Antarabangsa** **1.** Wakaf Kemboja 2. Projek Sumitomo: UiTMCM bersama Organisasi Jepun 3. Charity Week: Islamic Relief

Sumber: PSTU, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Perluasan di peringkat warga UiTM Cawangan Melaka










365 Hari Pentadbiran Rektor UiTM Cawangan Melaka

Sumber: Unit Korporat, UiTMCM







Sumber: Bahagian PJI, UiTMCM

Bukti 2.3.3: Penyebarluasan PS UiTMCM di peringkat antarabangsa (Persidangan Antarabangsa) melalui sesi Ucaptama



Sumber: Bahagian PJI, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Penyebarluasan PS UiTMCM di peringkat antarabangsa (Mobiliti Pelajar Antarabangsa ke UiTMCM) melalui Ucapan Perasmian Program



Sumber: Bahagian PJI, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Penyebarluasan PS UiTMCM di peringkat antarabangsa (Aktiviti MoU) melalui Ucapan Perasmian Program





Sumber: Bahagian PJI, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Bukti 2.3.4: Perluasan PS UiTMCM di Peringkat Kerajaan Persekutuan (Kementerian Belia dan Sukan)



PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: Unit Korporat, UiTMCM

Perluasan PS UiTMCM di Peringkat Kerajaan Persekutuan (Kementerian Sumber Manusia)



PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: Unit Korporat, UiTMCM

Perluasan PS UiTMCM di Peringkat Kerajaan Persekutuan (Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara)



PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Sumber: Unit Korporat, UiTMCM

Bukti 2.3.5: Perluasan PS UiTMCM di Peringkat Kerajaan Negeri Melaka



PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka



Sumber: Unit Korporat, UiTMCM





Sumber: Unit Korporat, UiTMCM

PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI BIN ZAINI
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka



Melaka Hari Ini
Informasi Terkini Negeri Melaka

Terkini | Lokal | Nasional | Sukan | Bisnes | Didik | Englis

PESERTA membabitkan mahasiswa daripada UiTM jasin mengecat pagar SK Ayer Limau

DUN Ayer Limau: UiTM Jasin selesaikan misi ceriakan SK Ayer Limau

FAIZ IHSAN
SABTU, 08 JUN 2022 @ 10:00

MASJID TANAH 18 Jun – Bagi memastikan pembangunan sekolah sebagai perbarui ilmu yang lestari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jasin telah menganjurkan Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Limau akan kongsi pintar (smart partnership).

Rektor UiTM Melaka, Dr Mohd Rasdi Zaini berkata Program Sekolahku Universitiku bertujuan menyokong strategi penyelesaian isu sekolah yang memerlukan perhatian di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Katanya pemilihan dilakukan adalah menyikat kategori yang berbeza seperti sekolah yang mempunyai kemudahan daif atau prasarana yang rosak.

RASDI (tengah) bergambar bersama peserta dan kakitangan UiTM jasin selepas perasmian penutupan Program Sekolahku Universitiku di SK Ayer Limau.

BILANGAN 63 TAHUN 2022

welcome!

INTISARI KHUTBAH
"Setiap Kebaikan Itu Sedekah"

RASULULLAH SAW BERSABDA :

SAMBUNGAN KHUTBAH
SETIAP KEBAIKAN ADALAH SEDEKAH

GANJARAN SEDEKAH YANG IKHLAS

Sila Hubungi
UNIT HAL EHWAL ISLAM

PENAFIAN: E-mel ini dan apa-apa fail yang dihantar bersama-samanya ("Mesej") adalah dihasratkan hanya untuk kegunaan penerima yang dinyatakan di atas dan mungkin mengandungi maklumat yang tidak umum, bermilik, istimewa, sulit dan dikecualikan dari penzahiran di bawah undang-undang yang terpakai termasuklah Akta Rahsia Rasmi 1972. BACA SELANJUTNYA...

***DISCLAIMER** : This e-mail and any files transmitted with it ("Message") is intended only for the use of the recipient(s) named above and may contain information that is non-public, proprietary, privileged, confidential and exempt from disclosure under applicable law including the Official Secrets Act 1972.* READ MORE...

https://mail.google.com/mail/u/0/?ik=1c3c136c0e&view=pt&search=all&permthid=thread-f:1741914562493796349&simpl=msg-f:1741914562493796349 1/1

Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) & Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTMCM

Bukti 5.5.1: Budaya Sinergitrust

Penganugerahan Darjah Pangkuan Seri Melaka



Sumber: Facebook Rasmi UiTMCM

Penganugerahan Pingat Bakti Belia (P.B.B)



Sumber: Facebook Rasmi UiTMCM

Penganugerahan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)



Sumber: Facebook Rasmi UiTMCM


Bukti 5.5.2: Ketampakan Kepakaran Warga UiTMCM

Suara Kemanusiaan IRM *Sukarelawanan Prihatin"



Sumber: Instagram Suspended Meal dan Facebook Rasmi UiTMCM

Lensa IPT, RTM "Kesukarelawanan Pemangkin Mahasiswa Cemerlang"



Sumber: Instagram Suspended Meal dan Facebook Rasmi UiTMCM


K6
TUMPUAN
KEPADA
OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mewujudkan operasi yang mantap berasaskan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global,** Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa komited bagi usaha yang berterusan dalam menggalakkan warga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jaringan bersama alumni, komuniti dan kesukarelawanan dengan cekap dan efektif.

Perancangan

Perancangan sesuatu projek melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan UiTMCM dibuat melalui proses mengenalpasti projek-projek yang berimpak bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Perancangan projek yang melibatkan alumni turut diberi penekanan bagi memperkukuhkan hubungan sekaligus dapat memupuk konsep menyumbang semula kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat antarabangsa. Keperluan komuniti diteliti dengan terperinci bagi memastikan perjalanan projek dapat dijalankan dengan baik dan hubungan baik bersama komuniti dapat diperkukuhkan. Perancangan projek kesukarelawanan juga turut diteliti bermula dengan mengenalpasti golongan yang perlu diberi perhatian sehingga memilih projek-projek yang berkaitan sekaligus dapat memupuk nilai prihatin di kalangan warga UiTMCM.

Pelaksanaan

Pelaksanaan projek dijalankan mengikut perancangan yang telah dirancang mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri. Melalui proses-proses utama yang terlibat di dalam prosedur bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K), hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JA2K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan tahap ketampakan UiTMCM, pemindahan ilmu yang berterusan di kalangan komuniti dan warga UiTMCM.

Pemantauan

Pemantauan dibuat secara berkala melalui laporan-laporan yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri serta mesyuarat Jaringan Negeri bagi memantau inisiatif-inisiatif universiti yang dijalankan. Melalui mesyuarat ini, laporan bagi setiap inisiatif yang dijalankan turut dibentang kepada ahli mesyuarat secara terperinci.

Tindakan Penambahbaikan

Berdasarkan laporan kajian kepuasan pelanggan yang telah dijalankan, UiTMCM melalui BPJI mewujudkan kumpulan sokongan bagi membantu proses pelaporan inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan. Selain itu, jelajah maya yang dibuat oleh pihak BPJI turut membantu menyebarluas maklumat-maklumat berkaitan inisiatif yang dijalankan. Inisiatif pemberian anugerah bagi memberi penghargaan kepada pelapor turut diwujudkan bagi menggalakkan pelaporan dibuat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan perancangan projek JA2K selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT dan keperluan industri dengan memfokuskan kepada **4 Objektif Strategik (OS)** iaitu **OS4, OS7, OS8** dan **OS10.** Dua proses utama iaitu **Proses menjalankan projek bersama alumni dan program bersama komuniti dan kesukarelawanan** telah dikenalpasti bagi menyokong kepada pencapaian objektif strategik dan pelaksanaan JA2K yang berdasarkan kepada prosedur operasi PJI UiTMCM.

Dalam usaha memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri **(OS8),** Pengurusan Kanan UiTMCM komited merangsang hubungan strategik yang berterusan bersama alumni serta menggalakkan modal sosial alumni dalam aktiviti akademik dan pembangunan pelajar. Garis Panduan Jaringan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) **(rujuk bukti 6.2.1)** merupakan dokumen utama yang dirujuk bagi **Proses menjalankan projek bersama alumni.** Proses ini dimulakan dengan perancangan dan penyediaan kertas kerja bersama objektif yang jelas. Borang Permohonan Mengadakan Aktiviti dengan perincian program yang dirancang dihantar ke TRHEA/TRHEP atau TRPJI UiTMCM untuk disemak dan disokong **(rujuk bukti 6.2.2).** Setelah mendapat surat kelulusan, program dijalankan mengikut perancangan. Setelah selesai menjalankan program, laporan yang lengkap beserta maklumbalas program dihantar ke TRHEA/TRHEP atau TRPJI bagi tujuan dokumentasi.
Proses kedua bagi mencapai **OS4** adalah dengan mengadakan **program bersama komuniti dan kesukarelawanan.** Dengan berpandukan Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM **(rujuk bukti 6.2.3),** Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menggalakkan nilai prihatin di kalangan warganya dengan mengusahakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan komuniti melalui perkongsian dan pemindahan ilmu serta kesukarelawanan yang berbentuk bantuan dari segi kewangan, peralatan, tenaga dan juga kepakaran. Secara dasarnya, proses dimulakan dengan mengenalpasti pihak atau golongan yang perlu diberi atau memerlukan perhatian dan bantuan dengan mengadakan perbincangan dan lawatan ke komuniti berkenaan. Kemudian, jenis khidmat komuniti atau projek kesukarelawanan yang sesuai ditentukan oleh pihak-pihak yang terlibat bersama objektif dan hasil yang jelas. Surat permohonan menjalankan program atau usahasama dihantar kepada pihak terlibat. Setelah memperoleh kelulusan dari kedua-dua pihak, proses perbincangan bersama pihak tersebut perlu diadakan bagi memastikan kelancaran program **(rujuk bukti 6.2.4).** Pelaporan program yang lengkap perlu disediakan dan dihantar ke PTJ / TRPJI, serta dimuatnaik ke dalam sistem SMART **(rujuk bukti 6.2.5).**

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menyebarluas operasi ke seluruh warga dan pelanggan UiTMCM, Pengurusan Kanan UiTMCM menggunakan PDCA (Plan, Do, Check, Action) sebagai model perluasan dalam proses kerja utama sebagai penambahbaikkan berterusan bagi setiap projek dan aktiviti yang dirancang di bawah JA2K.

Setiap fakulti di UiTMCM aktif dalam mengadakan kolaborasi dengan alumni masing-masing menerusi pelbagai program yang memberi pengetahuan, pendedahan dan potensi dunia pekerjaan yang boleh diterokai oleh para pelajar. Selari dengan OS8, antara program berimpak tinggi bersama alumni yang dijalankan adalah **Program ITTIHAD** yang merupakan program kerjasama antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTMCM dan ITTIHAD Trading and Resources Sdn Bhd. Pihak ITTIHAD telah mencadangkan agar UiTMCM dapat membantu menjalankan kajian pasaran bagi daging arnab serta perkhidmatan perundingan bagi membangunkan dan memasarkan produk keluaran mereka. Persetujuan ini disahkan dengan menandatangani MOU oleh kedua belah pihak **(P) (rujuk bukti 6.3.1).** Program dimulakan dengan menjalankan analisis SWOT bagi mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap daging arnab. Seterusnya, perkongsian dan pemindahan ilmu mengenai pembinaan jenama, fotografi, penyediaan akaun kewangan, pemasaran dan promosi dijalankan oleh para pensyarah dari pelbagai fakulti bagi membantu pihak ITTIHAD meningkatkan kualiti pengurusan syarikat. Ilmu yang dipelajari diaplikasikan ke dalam sistem perniagaan ITTIHAD dan dikembangkan kepada komuniti yang dibantu **(D) (rujuk bukti 6.3.2)**. Hasil daripada projek ini dapat dilihat dengan perubahan dan aplikasi ilmu secara terus antaranya; memenangi pingat perak di dalam Pertandingan Inovasi V-MIIEX 2022, penambahbaikan ‘packaging’, logo, label dan 'tagline' **(C)**. Usaha sama ini diteruskan dengan membuat perancangan aktiviti MOU bagi tahun 2023-2025 yang melibatkan inisiatif berimpak besar serta usaha pengantarabangsaan **(A) (rujuk bukti 6.3.3).**

Selari dengan OS8, salah satu inisiatif antarabangsa bagi **program bersama komuniti dan kesukarelawanan** adalah **Program Lendu International Art Community (LIAC#4).** Projek yang dianjurkan oleh Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTMCM ini merupakan siri ke 4. Ia dimulakan dengan penyediaan kertas kerja setelah mengambil kira penambahbaikkan dari 3 siri awal LIAC. LIAC#4 dirancang bagi mengembangkan nilai kreatif masyarakat Dun Lendu, memperkasa agenda SDG amalan teknologi hijau serta membuka peluang baru ekonomi komuniti setempat melalui bengkel kreatif yang dijalankan. LIAC#4 berjaya mendapat kerjasama Majlis Perbandaran Alor Gajah, Universiti dan institusi seni tempatan, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand serta telah melibatkan lebih dari 10 rakan strategik tempatan dan luar negara **(P)**. Projek ini dijalankan dalam 2 fasa iaitu Pra- LIAC dan Ekspo LIAC di dalam Kampus, Taman rekreasi Durian Daun dan Kompleks Sukan Masjid Tanah. Peserta yang terlibat merangkumi pelajar universiti dan komuniti seni dalam dan luar negara, pelajar sekolah, guru-guru dan komuniti setempat. Terdapat 4 aktiviti utama yang dijalankan iaitu Bengkel SDG kreatif, Pameran Seni Komuniti, Berkarya Bersama Komuniti dan Ekspo LIAC#4 dari Ogos 2022 hingga Oktober 2022 **(D) (rujuk bukti 6.3.4)**. Setelah program berjaya dijalankan, borang Penilaian Aktiviti Pelajar diedarkan bagi mendapatkan respon peserta terhadap program yang telah dijalankan **(C).** Penilaian terhadap kemahiran insaniah dan keberkesanan aktiviti dianalisa dan dilaporkan di dalam Borang Penutup Aktiviti Pelajar. Laporan yang lengkap dimuat naik di dalam SMART. Akhir sekali, penilaian bagi Sistem Penarafan Bintang Program Jaringan Industri dilengkapkan bagi menentukan impak projek komuniti yang telah dijalankan **(A) (rujuk bukti 6.3.5).**

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCM menerusi BPJI menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi memantau inisiatif-inisiatif universiti yang dijalankan. Ini adalah bagi memastikan operasi JA2K berada pada tahap yang optimum selari dengan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global**. Pemantauan terhadap setiap inisiatif jaringan alumni yang dijalankan dibuat secara berkala melalui Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri **(rujuk bukti 6.4.1.1)** yang dijalankan sebanyak tiga kali setahun dimana laporan JA2K dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat. Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan** bagi memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri dan ini adalah selari dengan objektif strategik OS8. Melalui mesyuarat yang dijalankan, data berkenaan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dilapor bagi mendapat maklum balas ahli mesyuarat yang hadir. Selain itu, pemantauan juga dibuat secara berkala melalui pembentangan laporan yang dibentang di dalam mesyuarat Jaringan Negeri **(rujuk bukti 6.4.1.2).** Melalui mesyuarat ini, laporan bagi setiap inisiatif yang dijalankan turut dibentang kepada ahli mesyuarat secara terperinci. Melalui proses-proses utama yang terlibat di dalam prosedur JA2K, hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JA2K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan tahap ketampakan UiTMCM, pemindahan ilmu yang berterusan di kalangan komuniti dan warga UiTMCM.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM memandang serius dalam memastikan pengurusan risiko terus diberikan penekanan dalam setiap pengurusan operasi agar objektif kualiti dapat dicapai pada tahap optimum.

Bagi mencapai OS yang berkaitan, Pengurusan Kanan UiTMCM telah melaksanakan pengurusan risiko yang terlibat dalam pengurusan operasi JA2K. Risiko-risiko yang terlibat dengan bidang tumpuan adalah risiko operasi dan risiko manusia. Bagi risiko operasi, setiap projek yang dijalankan berhadapan dengan maklumat atau data yang tidak lengkap dari setiap program JA2K yang telah dijalankan **(rujuk bukti 6.4.2.1).** Hal ini adalah disebabkan kekurangan maklumat berkenaan

tatacara pelaporan yang perlu disediakan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan ini sekaligus menjejaskan pelaksanaan operasi sesuatu inisiatif yang telah dirancang. Oleh itu, Unit ICAN UiTMCM telah mewujudkan Manual Pendaftaran Program Komuniti ke Sistem PRIME: Modul Star Rating dan menyediakan Kumpulan Sokongan 'PRIME Komuniti ICAN Melaka' bagi memudahkan Ketua Projek melaporkan maklumat projek yang diperlukan bagi pelaporan data di dalam Sistem SMART **(rujuk bukti 6.4.2.2).** Kegagalan melaporkan aktiviti atau program yang telah dijalankan turut menyumbang kepada kegagalan pencapaian PI UiTMCM. Bagi mengurus risiko yang terlibat, ICAN UiTMCM telah mengambil inisiatif dengan memberi sijil penghargaan kepada staf yang melaporkan aktiviti tersebut melalui sistem SMART sekaligus dapat menggalakkan staf bagi melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan **(rujuk bukti 6.4.2.3).** Bagi risiko manusia pula, projek yang dijalankan berhadapan dengan ketiadaan maklumat skop tugas bagi lantikan setiap ketua projek. Hal ini menyebabkan ketua projek tidak mendapat maklumat lengkap berkenaan dengan skop tugas dan tanggungjawab bagi menjalankan projek sekaligus menjejaskan operasi bagi menjalankan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang.

6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM komited dalam memastikan segala inisiatif-inisiatif JA2K dapat diuruskan dengan baik seiring dengan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global**.

Menerusi operasi yang dijalankan secara sistematik dan terancang, inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak pelajar dan universiti direkod dan dipantau dari masa ke semasa dengan bertujuan tindakan penambahbaikan dapat dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kajian kepuasan pelanggan **(rujuk bukti 6.4.3.1)** direkod dan dibentang di dalam mesyuarat untuk mendapat kata putus berkenaan tindakan yang perlu diambil. Berdasarkan laporan kajian kepuasan pelanggan yang diterima, UiTMCM mengambil maklum dan mengatasi masalah berkaitan. Usaha yang berterusan dari pihak BPJI dapat menjamin operasi mutu kerja yang baik dan dapat memudahkan urusan pelanggan sekaligus dapat mewujudkan budaya kerja yang lebih efisien. Sebagai contoh, melalui tindakan penambahbaikan operasi dan postmortem yang telah dijalankan **(rujuk bukti 6.4.3.2),** program Lendu International Art Community (LiAC) telah dijalankan sebanyak tiga siri pada tahun-tahun terdahulu dan hasil dari maklum balas positif, terdapat peningkatan penglibatan dari bilangan pelajar dan jumlah guru seni serta pensyarah FSSR yang terlibat di dalam semua siri LiAC sepanjang tahun 2020 sehingga 2022 **(rujuk bukti 6.4.3.3)**.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)


Tindakan penambahbaikan merupakan antara elemen penting dalam pengoperasian UiTMCM. Pengurusan Kanan UiTMCM melalui BPJI sentiasa menitikberat aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk memastikan kualiti yang terbaik dalam aspek pengurusan operasi.

Dalam menjalankan pembudayaan inisiatif-inisiatif JA2K, pihak BPJI telah mewujudkan kumpulan sokongan dimana manual bagi pengisian PRIME Star Rating disediakan bagi membantu pelapor melaporkan inisiatif yang telah dijalankan **(rujuk bukti 6.5.1).** Ini adalah bagi memberi kefahaman dengan lebih jelas berkaitan dengan proses pelaporan yang tepat. Selain itu, pihak BPJI juga telah menjalankan Jelajah Maya PJI 2022 sejak dari tahun 2020 bagi menyebarluas inisiatif yang dijalankan kepada warga UiTM secara menyeluruh. Maklumat yang dikongsi termasuk pegawai yang boleh dihubungi bagi mendapatkan bantuan secara terus **(rujuk bukti 6.5.2).** Selain itu, bagi meneruskan penambahbaikan dalam aspek pengurusan operasi, pihak BPJI turut mengambil inisiatif pemberian sijil penghargaan melalui Anugerah Bestari bagi setiap pelaporan yang disediakan oleh pelapor dan penyumbang data **(rujuk bukti 6.5.3).** Dengan inisiatif yang telah diambil oleh pihak BPJI bagi menggalakkan pelaporan dibuat, motivasi pelapor dapat ditingkatkan

sekaligus operasi dapat ditingkatkan bagi mencapai mutu kerja yang lebih baik dan lebih efisien **(rujuk bukti 6.5.4).**

Hasil daripada keseluruhan operasi yang mantap ini, UiTMCM telah menerima pelbagai anugerah di MeTIC 12/2023 dan mendapat anugerah PTJ prihatin serta ditanda aras oleh UiTM Kelantan (Benchmark OS1S).

Bukti: 6.2.1 Garis Panduan Jaringan Alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM)




Office of Industry, Community and Alumni Network

GARIS PANDUAN JARINGAN ALUMNI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Disediakan oleh

Pusat Jaringan Alumni
Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

1



3.0 TADBIR URUS PUSAT JARINGAN ALUMNI

3.1 Pengenalan Pusat Jaringan Alumni

Tadbir urus pengurusan alumni UiTM merupakan tatacara yang dilaksanakan oleh Pusat Jaringan Alumni (ANC), Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTM serta PTJ di seluruh sistem UiTM yang dikenalpasti bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pemegang taruh ke arah kelestarian pengurusan pentadbiran alumni UiTM.


3.2 Objektif Pusat Jaringan Alumni

i Membina dan mengemaskini pengkalan data alumni universiti dengan kerjasama fakulti, kampus dan persatuan-persatuan alumni.
ii Menjadi perantara antara universiti dan alumni bagi merangsang hubungan strategik yang berterusan.
iii Memaksimumkan modal sosial alumni dalam aktiviti akademik, pelajar dan khidmat masyarakat.
iv Menggalakkan penjanaan pendapatan universiti melalui aktiviti bersama alumni.

3.3 Struktur Pentadbiran Pusat Jaringan Alumni

Struktur utama Pusat Jaringan Alumni adalah berdasarkan kepada keperluan visi, misi dan matlamat UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang terkemuka di peringkat global. UiTM mempunyai autonomi untuk memperkasakan Pusat Jaringan Alumni dalam melaksanakan objektif yang telah ditetapkan (carta organisasi ICAN yang menunjukkan Pusat Jaringan Alumni). Struktur Pusat Jaringan Alumni yang berkesan akan melibatkan semua PTJ di bawah UiTM yang melaksanakan aktiviti Jaringan Alumni.

5



CARTA 1: STRUKTUR PENTADBIRAN PUSAT JARINGAN ALUMNI

3.4 Pengurusan Kewangan Pusat Jaringan Alumni

Tatacara pengurusan kewangan Pusat Jaringan Alumni tertakluk kepada arahan perbendaharaan dan prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh pihak Bendahari UiTM.

3.5 Pengurusan Persatuan Alumni

3.5.1 Perhubungan PTJ dan Persatuan Alumni


UiTM perlu berkerjasama dengan entiti alumni untuk memastikan hubungan berterusan dan memberi faedah kepada kedua-dua pihak. PTJ perlu menghantar pelaporan aktiviti kerjasama alumni PTJ mengikut suku tahunan melalui sistem SMART. Ini bagi tujuan pemantauan aktiviti berkaitan kerjasama dengan alumni yang telah dilaksanakan di peringkat PTJ dan dihantar 4 kali dalam tempoh setahun.

3.5.2 Kategori Persatuan Alumni

Entiti Alumni boleh dibahagikan kepada dua kategori:

1. Persatuan Alumni yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan disahkan di peringkat UiTM
2. Persatuan Alumni yang ditubuhkan di peringkat PTJ

Sumber: BPJI, UiTMCM



Contoh-contoh entiti alumni adalah seperti berikut:

- Gabungan Alumni UiTM
- Persatuan Alumni peringkat PTJ seperti:
  i. *Faculty/Branch-based Chapter*
  ii. Persatuan Alumni peringkat antarabangsa
  iii. Persatuan Alumni peringkat jabatan/program
  iv. Persatuan Alumni bidang dan kerjaya (*Interest based chapter*)

3.6 Faedah Persatuan Alumni di bawah Gabungan Alumni UiTM

UiTM memerlukan sokongan yang berterusan dari alumni sebagai langkah proaktif membangunkan universiti bertaraf dunia dengan platform pengajaran dan pembelajaran yang terkini mengikut kehendak semasa.

Bagi menyokong usaha murni ini, UiTM menyediakan kemudahan Rumah Alumni sebagai insentif kepada Persatuan Alumni yang bernaung di bawah Gabungan Alumni UiTM.

4.0 PENGURUSAN DATA ALUMNI


4.1 Pengenalan

Pengurusan data Alumni merupakan satu proses yang komprehensif melibatkan perancangan dan penyediaan infrastruktur (sistem dan logistik) bagi membolehkan pengumpulan dan capaian maklumat yang lebih pantas, bererti dan terkini. Pusat Jaringan Alumni bertanggungjawab mengawal setia pangkalan data alumni dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infrostruktur (PPII) UiTM.

4.2 Fungsi Data Alumni

Umumnya data alumni akan membantu UiTM bagi tujuan berikut:

i merangka strategi-strategi berkaitan penjanaan dan pendanaan UiTM
ii meningkatkan kebolehpasaran graduan penyelidikan yang berkaitan meningkatkan kualiti graduan
iii anugerah / pengiktirafan
iv perancangan strategik promosi perkhidmatan / produk alumni / keterlibatan komuniti; dan lain-lain keperluan universiti.



4.3 Pengurusan Pengumpulan Data Alumni

UiTM memerlukan sokongan yang berterusan dari PTJ dalam usaha pengumpulan dan mempromosi data alumni UiTM yang aktif di dalam usaha memupuk kesedaran, semangat, iltizam untuk terus menyokong dan menyumbang kepada pembangunan pengajaran dan pembelajaran UiTM sebagai alma mater.

Pangkalan data para alumni UiTM melibatkan 3 bahagian iaitu:

i. Pengumpulan Data Alumni
ii. Pengesahan Maklumat Alumni
iii. Perkongsian Data Alumni

4.3.1 Pengumpulan Data Alumni


PTJ perlu mengumpul data alumni dari 2 sumber iaitu data primer dan sekunder. Data primer boleh diperolehi daripada alumni PTJ itu sendiri melalui portal-portal rasmi UiTM, maklumat akademik UiTM, dan maklumat yang dikumpulkan oleh persatuan alumni. Data sekunder boleh diperoleh oleh PTJ melalui majikan awam atau swasta dan juga rakan alumni itu sendiri yang akan disahkan semula oleh Pusat Jaringan Alumni.

4.3.2 Pengesahan Maklumat Alumni

Pemutihan data alumni dari PTJ dilaksanakan berdasarkan nombor kad pengenalan atau lain-lain maklumat yang bersesuaian dan proses pengesahan maklumat dibuat sepenuhnya oleh Pusat Jaringan Alumni dengan kerjasama PPII serta merujuk kepada sumber-sumber yang berkaitan dengan alumni.

4.3.3 Perkongsian Data Alumni

Data alumni boleh dikongsikan oleh PTJ tertakluk kepada peraturan atau pekeliling UiTM yang berkuat kuasa.



4.4 Pengurusan Pendaftaran Data Alumni

4.4.1 eAlumni UiTM

eAlumni UiTM merupakan pangkalan data alumni UiTM yang komprehensif, yang ditadbir urus secara kerjasama di antara Pusat Jaringan Alumni, ICAN dan PPII, UiTM.

Moderator Data Alumni UiTM di PTJ bertanggung jawab dalam:

i. Pengemaskinian data dan maklumat alumni
ii. Menyediakan data alumni Fakulti/Kampus

Lampiran 1: Proses Pendaftaran Alumni ke e-Alumni boleh dirujuk bagi membolehkan moderator di PTJ memberi pencerahan berhubung pendaftaran alumni melalui Sistem Pangkalan Data eAlumni.

4.4.2 MyAlumni

MyAlumni UiTM merupakan ciri tambahan terkini sistem pangkalan data e-alumni. MyAlumni UiTM merupakan medium interaktif yang bertujuan untuk mewujudkan interaksi dan keterlibatan antara rakan alumni UiTM di samping membantu UiTM mengenal pasti alumni aktif.

Moderator Data Alumni UiTM di PTJ bertanggung jawab dalam:

i. Mempromosi pendaftaran MyAlumni UiTM

Lampiran 2: Pendaftaran Alumni ke MyAlumni UiTM boleh dirujuk bagi membolehkan moderator di PTJ memberi pencerahan berhubung pendaftaran alumni.

4.5 Pematuhan Penggunaan Data

Penggunaan data perlu dipatuhi oleh setiap PTJ berdasarkan peraturan dan pekeliling UiTM yang berkuat kuasa.

Sumber: BPJI, UiTMCM

c. Penarafan bintang program berimpak tinggi jaringan Alumni oleh PTJ ditetapkan berdasarkan kriteria seperti berikut:

Jadual 1: Pengukuran Impak Kolaborasi Tahunan Bersama Alumni

TARAF	DIMENSI KERJASAMA	KETERANGAN
1 ★	Jalinan Hubungan	Alumni berminat menjalinkan kerjasama
2 ★★	Sokongan dan Penglibatan	Aktiviti kerjasama mula dilaksanakan di kedua-dua belah pihak
3 ★★★	Impak Kerjasama	Aktiviti kerjasama yang memberi faedah yang besar kepada kedua-dua pihak
4 ★★★★	Kelestarian Kerjasama Strategik	Pihak alumni mewujudkan kesinambungan aktiviti
5 ★★★★★	Sumbangan Kewangan	Sumbangan dana dalam bentuk wang tunai (sekurang-kurangnya RM10,000.00) atau setara oleh pihak alumni


5.3.2 Penjenamaan dan Promosi Alumni

a. Penjenamaan alumni UiTM boleh dilaksanakan oleh PTJ melalui inisiatif seperti Ikon Alumni, barangan cenderahati, komunikasi, jaringan dan program bersama alumni.
b. Memperluaskan penggunaan media massa yang komprehensif bagi meningkatkan keterlihatan alumni.
c. PTJ perlu berkongsi maklumat kandungan digital program-program alumni dengan Unit Penjenamaan dan Media Strategi, Pusat Jaringan Alumni untuk dihebahkan bagi pihak Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni melalui saluran:
   i. *Instagram*: alumniuitm_anc
   ii. *Facebook*: Pusat Jaringan Alumni Uitm
   iii. *Twitter*: @alumniuitm_ANC
   iv. ANCTV


5.3.3 Pengantarabangsaan

a. PTJ digalak menubuhkan Persatuan/ *Chapter*/ Kelab Alumni Antarabangsa.
b. PTJ perlu memperhebatkan program yang melibatkan alumni antarabangsa.

RAJAH 1: PENDAFTARAN ALUMNI KE PANGKALAN DATA EALUMNI UiTM

ALIRAN KERJA	PROSES
	Mula
	Alumni Registration (Google Form)
	Alumni mengisi maklumat yang diperlukan
	Sistem Admin (Pusat Jaringan Alumni) meluluskan pendaftaran alumni
	Alumni menerima emel notifikasi pengesahan pendaftaran
	Alumni login ke Sistem eAlumni
	Tamat

RAJAH 2: PENDAFTARAN ALUMNI KE MyAlumni UiTM

ALIRAN KERJA	PROSES
	Mula
	Alumni mendaftar melalui alumniuitm.uitm.edu.my
	Sistem Admin dan Pusat Jaringan Alumni menyemak maklumat di dalam MyAlumni (*Check Alumni Status*)
	Alumni mewujudkan Akaun Baru (*Record Already Exist/ Not Found*)
	Alumni mengisi maklumat yang diperlukan (*sign up*)
	Alumni mengisi maklumat diri (*profile*)
	Login ke MyAlumni
	Tamat

Sumber: BPJI, UiTMCM

5.4 Keterlibatan Alumni

PTJ disarankan menggunakan corak, tanda pagar dan lain-lain simbol komersial untuk menonjolkan PTJ dan UiTM kepada orang awam. Penggunaan simbol/bahan komersial ini harus seiring dengan keperluan UiTM dari masa ke semasa. Contoh tanda pagar yang disarankan; #uitmdihatiku, #kitauitm, #alumniuitm, #alumni(PTJ).

6.0 KAJIAN SEMULA DAN SEMAKAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini akan dikaji semula mengikut keperluan bagi memastikan ia kekal relevan dan berkesan.

7.0 DOKUMEN RUJUKAN

i. Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335)
ii. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)
iii. Perlembagaan Universiti
iv. Pekeliling ICT Bil 02/2017 - Dasar Keselamatan ICT Universiti Teknologi MARA (UiTM)
v. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 5 Tahun 2020 Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT
vi. Dasar ICT UiTM 2018

8.0 TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada 9 November 2020.

Bukti: 6.2.2 Kertas Kerja Program Alumni Talk (FSSR)

Cawangan Melaka
Kampus Alor Gajah

KERTAS KERJA:

PROGRAM ALUMNI

TALK

TARIKH: 11 JUN 2022

TEMPAT:

STUDIO

FOTOGRAFI

ANJURAN:

SIDIPCI

KETUA PROJEK:

MOHAMMAD IZZAT BIN MOHAMMAD SHARIFF

1. TAJUK KERTAS KERJA

1.1 Program Alumni Talk

2. TUJUAN

2.1 Memberi perkongsian maklumat dan pengalaman berkenaan asas teknik fotografi studio khususnya dalam bidang komersial dan pengiklanan.
2.2 Memberi pendedahan dengan ilmu keusahawanan terutamanya di dalam perniagaan studio seni kreatif.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Program ini bertujuan untuk membantu dan memberi tunjuk ajar kepada para pelajar dengan dunia keusahawanan dimana tidak kira latar belakang, semua pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang akan dikongsikan melalui program ini.
3.2 Pelajar juga dapat mengetahui bagaimana memulakan perniagaan dalam bidang fotografi.
3.3 Para pelajar juga akan dapat menilai sendiri apa yang mereka minat dalam fotografi untuk dijadikan kerjaya seperti contoh fotografi perkahwinan, makanan, produk dan lain-lain.

4. OBJEKTIF

4.1 Memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada pelajar tentang ilmu fotografi khususnya di dalam bidang pengiklanan, komersial dan kandungan kreatif yang sedia ada bersama pelajar yang lain.
4.2 Meningkatkan keyakinan diri para pelajar sama ada dari segi akademik, kokurikulum, kepimpinan, sifat kerjasama sesama pelajar dirinya.
4.3 Memberi ruang dan peluang kepada pelajar yang berminat lebih dalam tentang ilmu fotografi untuk dijadikan kerjaya.
4.4 Pelajar didedahkan dengan ilmu keusahawanan yang mudah difahami dimana dapat digunakan sewaktu pandemik berlangsung, justeru dapat membantu keyakinan pelajar untuk memulakan perniagaan mereka sendiri

5. KUMPULAN SASARAN

5.3 PESERTA : Seluruh para pelajar Diploma Fotografi & Pengimejan Kreatif
5.4 BILANGAN : Seramai 104 pelajar bagi setiap para pelajar Diploma Fotografi & Pengimejan Kreatif bagi setiap semester 1, 2, 3 dan 4, .

6. TARIKH/ MASA/ TEMPAT

Tarikh : 11 JUN 2022

Masa : 8 AM - 1 PM

Sumber: BPJI, UiTMCM

Tempat: Studio Fotografi

Pelajar: 104 Pelajar

7. PERASMI (JIKA BERKAITAN)

NAMA :	**DR NADZRI BIN HJ MOHD SHARIF**
JAWATAN:	**KETUA PUSAT PENGAJIAN PROGRAM DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA**
PERANAN:	**- MEMBUAT PERASMIAN PROGRAM ALUMNI TALK** **- MEMBERIKAN KATA-KATA SEMANGAT KEPADA PARA PESERTA YANG TIDAK** **BERJAYA MENDAPAT HATI PARA JURI UNTUK SENTIASA BERUSAHA TANPA** **PUTUS ASA UNTUK MENCUBA LAGI DI PROGRAM ALUMNI TALK PADA SEMESTER** **HADAPAN SERTA MENDORONG PELAJAR UNTUK BERANI MENCUBA UNTUK** **PENGAMBILAN GAMBAR DENGAN LEBIH BERKEYAKINAN**

8. KAEDAH PERLAKSANAAN AKTIVITI/ IMPAK KEPADA PELAJAR, UNIVERSITI, MASYARAKAT/ KOMUNITI

8.1 Tentatif program

(IMPAK)

KEPADA PELAJAR:

8.2 Melahirkan pelajar yang berbudaya kreatif dalam semua aspek khususnya dalam bidang komersial dan pengiklanan.

8.3 Mendedahkan mengenai ilmu fotografi dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menceburi di dalam bidang keusahawanan kearah kejayaan.

8.4 Melatih pelajar berkomunikasi dan meningkatkan keyakinan untuk bersaing dengan usahawan yang lain.

KEPADA UNIVERSITI:

8.5 Mempromosikan Jabatan Fotografi sebagai satu program yang lebih dikenali dikalangan fakulti yang lain.

8.6 Menjadikan seni sebagai salah satu kepentingan di peringkat universiti.

8.7 Dapat menarik minat dan perhatian pelabur serta orang luar dalam bidang keusahawanan.

KEPADA MASYARAKAT/ KOMUNITI:

8.8 Menjadikan masyarakat lebih menghargai dunia celik seni.

8.9 Dapat melahirkan bakat-bakat baru dalam dunia seni kreatif dikalanganmasyarakat. 7.12 Menerapkan unsur seni kreatif sebagai salah satu kemahiran yang dipandang tinggi oleh masyarakat.

9. BIODATA PENCERAMAH

Nama : Mohd Syazwan Bin Anuar
Tempat Kerja : NATIONAL GEOGRAPHIC ASIA
Jawatan : Art Director
Pendidikan : Bachelor's Degree in Graphic Design & Digital Media
Kemahiran: Travel/Journalism photography

10.JAWATANKUASA PELAKSANA

9.3 Jawatankuasa Pelaksana (Sila rujuk lampiran B)
9.4 Jawatan dan Skop tugas jawatankuasa pelaksana (Sila rujuk lampiran B)

11. IMPLIKASI KEWANGAN

10.1(Sila rujuk lampiran C)

12.PENUTUP:

Program ini akan menjadi titik permulaan kepada para pelajar diperingkat diploma untuk menghasilkan hasil kerja yang berkualiti, dan juga menghasilkan kefahaman konsep perniagaan, seterusnya dapat menyumbangkan kejayaan lebih baik dan memberikan impak di dalam komuniti dengan menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif, dan juga memberikan pensyarah pendedahan tentang konsep perniagaan dalam talian.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:

.....

(Nurin Nuha Binti Mohd Nor)

Program Alumni Talk
Setiausaha Projek

Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti: 6.2.3 Garis Panduan Jaringan Komuniti Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Office of Industry, Community and Alumni Network

GARIS PANDUAN JARINGAN KOMUNITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Disediakan oleh

Pusat Jaringan Komuniti
Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

4. OBJEKTIF KOMUNITI UNIVERSITI

Walaupun terdapat pelbagai definisi dan tafsiran mengenai penglibatan komuniti di UiTM, la membawa maksud penglibatan aktif dan bermakna dalam dan luar universiti di seluruh peringkat komuniti merangkumi tempatan, kebangsaan dan antarabangsa dengan tujuan untuk bertukar-tukar pengetahuan dan membolehkan pembelajaran untuk manfaat masyarakat. Oleh yang demikian, objektif komuniti universiti digariskan seperti berikut:

i. Memberi peluang kepada warga UiTM untuk berkomunikasi dan bekerja sebagai satu berpasukan, selain menerapkan nilai dan etika masyarakat.

ii. Menggalakkan penglibatan warga UiTM dalam pembangunan komuniti secara perkongsian pintar yang melibatkan kerajaan, industri dan pertubuhan bukan kerajaan.

iii. Membina semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan warga UiTM.

iv. Mendokumentasi aktiviti jaringan komuniti dalam satu pengkalan data bagi rujukan PTJ.

v. Perkongsian dan pemindahan ilmu antara komuniti dan warga UiTM.

5. SKOP PROGRAM DAN AKTIVITI JARINGAN

Program dan aktiviti jaringan antara komuniti dan warga UiTM boleh diterjemahkan melalui pelbagai sudut seperti berikut:

i. Pengajaran dan pembelajaran termasuk perkhidmatan pembelajaran bersepadu dan latihan industri.

ii. Integrasi penyelidikan, pertukaran pengetahuan dan aplikasi antara penglibatan komuniti dan warga UiTM.

iii. Perkhidmatan sosial yang meluas termasuk perkongsian ilmu dan teknologi dengan pelbagai pemegang taruh.

iv. Pembangunan institusi dan penggunaan sumber dalam mendokong pembangunan lestari, budaya, seni dan sukan.

Bagi memastikan kelestarian terhadap program dan aktiviti jaringan komuniti, beberapa elemen berikut akan diambil kira:

i. Perancangan
Membuat perancangan dengan menetapkan objektif yang jelas, tadbir urus, perundangan, proses, peranan pihak pemegang taruh dan jangkaan hasil yang diharapkan.

ii. Kumpulan Sasaran
Mengiktiraf komuniti sasaran sebagai sebuah entiti yang dihormati dalam menangani isu yang relevan dengan kesejahteraan masyarakat dan entiti budaya mereka.

iii. Mekanisme Penyampaian
Memudahcara penglibatan bersama secara saksama melibatkan semua rakan komuniti di semua peringkat inisiatif.

iv. Kelestarian
Memastikan kelangsungan hubungan kerjasama yang berterusan melalui strategi dan pelan pembangunan komuniti.

v. Nilai dan Budaya
Mencapai tahap jaringan komuniti yang tulen, bertanggungjawab, amanah dan fokus kepada pemegang taruh.

Antara kumpulan sasar dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan program dan aktiviti jaringan komuniti adalah seperti berikut:

i. Staf dan pelajar UiTM, warga kampus dan Alumni
ii. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
iii. Industri, termasuk dari bidang perusahaan, konsortium dan persatuan industri
iv. Kumpulan Komuniti dan Persatuan
v. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
vi. Institusi pendidikan, termasuk sekolah dan institusi lain
vii. Badan-badan profesional dan kumpulan masyarakat berdasarkan disiplin
viii. Badan Pembiayaan

Sumber: BPJI, UiTMCM

i. Misi Kemanusiaan Dalam dan Luar Negara
ii. Program Khidmat Komuniti / Khidmat Masyarakat
iii. Program Sekolah Angkat / Sekolah Kluster Kecemerlangan
iv. Program Inovasi Sosial / Inovasi Komuniti
v. Program Pembangunan Komuniti
vi. Hari Terbuka Komuniti
vii. Program Khidmat Nasihat Keusahawanan / Pengembangan Perniagaan
viii. Ekspo / Pameran / Demonstrasi Produk
ix. Program Komuniti bersama Majlis Tempatan / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / JKKK / Agensi Kerajaan / Swasta / NGO
x. Dan lain-lain program yang bersesuaian

6. PANDUAN PELAKSANAAN

Penglibatan warga UiTM dengan pemegang taruh harus mematuhi elemen-elemen berikut:

i. Pemindahan teknologi dan pengetahuan yang jelas dari universiti kepada komuniti,
ii. Penyelidikan dan latihan penyelidikan,
iii. Pengajaran dan pembelajaran,
iv. Perhubungan awam (termasuk menggalakkan pencapaian dan impak Universiti dalam masyarakat) dan akauntibiliti awam (termasuk mekanisme menyampaikan pandangan dan nasihat),
v. Menyokong perkongsian, hubungan dan kerjasama strategik serta rangkaian untuk memastikan jalinan kerjasama kukuh, hubungan saling menyokong dan lestari,
vi. Melibatkan pihak-pihak berkepentingan dalam industri dan masyarakat secara amnya,
vii. Menyediakan akses dan peluang kepada semua pelajar dan staf serta masyarakat yang lebih luas untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dalam menyokong matlamat komuniti universiti,
viii. Menyediakan akses dan peluang yang lebih luas kepada kemudahan universiti (di mana berkenaan) dan pengajaran berdasarkan keperluan khusus dan kursus (jika perlu),
ix. Menggalakkan semua warga Universiti untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Berikut adalah beberapa panduan dalam pengurusan program jaringan komuniti:

6.1 Kenal Pasti Khidmat Komuniti

a) PTJ akan mengenalpasti program khidmat komuniti berdasarkan perancangan masing-masing atau melalui permohonan daripada komuniti / agensi tertentu
b) Menentukan objektif bagi setiap program khidmat komuniti yang akan dilaksanakan

iii. Perkhidmatan sosial yang meluas termasuk perkongsian ilmu dan teknologi dengan pelbagai pemegang taruh.

iv. Pembangunan institusi dan penggunaan sumber dalam mendokong pembangunan lestari, budaya, seni dan sukan.

Bagi memastikan kelestarian terhadap program dan aktiviti jaringan komuniti, beberapa elemen berikut akan diambil kira:

i. **Perancangan**
Membuat perancangan dengan menetapkan objektif yang jelas, tadbir urus, perundangan, proses, peranan pihak pemegang taruh dan jangkaan hasil yang diharapkan.

ii. **Kumpulan Sasaran**
Mengiktiraf komuniti sasaran sebagai sebuah entiti yang dihormati dalam menangani isu yang relevan dengan kesejahteraan masyarakat dan entiti budaya mereka.

iii. **Mekanisme Penyampaian**
Memudahcara penglibatan bersama secara saksama melibatkan semua rakan komuniti di semua peringkat inisiatif.

iv. **Kelestarian**
Memastikan kelangsungan hubungan kerjasama yang berterusan melalui strategi dan pelan pembangunan komuniti.

v. **Nilai dan Budaya**
Mencapai tahap jaringan komuniti yang tulen, bertanggungjawab, amanah dan fokus kepada pemegang taruh.

Antara kumpulan sasar dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan program dan aktiviti jaringan komuniti adalah seperti berikut:

i. Staf dan pelajar UiTM, warga kampus dan Alumni
ii. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
iii. Industri, termasuk dari bidang perusahaan, konsortium dan persatuan industri
iv. Kumpulan Komuniti dan Persatuan
v. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
vi. Institusi pendidikan, termasuk sekolah dan institusi lain
vii. Badan-badan profesional dan kumpulan masyarakat berdasarkan disiplin
viii. Badan Pembiayaan

Antara bentuk program dan aktiviti komuniti yang boleh dilaksanakan berdasarkan perancangan dan kelulusan Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:

6.2 Pilih Kaedah Promosi

PTJ akan melaksanakan promosi program jika perlu samada melalui edaran brosur / borang, lawatan ke agensi, pameran, portal, media UiTM seperti Radio UFM atau surat khabar dengan mendapatkan pandangan dan kerjasama Bahagian Komunikasi Korporat UiTM

6.3 Terima Permohonan

a) PTJ menerima permohonan program daripada pelanggan melalui surat rasmi / borang / emel
b) PTJ mencatatkan tarikh penerimaan surat / borang permohonan / emel dan proses permohonan tersebut

6.4 Memberi Maklumbalas kepada Pelanggan

PTJ akan memberi maklumbalas kepada pelanggan mengenai status permohonan melalui surat rasmi / emel

6.5 Perbincangan di Peringkat PTJ

a) PTJ akan mendapatkan kelulusan daripada pengurusan masing-masing melalui mesyuarat atau perbincangan
b) PTJ akan membuat perancangan pelaksanaan khidmat komuniti

6.6 Makluman kepada Penyelaras Utama (HEP / HEA / MPP)

PTJ memaklumkan kepada pihak Penyelaras Utama (HEP / HEA / MPP) untuk penyelarasan program melalui memo *e-Community* / surat / emel.

6.7 Penyelarasan Program

Mengadakan mesyuarat atau perbincangan bagi tujuan penyelarasan program.

6.8 Memberi Maklumbalas kepada PTJ

a) Pihak Penyelaras Utama memberi maklumbalas kepada PTJ setelah dibuat penyelarasan dengan permohonan PTJ lain (jika berkaitan)
b) Sekiranya memerlukan peruntukan kewangan daripada pihak Pengurusan Universiti, PTJ perlu menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN).

6.9 Pelaksanaan Program

Tatacara pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Sumber: BPJI, UiTMCM

i. Mendapatkan maklumat asas komuniti
ii. Melawat tapak (jika perlu)
iii. Membuat perbincangan dengan pemegang taruh
iv. Melaksanakan program seperti yang dipersetujui melalui perbincangan
v. Memantau pelaksanaan program
vi. Mendokumentasi program
vii. Pelaporan program
viii. Penilaian program

6.10 Penilaian Program

Membuat penilaian terhadap keberkesanan program dengan menggunakan borang maklumbalas program / kursus (secara atas talian atau manual) atau borang penilaian yang disediakan oleh PTJ

6.11 Penyediaan Laporan dan Memuatnaik ke Sistem Repositori dan Maklumat ICAN (SMART)

Penyediaan laporan program perlu dilakukan setelah projek berlangsung. Laporan perlu di muatnaik ke dalam SMART dan dikawal selia oleh PTJ masing-masing. Satu salinan (*hardcopy*) perlu dihantar kepada PTJ masing-masing bagi tujuan pendokumentasian.

Pengekstrakan data yang telah dilaporkan ke dalam SMART akan dibuat empat (4) kali dalam tempoh satu (1) tahun. PTJ bertanggungjawab sepenuhnya terhadap data yang direkodkan ke dalam SMART. Verifikasi maklumat akan dibuat bergantung kepada keperluan data universiti.

6.12 Membuat Penambahbaikan

Bagi menjamin kelastarian program bersama komuniti, PTJ perlu membuat proses penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti program di masa akan datang.

7. SISTEM PENARAFAN BINTANG PROGRAM JARINGAN KOMUNITI

Penarafan bintang program jaringan komuniti oleh PTJ ditetapkan berdasarkan kriteria seperti berikut:

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	PETUNJUK PRESTASI
1 ★	Jalinan hubungan	Komuniti bertanggapan positif terhadap program yang dianjurkan.	Pengukuhan hubungan UiTM – komuniti / peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, emel dan lain-lain.
2 ★★	Sokongan dan penglibatan	Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti	UiTM melaksanakan program bersama komuniti / peserta.
		Hubungan strategik komuniti / organisasi.	
3 ★★★	Perubahan, Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi komuniti.	Komuniti menunjukkan peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi komuniti. **Bukti pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain.*
4 ★★★★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos.	Komuniti / peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya.
5 ★★★★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran. Kelestarian amalan inovasi memperkasa amalan inovasi.	Memperkasa amalan inovasi.

Nota: LAPORAN IMPAK JARINGAN KOMUNITI (PENARAFAN BINTANG) - Lampiran A

PTJ perlu membuat penilian bagi sistem penarafan bintang melibatkan projek komuniti. Penarafan bintang akan menentutkan impak satu-satu projek komuniti yang telah dilaksanakan, Ini juga akan membantu PTJ dalam mengukur keberkesanaan pelaksanaan libatsama komuniti bagi menjamin kelestarian pembangunan komuniti. [Lampiran 1: Laporan Impak Jalinan Komuniti (Penarafan Bintang)].

8. PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN GARIS PANDUAN

Dalam pelaksanaan garis panduan ini, UiTM akan memastikan aktiviti dan program jaringan komuniti yang dijalankan dengan memastikan sistem penyampaian adalah berkualiti dan menumpukan kepada amalan pembangunan yang lestari.

i. Pelbagai inisiatif penglibatan masyarakat Universiti akan diselaraskan oleh Pusat Jaringan Komuniti Universiti diketuai oleh Pengarah, Pusat Jaringan Komuniti dalam meningkatkan jumlah staf dan pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti dan program jaringan komuniti.

ii. Jawatankuasa / Panel Jaringan Komuniti Universiti terbahagi kepada 2 iaitu peringkat fakulti dan kampus. Peringat fakulti terdiri daripada Timbalan Dekan PJI / ICAN, Koordinator ICAN. Peringkat Kampus keahlian terdiri daripada Timbalan Rektor PJI, Koordinator ICAN / penyelaras peringkat jaringan kampus.

iii. Jawatankuasa ini akan menjadi titik penghubung bagi penyelarasan dan rangkaian dengan masyarakat tempatan dalam usaha untuk mewujudkan mekanisme di mana UiTM boleh menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk menambah nilai atau menyumbang kepada komuniti mereka.

iv. Ia juga bertindak untuk membuat kawalan terhadap maklumat dan data-data program jaringan komuniti yang dilaksanakan oleh setiap PTJ.

v. Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan akan bekerjasama dengan PTJ lain untuk mengenal pasti keperluan organisasi berasaskan komuniti dan NGO secara lebih tepat dan cekap.

vi. Mekanisme pelaksanaan perlu direkodkan dan dikemaskini setiap enam (6) bulan.

Bagi maksud pemantauan garis panduan ini, setiap laporan akan dibentangkan di bawah Jawatankuasa Komuniti Universiti yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor ICAN. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab untuk memantau keberkesanan hasil inisiatif program jaringan komuniti di UiTM.

Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan melaporkan aktiviti dan program jaringan komuniti yang dilaksanakan secara bersepadu melalui penetapan dalam KPI dan sasaran kerja tahunan. SMART akan dikemaskini secara berterusan (Rujuk Rajah 1: Prosedur Pengurusan Program Komuniti).

9. KAJIAN SEMULA DAN SEMAKAN

Garis panduan ini akan dikaji semula setiap tahun untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan.

10. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada 9 November 2020.

Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti: 6.2.4 Carta Alir Proses Kerja SoCCoM 1.0 Social Media Marketing

Cawangan Melaka
Kampus Bandaraya Melaka

KERTAS KERJA

PERMOHONAN BAGI MENGADAKAN:

Social Campaign with Community 1.0 (SoCCom)

"Social Media Senggeh Community"

TARIKH / HARI:

***Sijil Penghargaan kepada pelapor data akan diemelkan selepas verifikasi dibuat oleh ICAN Shah Alam.**
****Laporan aktiviti sukuan pertama (Januari-Mac 2022) masih diterima.**

Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.4.3.1: Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan





Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.4.3.2: Maklumat Penambahbaikan dan Postmortem *LiAC*



Lendu International Art Community- Pasca Covid
(LIAC #4)
Memperkasa Rohani Menjana Ekonomi

PENGANJUR

Rakan Kerjasama

Rakan Strategik

Lendu International Art Community- Pasca Covid
(LIAC #4)

Memperkasa Rohani Menjana Ekonomi


PENGENALAN

Projek ini adalah bertujuan melaksanakan satu program Seni Komuniti yang dinamakan *Lendu International Art Comunity Pasca Covid* (LIAC #4 Pasca Covid). LIAC merupakan sebuah projek seni komuniti yang telah dibangunkan oleh kumpulan kolektif yang dinamakan Artis Gomen. LIAC telah dilaksanakan 3 siri ditahun-tahun terdahulu. LIAC# 1: Seni Kampung 2013, LIAC# 2: Kenduri Seni Kampung 2014, dan LIAC# 3: Lestari Hijau 2016. Selepas 3 siri, LIAC tidak dapat dilaksanakan atas beberapa faktor antaranya ketiadaan dana dan perubahan-perubahan politik negara. Untuk siri **LIAC #4 Pasca Covid** telah dirancang untuk diadakan bagi memeriahkan semula industri seni komuniti bagi masyarakat setempat khususnya di bawah DUN Lendu.

Seperti siri-siri yang terdahulu, **LIAC #4** akan menampilkan beberapa projek utama dengan mengambil kira penambahbaikan yang telah dikenalpasti dari postmortem tiga siri awal LIAC. Siri terbaru ini juga mengambil kira suasana negara yang masih berhadapan dengan pandemik covid 19. Oleh hal yang sedemikian segala perancangan dan cadangan aktiviti akan mengikuti SOP yang telah ditetapkan.


Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.4.3.3: Laporan Peningkatan Penglibatan di dalam Siri LiAC



Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.5.1: Support Group PRIME



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SITI FAIRUS FUZI <ctfairus@uitm.edu.my>

PENDAFTARAN PROJEK KOMUNITI KE SISTEM PRIME: MODUL STAR RATING
1 message

DR NUR HAYATI ABD RAHMAN <nurhayati@uitm.edu.my> Thu, Jul 14, 2022 at 9:24 AM
To: UiTM MELAKA <melaka@uitm.edu.my>
Cc: SOO YEW PHONG <sooyewphong@uitm.edu.my>

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Y.Bhg. Dato' / Prof / Prof Madya / Dr. / Tuan / Puan / Cik,

PENDAFTARAN PROJEK KOMUNITI KE SISTEM PRIME: MODUL STAR RATING

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem *Portal for Research and Innovation Management* (PRIME): Modul Star Rating telah dilancarkan pada Jun 2022 untuk tujuan pendaftaran projek jaringan komuniti dalam seluruh sistem UiTM.

3. Sehubungan itu, semua projek khidmat masyarakat/ *University Social Responsibility* (USR)/ Pemindahan Ilmu (KTP) yang dianjurkan oleh semua bahagian/ fakulti/ unit di kampus Melaka bersama dengan pihak komuniti/ industri bermula Januari hingga Jun Tahun 2022 (sukuan 1 & 2) dimestikan berdaftar ke PRIME **selewat-lewatnya 25 Julai 2022**.

4. Bersama-sama ini disertakan **Manual Panduan Pendaftaran Program Komuniti ke Sistem PRIME: Modul Star Rating** yang disediakan oleh Unit ICAN, UiTM Cawangan Melaka untuk memberi pendedahan kepada pengguna sistem PRIME berkaitan dengan pelaporan projek komuniti. Kepada pensyarah dan staf yang memerlukan bantuan selanjutnya dalam urusan pendaftaran projek komuniti ke PRIME, bolehlah menyertai ***Support Group 'PRIME Komuniti ICAN Melaka'*** melalui pautan berikut: https://chat.whatsapp.com/CU1KzBipPkXEx0ZrQLZgMb .

Kerjasama dan keprihatinan Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Koordinator ICAN, Soo Yew Phong** dalam talian **012-3481189**.

Sekian, terima kasih.

Dr. Nur Hayati Abd Rahman
Deputy Rector
Research & Industrial Linkages
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah
Melaka, Malaysia

Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.5.2: Jelajah Maya PJI 2022






Bagaimana untuk mendaftarkan aktiviti ke dalam SMART?

Jenis Program	Borang Pendaftaran	Penyelaras Bertanggungjawab
Projek Jaringan Industri **syarat minimum: sekurang-kurangnya melibatkan SATU orang wakil peserta/ penganjur/ penceramah/ penaja dari industri (termasuk NGO) dalam segala aktiviti.*	Borang Jaringan Industri	Penyelaras Jaringan Industri **Suhaila Kassim** suhailahk@uitm.edu.my 016-6251451
Projek Jaringan Komuniti **syarat minimum: sekurang-kurangnya melibatkan SATU orang wakil peserta/ penganjur/ penceramah/ penaja dari komuniti tempatan/ antarabangsa dalam projek perkhidmatan masyarakat/ pemindahan ilmu dan lain-lain.*	*UiTM Community Engagement Form* (Borang Impak Komuniti)	Penyelaras Jaringan Komuniti **Ijlal Saja@Mearaj** ijlalsaja@uitm.edu.my Penyelaras Jaringan Negeri **Amirah Hazimah Borhanordin** amirahhazimah@uitm.edu.my 013-6828497
Projek Jaringan Alumni **syarat minimum: sekurang-kurangnya melibatkan SATU orang wakil peserta/ penganjur/ penceramah/ penaja dari alumni UiTM Cawangan Melaka dalam sebarang aktiviti.*	Borang Jaringan Alumni	Penyelaras Jaringan Alumni **Muhammad Firdaus Amairudin** firdausamairudin@uitm.edu.my

- Borang Pendaftaran boleh diperolehi melalui emel yang dikeluarkan oleh Timbalan Rektor PJI atau Koordinator ICAN.
- Pendaftaran diterima sepanjang tahun 2022.
- Borang perlu dihantar ke icanmelaka@gmail.com dan salinan kepada (cc) penyelaras bertanggungjawab atau Koordinator ICAN (sooyewphong@uitm.edu.my)

Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.5.3: Inisiatif Sijil Anugerah Bestari



ICAN SENARAI ANUGERAH BESTARI ICAN 2022 FINAL LIST

NO	SENARAI ANUGERAH - ICAN	JUMLAH	JUMLAH PENERIMA	NAIK PENTAS	TIDAK NAIKPENTAS
1	ANUGERAH PROJEK JARINGAN INDUSTRI TERBAIK	3	3	3	
2	ANUGERAH PROJEK UNIVERSITY SOCIAL RESPONSIBILITY (USR) TERBAIK	4	4	4	
3	ANUGERAH PROJEK PEMINDAHAN ILMU TERBAIK	5	5	5	
4	ANUGERAH PROJEK PEMBANGUNAN KOMUNITI LESTARI TERBAIK	3	3	3	
5	ANUGERAH PROJEK KOMUNITI MENERIMA PENAJAAN LUAR TERTINGGI	1	1	1	
6	ANUGERAH PROJEK JARINGAN ALUMNI TERBAIK	4	4	4	
	JUMLAH	20	20	20	



Sumber: BPJI, UiTMCM

Bukti 6.5.4: Pembudayaan Inisiatif Pemberian Sijil



UiTM Cawangan Melaka - FB Rasmi
13 Jan ·

ALOR GAJAH, 13 Januari 2023 - Telah berlangsung Majlis Sambutan Hari Inovasi (MSHI) 2022 dengan tema 'Transformasi Minda ke Arah Inovasi Global' anjuran Unit Kualiti dan Pejabat Pengurusan Sumber Manusia dirasmikan oleh YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini.

Program Yang berlangsung di Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah ini dianjurkan bagi memberi penghargaan, penganugerahan dan pengiktirafan kepada warga UiTM Cawangan Melaka bagi tahun 2022 iaitu:

- Penghargaan Juruaudit Dalam UiTMCM,
- Penghargaan Bagi Khidmat Setia 20 Tahun, 25 Tahun dan 30 Tahun,
- Penghargaan Bagi Sijil Cuti Sakit Sifar,
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021,
- Anugerah Bestari 2022 dan
- Anugerah Khas Rektor 2022. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri serta Ketua Pusat Pengajian.

Tahniah kepada semua pemenang.



SENARAI CALON PENERIMA ANUGERAH KHAS REKTOR 2022

ANUGERAH KHAS REKTOR KATEGORI JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, MASYARAKAT DAN ALUMNI
(Dinilai melalui projek jaringan berimpak tinggi yang melibatkan pelbagai pihak seperti industri, komuniti, masyarakat dan alumni, dan berdaftar di dalam sistem PRIME)

ANUGERAH KHAS REKTOR KATEGORI PEMINDAHAN ILMU LESTARI
(Dinilai melalui projek jaringan berimpak tinggi yang lestari dan berterusan, yang melibatkan pelbagai pihak seperti industri, komuniti, masyarakat dan alumni, dan berdaftar di dalam sistem PRIME)

BIL.	NAMA PROJEK	JUSTIFIKASI
1	Lendu International Art Community: Pasca Covid (LIAC#4) Ketua projek: Diana binti Ibrahim (KPSK) **Dicadangkan untuk kategori pemindahan ilmu lestari**	• Program antarabangsa berteraskan seni bersama komuniti, alumni dan industri. • Projek ini merupakan siri keempat (selepas Tahun 2013, 2014, 2016) yang berfokus kepada pemerkasaan ekonomi dan kerohanian komuniti di DUN Lendu (Kampung Durian Daun Barat, Kampung Durian Daun, Kampung Lendu, komuniti Taman Aman, Masjid Tanah Melaka). • 12 aktiviti dilaksanakan, termasuk bengkel berteraskan SDG Kreatif berfokus kepada pendedahan pembangunan kemahiran menghasilkan produk berteraskan bahan terpakai dan alam serta pembangunan kemahiran rekaan digital. • Agensi terlibat: Balai Seni Negara, Kraftangan Malaysia, MPAG, Japerun DUN Lendu, Jabatan Belia & Sukan Negeri Melaka, Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand dan Universiti Sebelas Maret, Surakarta Indonesia dan seniman antarabangsa dari negara-negara ASEAN seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei serta 9 buah kumpulan seniman seni visual tempatan. • Kajian impak keberkesanan projek dilaksanakan dengan melibatkan 100 responden. • Projek tahun sebelum ini telah menerbitkan 3 artikel jurnal pada tahun 2018 dan 2019.
2	Melaka Traditional Food Program 2022 Ketua projek: Soo Yew Phong (PJI / APB) **Dicadangkan untuk kategori jaringan industri, komuniti, masyarakat dan alumni**	• Objektif KTP program: (i) melestarikan perniagaan produk kampung/ makanan tradisi dengan mempergiatkan promosi & startegik pemasaran produk kampung; (ii) meningkatkan keupayaan kawasan Asahan sebagai hub eko-pelancongan dan eko-pelajaran; (iii) meningkatkan peluang penjanaan pendapatan penduduk komuniti. • Melibatkan komuniti, industri dan alumni: Bens Maju Services, SSM, LHDN, JPKK Kampung Bukit Senggeh, Tadika KEMAS Bukit Senggeh, Japerun DUN Asahan, Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah. • Memanfaatkan golongan pengusaha produk makanan desa yang berstatus B40, warga emas, wanita, alumni usahawan & pelajar UiTM. • Pemerkasaan Bumiputera & UiTM Visibility. • Memenuhi kriteria: low cost, rapid execution, sustainability of change, quadruple helix, high impact, positive impact for society. • Telah menerbitkan 1 artikel surat khabar, manakala jurnal berindeks ERA/SCOPUS dalam proses penerbitan.

Sumber: PSTU, UiTMCM

K7

HASIL

7.1 HASIL DARIPADA PERANCANGAN STRATEGIK YANG CEMERLANG

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) UiTMCM yang efisien dan mantap oleh Pengurusan Kanan dalam **menggerakkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K)** kampus bersama warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **Alor Gajah (KAG), Bandaraya Melaka (KBM) dan Jasin (KJM)** telah menobatkan UiTMCM sebagai universiti yang memegang PI berstatus 6-bintang iaitu sebanyak **93% pada tahun 2022.**
Terdapat 4 Objektif Strategik (OS) daripada Pelan Strategik UiTM 2025 yang menjadi fokus dalam menilai hasil sasaran dan pencapaian PS bagi bidang tumpuan iaitu **OS4** :Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global, **OS7:** Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu, **OS8:** Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri dan **OS10:** Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi.

Bagi pencapaian PI UiTMCM untuk bidang tumpuan, kesemua hasil pencapaian PI JA2K UiTMCM 2022 telah berjaya mencapai sasaran malah kebanyakannya melebihi sasaran yang ditetapkan. Pengurusan risiko UiTMCM turut diambil kira dalam menganalisa risiko yang terlibat dalam pencapaian PI juga tindakan penambahbaikan telah diambil bagi mencegah risiko tersebut.


Bagi hasil pencapaian PI dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Tren yang digunapakai bagi penganalisaan **OS4** dan **OS7** adalah tren yang melibatkan PI JA2K, tren pencapaian PI yang terlibat bagi jaringan komuniti dan kesukarelawanan, tren indeks kepuasan graduan terhadap UiTMCM manakala untuk **OS8** dan **OS10** menumpukan tren jaringan alumni dan juga penjanaan pendapatan.

Perbandingan peringkat antarabangsa, nasional, serta UiTM keseluruhan turut dianalisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang berdaya saing di peringkat global. Antara perbandingan tersebut, UiTMCM turut diberikan pengiktirafan sebagai kampus terbaik dalam pengurusan PI berkaitan JA2K. Selain itu, UiTMCM telah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan di Metic 12/2023. UiTMCM turut menerima Anugerah Johan Kampus Hijau Zon Selatan hasil daripada pengurusan PS yang mantap.

Projek-projek inisiatif strategik berpandukan **Model JA2K** yang diuruskan UiTMCM telah memberi sumbangan sehingga ke persada **antarabangsa**, merancakkan **pembangunan negara, juga pembangunan UiTM serta komuniti keseluruhannya.** Berteraskan **Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni**, **Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global**, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan PS JA2K UiTMCM pada tahun 2022.

Perancangan Strategik (PS) yang mantap telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang bagi UiTMCM bagi tahun 2022. Nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** bertemakan **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global** jelas telah memacu hala tuju PS UiTMCM sehinggakan UiTMCM berjaya mengekalkan pencapaian cemerlang 6 bintang Skor i_UiTM untuk Petunjuk Prestasi (PI) pada tahun 2022 iaitu sebanyak 93%.

Rajah 7.1.2A: Pencapaian PI UiTMCM 2017 - 2022




Sumber : BTU UiTM

Sasaran UiTMCM untuk melepasi 85% bagi PI 2022 telah dibuktikan apabila **pencapaiannya telah melebihi sasaran sebanyak 8%** seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 7.1.2A**

Keseluruhan pencapaian PI UiTMCM turut disumbangkan oleh PI ICAN UiTMCM yang telah mencapai **PI 100% PTJ** dan mendapat **tempat pertama** di antara keseluruhan kampus cawangan. **Rajah 7.1.2B** di bawah menunjukkan pencapaian UiTMCM dalam MeTIC 12/2023 manakala **Rajah 7.1.2C** menunjukkan PI ICAN berkaitan JA2K.

Rajah 7.1.2C: PI ICAN berkaitan JA2K



Sumber : BPJI UiTMCM

Rajah 7.1.2B: Pencapaian PI 100% PTJ



Sumber : BPJI UiTMCM

Selain daripada PI ICAN , terdapat satu PI Bendahari yang turut menyumbang kepada pencapaian bidang JA2K iaitu *Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/ training programmes/ academic programmes/ competition* (PI117)

Terdapat 12 PI yang terlibat dalam JA2K di mana **kesemua** PI tersebut telah berjaya dalam **mencapai sasaran** yang ditetapkan malahan **hampir kesemua** daripada PI yang diberikan telah **melebihi daripada sasaran** yang ditetapkan. **Jadual 7.1.2A** merumuskan kesemua PI yang terlibat dalam JA2K.

Jadual 7.1.2A : PI UiTMCM berkaitan dengan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan

No PI	Petunjuk Prestasi	Sasaran	Pencapaian	Hasil
019	Number of alumni successfully became entrepreneurs.	**80**	**86**	**LEBIH CAPAI**
020	Number of official partnership activities.	**120**	**986**	**LEBIH CAPAI**
072	Number of new MoU and MoA with International Industries.	**1**	**5**	**LEBIH CAPAI**
074	Number of activities under MoA/ MoU with International Industries.	**4**	**8**	**LEBIH CAPAI**
075	Number of University Social Responsibility programmes (USR).	**25**	**37**	**LEBIH CAPAI**
076	Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP).	**1**	**4**	**LEBIH CAPAI**
077	Total amount received (from external) for USR and KTP programmes.	**RM33000**	**RM175449**	**LEBIH CAPAI**
078	Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.	**RM3300**	**RM11995**	**LEBIH CAPAI**
079	Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/technology diffusion projects .	**2**	**64**	**LEBIH CAPAI**
080	Number of alumni expert service programme.	**7**	**32**	**LEBIH CAPAI**
117	Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/ training programmes/ academic programmes/ competition	**RM250,000**	**RM617392.51**	**LEBIH CAPAI**
073	Number of new MoA with local partners.	**1**	**1**	**CAPAI**


Sumber : BTU UiTM

Kesemua PI dalam **Jadual 7.1.2A** selari dengan **4 Objektif Strategik (OS)** yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu **OS4** : Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global, **OS7** : Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem yang padu**, OS8** : Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri dan **OS10** : Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampanan organisasi.

Berdasarkan **Jadual 7.1.2A** tersebut juga, pencapaian bagi PI JA2K pada tahun 2022 menunjukkan **sebahagian hasil pencapaian melebihi sasaran** iaitu sebanyak **91.67%** daripada jumlah keseluruhan PI yang terlibat.

Pencapaian PS UiTMCM yang cemerlang ini turut disokong oleh keberkesanan pengurusan risiko. Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa berusaha mengenalpasti risiko-risiko yang dapat mengancam PS dan menguruskan risiko tersebut dengan efisien agar setiap PI dapat dilaksanakan dengan jayanya. **Rajah 7.1.2D** di bawah merumuskan risiko yang telah dikenalpasti serta pengurusan terhadap risiko tersebut

Rajah 7.1.2D: Pengurusan Risiko Strategik UiTMCM 2022




Sumber : PSTU dan BPJI UiTMCM

Penganalisaan terhadap tren pencapaian amat penting bagi memastikan UiTMCM sentiasa bersedia dalam membuat perancangan dan penambahbaikan berterusan sekaligus menuju ke arah kompetensi global.

Rajah 7.1.3A menunjukkan **tren positif** bagi pencapaian PI UiTMCM selama 6 tahun. Walaupun sedikit penurunan berlaku pada tahun 2022, namun PI UiTMCM masih lagi menunjukkan **hasil mencapai sasaran** kerana UiTMCM menyasarkan PI melebihi 85% bagi mengekalkan pencapaian cemerlang 6 bintang Skor i_UiTM untuk Petunjuk Prestasi (PI)

Prestasi pencapaian PI bagi JA2K mempunyai impak dalam menyumbang kepada kecemerlangan PI UiTMCM secara keseluruhannya. Analisa bagi PI JA2K turut mendapati bahawa **berlakunya peningkatan tren dari tahun ke tahun.**


Rajah 7.1.3A: Tren Pencapaian PI UiTMCM 2017 - 2022



Sumber : BTU UiTM

Bagi OS4 dan OS7 yang memfokuskan kepada **komuniti dan kesukarelawanan**, terdapat 3 graf pencapaian tren bagi PI 75 (*Number of University Social Responsibility programmes* (USR), PI 77 (*Total amount received (from external) for USR and KTP programmes*) dan PI 79 (*Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects*) yang menunjukkan tren yang positif.

Rajah 7.1.3B: Tren Pencapaian PI 75 UiTMCM 2020 - 2022



Sumber: BTU UiTM

Rajah 7.1.3B merupakan tren pencapaian PI 75 UiTMCM bagi 3 tahun berturut-turut dan telah menunjukkan **tren positif dan hasil mencapai/melebihi sasaran.** Bilangan program tanggungjawab sosial universiti yang meningkat saban tahun dengan peningkatan ketara pada tahun 2022 jelas membuktikan bahawa **jaringan komuniti dan kesukarelawanan UiTMCM** sedang giat diperkasakan. Peningkatan jumlah program untuk komuniti telah membantu komuniti dalam pelbagai aspek termasuklah meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka dan mengukuhkan kemahiran digital dan *softskill*.

Selain daripada tren PI 75, tren PI 77 melibatkan jumlah (RM) yang telah diterima (dari pihak luar) khusus untuk program *University Social Responsibility* (USR) dan program *Knowledge Transfer Program* (KTP) turut meningkat selama 3 tahun (2020-2022). **Jadual 7.1.3A** menunjukkan pencapaian tren bagi PI 77 tersebut.

Jadual 7.1.3 A: Tren Pencapaian PI 77 UiTMCM 2020

Tahun	Sasaran	Pencapaian
2022	RM 33,000	RM175,449
2021	RM 10,000	RM10,200
2020	RM 5,000	RM36,100


Sumber : BTU UiTM

Jadual 7.1.3A turut menunjukkan **tren positif yang melebihi sasaran yang ditetapkan.**

Penerimaan jumlah RM yang kian meningkat saban tahun daripada pihak luar bagi program USR dan KTP membuktikan bahawa penganjuran program komuniti dan kesukarelawanan UiTMCM mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai pihak. Tambahan lagi, jaringan komuniti dan kesukarelawanan UiTMCM telah memberikan impak yang positif dan mampu memberi nilai tambah kepada komuniti sekitar, dalam negara mahupun antarabangsa.

Rajah 7.1.3C di sebelah pula menunjukkan tren pencapaian UiTMCM dalam PI 79 yang melibatkan bilangan komuniti yang mendapat faedah hasil daripada perkongsian ilmu dan teknologi bagi projek yang melibatkan komuniti.

Rajah 7.1.3C: Tren Pencapaian PI 79 UiTMCM 2020 - 2022




Sumber : BTU UiTM

Daripada rajah tersebut, bilangan komuniti yang terlibat berada dalam **tren yang positif dan hasil tercapai dan melebihi sasaran** yang telah ditetapkan dari tahun 2020 – 2022.


Bagi **OS8** yang memfokuskan kepada **jaringan alumni**, kesemua PI yang melibatkan alumni menunjukkan tren positif bagi 3 tahun terlibat. PI 19 (*Number of alumni successfully became entrepreneurs*) dan PI 80 (*Number of alumni expert service programme*) telah menunjukkan **tren positif dan hasil mencapai sasaran malahan turut melebihi sasaran** yang ditetapkan. **Rajah 7.1.3D** dan **Rajah 7.1.3E** merumuskan perkara tersebut.

Rajah 7.1.3D: Tren Pencapaian PI 19 UiTMCM 2020 - 2022



Sumber : BTU UiTM

Rajah 7.1.3D merupakan tren pencapaian alumni yang telah menjadi usahawan. Alumni UiTMCM yang menjadi usahawan dapat membantu ekonomi komuniti sekaligus menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara.




Sumber : BTU UiTM


Rajah 7.1.3E pula menunjukkan tren positif pencapaian bilangan alumni yang terlibat dengan program khidmat kepakaran. **Peningkatan** bilangan alumni yang terlibat dengan program kepakaran pada tahun 2022 jelas menunjukkan bahawa program gala dinner yang dilaksanakan berjaya menarik minat alumni untuk menyumbang kepada UiTMCM dan komited dalam menyediakan khidmat kepakaran bagi disalurkan kepada komuniti.

Bagi **OS10** yang berpaksi kepada **pengawalan kewangan** secara efektif ke arah kemampanan JA2K pula, PI 117 (*Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/academic programmes/ competition*) turut menunjukkan pencapaian tren positif selama 3 tahun. **Rajah 7.1.3F** merumuskan **tren positif** tersebut.

Rajah 7.1.3F menunjukkan **tren positif dari tahun ke tahun** bagi penjanaan pendapatan antaranya hasil daripada program latihan (OS1S) yang membantu komuniti untuk menambahkan kemahiran mereka dalam bidang yang diambil.



Sumber : BTU UiTM




Sumber : BTU UiTM

Kecemerlangan UiTMCM dalam mencapai hasil PI yang sentiasa melebihi sasaran pada setiap tahun turut disokong oleh tahap kepuasan hati graduan UiTMCM. **Rajah 7.1.3G** menunjukkan bahawa terdapat **tren yang positif** bagi tahap kepuasan hati graduan UiTMCM.

Tahap kepuasan hati graduan UiTMCM yang semakin meningkat saban tahun turut membuktikan kemantapan **nilai Sinergibersama dan sinergitrust dalam Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global**.

Penganalisaan terhadap perbandingan pencapaian UiTMCM turut dilakukan bagi tujuan penambahbaikan kepada PS yang telah dilaksanakan. Pengurusan Kanan UiTMCM menganalisa perbandingan pencapaian antara universiti, organisasi dalaman dan juga organisasi luar negara dalam menjadikan UiTMCM sebagai sebuah universiti yang unggul dan berkompetensi di peringkat global.

Rajah 7.1.4A: Kedudukan UiTMCM bagi PI ICAN 2022



Sumber : BTU UiTM

Rajah 7.1.4A menunjukkan pencapaian **kedudukan teratas** UiTMCM antara **12 kampus** cawangan UiTM.

Pada tahun 2022, UiTMCM telah mendapat **tempat pertama** bagi Anugerah Pencapaian PI ICAN 100% bagi PTJ **antara semua kampus cawangan.**

Pencapaian 100% PI ICAN ini membuktikan kekuatan UiTMCM pada bidang tumpuan JA2K pada tahun 2022.

Rajah 7.1.4B: Pengiktirafan UiTMCM di MeTIC 12/2023

UiTMCM turut mendapat pengikirafan **tempat 3 teratas antara kampus cawangan** dalam MeTIC 12/2023 bagi Projek KTP Terbaik dan juga Penghasilan Jumlah Alumni Entreprenur terbanyak seperti di **Rajah 7.1.4B**. Pengiktirafan ini diterima berdasarkan pencapaian PI 76 (*Number of Knowledge Transfer Program*) dan PI 80 (*Number of alumni successfully became entrepreneurs*).




Sumber : BPJI UiTMCM

Selain daripada perbandingan kedudukan PI, UiTMCM turut membandingkan Indeks Kepuasan Hati Graduan terhadap item Bimbingan Kerjaya. Pelajar sarjana UiTMCM memberikan skor 5 dan ini merupakan skor yang **paling tinggi antara 8 kampus cawangan** yang mempunyai pelajar sarjana. Kepuasan hati yang tinggi terhadap bimbingan kerjaya amat penting bagi melahirkan pelajar yang akan meneruskan profesion mereka dan menjadi komuniti yang berbakti kepada komuniti lain selepas tamat daripada pembelajaran di UiTMCM.

Rajah 7.1.4C menunjukkan Indeks Kepuasan Hati Pelajar Sarjana UiTMCM terhadap Bimbingan Kerjaya yang telah diberikan.

Rajah 7.1.4C: Indeks Kepuasan Hati Pelajar Sarjana UiTMCM terhadap Bimbingan Kerjaya antara Kampus Cawangan



Sumber : BTU UiTM

Bagi **OS4** dan **OS7** yang menumpukan kepada program **pembangunan komuniti**, geran perundingan daripada Sumitomo Foundation yang diperolehi khusus untuk mengkaji komuniti (warga tua) di Malaysia dan antarabangsa (Jepun) telah diperolehi UiTMCM **(satu-satunya kampus cawangan yang terpilih)** dan merupakan antara **6 universiti di Malaysia** yang tersenarai seiring dengan UM, UTM, UKM, USM, UPSI dan UTP. Geran Sumitomo tersebut diperolehi oleh **68 kumpulan penyelidik daripada 12 negara. Jadual 7.1.4A** merumuskan kesemua negara terlibat yang telah menerima geran Sumitomo Foundation dan **Rajah 7.1.4D** pula menunjukkan UiTMCM antara kampus cawangan UiTM yang telah mendapat geran Sumitomo. Penerimaan geran ini telah membuktikan kompetensi UiTMCM di peringkat **antarabangsa.**

Jadual 7.1.4A: Perbandingan Penerima Geran Sumitomo Peringkat Antarabangsa

Bil	Negara Penerima Geran	Bilangan Geran yang diterima
1	Bangladesh	2
2	China	12
3	Indonesia	15
4	Korea	6
5	Malaysia	13
6	Mongolia	1
7	Myanmar	1
8	Filipina	4
9	Singapura	1
10	Taiwan	3
11	Thailand	5
12	Vietnam	5

Sumber : Laman Sesawang Sumitomo Foundation (http://www.sumitomo.or.jp/e/Jare/21jarelist.htm)

Rajah 7.1.4D: UiTMCM merupakan antara Penerima Geran Sumitomo



36	Understanding How Japan with Super-Aged Society Sustain the Wellbeing of Its Ageing Population: Lessons for Malaysia and Future Outlook for Endowment	Nur Hayati Abd Rahman (+4) Senior Lecturer Economics and Finance Faculty of Business and Management Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Malaysia
37	International Comparative Study of Malaysia and Japan on ""Thinking and Deliberating"" Moral Education	Muhammad Syawal Amran (+2) Senior Lecturer Department of Teaching and Learning Innovation, Faculty of Education Universiti Kebangsaan Malaysia Malaysia
38	A Comparative Study of Adaptation of Japan's Monozukuri Program in Higher Education Institutions Outside Japan	Siti Rahmah Binti Aid (+4) Senior Lecturer Electronic Systems Engineering Malaysia Japan International Institute of Technology Universiti Teknologi Malaysia Malaysia
39	The Maritime Trade between Japan and Southeast Asia in the Seventeenth and Eighteenth Centuries: A Reappraisal	Dar Boon Ku (+1) Senior Lecturer History Programme School of Distance Education Universiti Sains Malaysia Malaysia
40	A cross-cultural comparison between Malaysia and Japan on acceptance of insects as food	See Meng Lim (+2) Lecturer Faculty of Health Sciences Centre for Community Health Studies (ReaCH) Universiti Kebangsaan Malaysia Malaysia
41	ACHIEVING CARBON NEUTRALITY BY 2050: COMPARATIVE ANALYSIS OF CITIES DECARBONISATION POLICIES AND PRACTISES IN JAPAN AND MALAYSIA	Azlin Mohd Azmi (+2) Deputy Director Solar Research Institute Universiti Teknologi Mara Malaysia

Sumber : Laman Sesawang Sumitomo Foundation (http://www.sumitomo.or.jp/e/Jare/21jarelist.htm)

UiTMCM bukan sahaja mempunyai kompetensi yang menyerlah di peringkat global bagi JA2K, malahan turut menyerlah di antara kampus UiTM Zon Selatan apabila telah menjadi **Johan antara Kampus Zon Selatan** bagi Kelestarian Kampus Hijau dan mendapat **Naib Juara** bagi kategori Video Terbaik anjuran UiTM Green Centre **(rujuk Rajah 7.1.4 E). Kelestarian Kampus Hijau** menyumbang kepada persekitaran yang baik bagi penganjuran program alumni, komuniti, dan juga kesukarelawanan. Pengikirafan anugerah ini turut membuktikan hasil pelaksanaan PS UiTMCM yang mantap.

Rajah 7.1.4E: Anugerah kepada UiTMCM Hasil PS UiTMCM dalam Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan



Sumber : FB UiTMCM

Hasil daripada pengiktirafan dan kecemerlangan UiTMCM dalam menguruskan PS dan memenuhi PI yang diberikan, UiTMCM menerima beberapa siri Lawatan Penanda Arasan daripada UiTM kampus cawangan dan juga daripada universiti awam di Malaysia.

Rajah 7.1.4F merupakan Lawatan Penanda Arasan daripada UUM (Universiti Utara Malaysia) terhadap Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang berpaksikan One Student One Skill (OS1S). Program ini telah memberikan impak yang positif kepada komuniti dalam Melaka mahupun luar Melaka. Program ini memberi peluang kepada komuniti untuk mendapatkan sijil tambahan berdasarkan kursus yang mereka minati selain daripada sijil akademik yang mereka ada.

Rajah 7.1.4F: Lawatan Penanda Arasan UUM terhadap UiTMCM



Sumber : FB UiTMCM

UiTMCM telah membuat perbandingan antara kampus cawangan, universiti dalam Malaysia dan juga organisasi antarabangsa bagi memastikan PS UiTMCM sentiasa relevan dan berkompetensi di peringkat global. Ini jelas menunjukkan bahawa nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** telah **melonjakkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global.**

Hasil pencapaian JA2K UiTMCM yang cemerlang telah memberi impak di peringkat antarabangsa, nasional, peringkat UiTM secara keseluruhan, peringkat dalaman dan luaran PTJ.

Terdapat beberapa program yang melibatkan jaringan komuniti dan kesukarelawanan yang telah dilaksanakan oleh UiTMCM yang memenuhi **OS4** dan **OS7. Program Bukit Senggeh** merupakan program **komuniti** yang diadakan **sebanyak 3 fasa** dan mempunyai **5 aktiviti berimpak tinggi** pada tahun 2022. Kemuncaknya adalah Inisiatif Libatsama Komuniti dan Pembangunan Lestari (SDG) yang bertema *Melaka Traditional Food Program* 2022 yang telah dirasmikan oleh wakil ADUN Kawasan Asahan, Melaka. **Rajah 7.1.5A** menunjukkan gambar program tersebut.

Rajah 7.1.5A: Program Melaka Traditional Food Program 2022



Sumber : FB UiTMCM

Program ini telah memberi impak yang sangat positif kepada **komuniti di Bukit Senggeh** dalam meningkatkan sosio ekonomi mereka di samping meningkatkan keupayaan kawasan Bukit Senggeh sebagai hub eko-pelancongan dan eko-pelajaran. Ini secara tidak langsung turut membantu dalam pembangunan ekonomi negara di **peringkat nasional.**

Rajah 7.1.5B: OS1S UiTMCM 2022



Sumber : FB UiTMCM

UiTMCM turut mempunyai Projek **One Student One Skill (OS1S)** yang memberikan impak yang besar kepada **komuniti** terutamanya kepada **anak bangsa**. Dengan kelangsungan program ini, komuniti dapat menimba ilmu tambahan secara teori dan mengadakan praktikal di syarikat-syarikat rakan usahasama. **Rajah 7.1.5B** menunjukkan mesyuarat pemantauan OS1S antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan UiTMCM. Antara skop kerjasama yang telah dipersetujui adalah perkongsian kepakaran JPK dan UiTM, melaksanakan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan perkongsian dalam penyelidikan dan pembangunan tenaga mahir negara.

Selain itu, UiTMCM turut aktif dalam menjalinkan **jaringan komuniti dan kesukarelawanan antarabangsa.** Geran Sumitomo Foundation dari Jepun yang telah diperolehi oleh TRPJI UiTMCM dan pasukannya telah menyumbang dalam kebajikan komuniti warga tua di beberapa pusat penjagaan. Kolaborasi bersama Pihak Jepun memberi input kepada pasukan penyelidik UiTMCM untuk berkongsi idea kepada Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan pihak kebajikan Jepun dalam mewujudkan *best practise* pusat penjagaan warga tua di Malaysia mahupun di Jepun**. Rajah 7.1.5C** merumuskan sesi lawatan ke beberapa Pusat Penjagaan Warga Tua hasil daripada geran yang diperolehi.

Rajah 7.1.5C: Geran Sumitomo dan sesi lawatan ke Pusat Penjagaan Warga Tua



Sumber : PJI UiTMCM

Kerjasama antara **Kelab Sukarelawan Zakat** (SUZA) UiTMCM dengan IRM (Islamic Relief Malaysia) yang telah termeterai sejak tahun 2017 diteruskan lagi dalam ***Charity Week* 2022 (CW2022)**. Program ini telah memberi manfaat kepada **rakyat antarabangsa** apabila dana yang diperolehi telah disalurkan kepada **komuniti antarabangsa** yang memerlukan. Terdapat 18 misi kemanusiaan dalam CW2022 iaitu untuk menangani tiga isu utama iaitu pendidikan, kecemasan serta kelaparan dan kekurangan zat makanan (*education, emergency, hunger and malnutrition*) yang melibatkan negara-negara seperti **Malaysia, Afghanistan, Nigeria, Afrika, Malawi, Palestine, Kenya, Ethiopia, Somalia, Syria, Sri Lanka, Afrika Selatan, Myanmar dan Zanzibar**.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh SUZA UiTMCM bagi pengumpulan dana adalah dengan mengadakan *explorace* dan aktiviti amal di Mydin Melaka. **Rajah 7.1.5D** menunjukkan aktiviti yang dijalankan dalam pengumpulan dana untuk misi kemanusiaan **antarabangsa**.

Rajah 7.1.5D: Explorace dan Pembukaan Charity Week di Mydin Ayer Keroh, Melaka



Sumber : FB UiTMCM

Bagi **OS8** dan **OS10** pula, Persatuan Alumni UiTM Melaka (UMAT) semakin diperkasakan dan giat dalam menjana pendapatan dan pengumpulan dana bagi membantu **komuniti/golongan yang memerlukan**. Aktiviti UMAT ini telah mendapat liputan daripada akhbar Metro *Online* dan Melaka Hari Ini **(Rajah 7.1.5E)**

Rajah 7.1.5E: Liputan Media terhadap Aktiviti Alumni UiTMCM



Sumber : Metro Online dan Melaka Hari Ini

Rajah 7.1.5F: Anugerah Khas TNC ICAN

Segala program dan aktiviti berkaitan JA2K UiTMCM yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 telah memberikan impak positif di peringkat antarabangsa dan merentasi negara selaras dengan nilai **Sinergibersama dan sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kearah Kompetensi Global.** Kecemerlangan PS UiTMCM berkaitan bidang tumpuan JA2K amat bermakna apabila dianugerahkan **Anugerah Khas TNC ICAN (Rajah 7.1.5F)** pada MeTIC 12/2023 yang membuktikan **kekuatan JA2K UiTMCM** pada tahun 2022.



Sumber : FB TNC ICAN

7.2 HASIL DARIPADA TUMPUAN OPERASI YANG MANTAP

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Amalan nilai **Sinergibersama dan sinergitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JA2K) ke arah Kompetensi Global melalui Model JA2K** seperti yang telah disasarkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya diterapkan di kalangan warga UiTMCM dengan keberhasilan pelbagai aktiviti kemanusiaan yang melibatkan alumni, komuniti dan sukarelawan. Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan melonjak nama UiTMCM di peringkat nasional dan juga secara global sepertimana yang telah direncanakan di dalam PS UiTMCM tahun 2022.
Pelbagai program yang melibatkan kolaborasi antara UiTMCM, alumni, komuniti serta para sukarelawan telah dirancang dan telah menunjukkan keberhasilannya dengan pelbagai pencapaian dan anugerah yang berprestij. Pencapaian yang diperoleh tidak berhenti di situ, namun program-program yang berimpak tinggi itu diteruskan pada tahun-tahun yang seterusnya atas maklum balas peserta dan penambahbaikan dibuat secara berterusan. Ini dapat dilihat dengan wujudnya kesinambungan program-program yang bersiri seperti LIAC yang sudah berlangsung selama 4 siri bermula tahun 2013 dan CHANEL yang telah dijalankan selama 8 siri sejak tahun 2018. Peningkatan bilangan pelajar, pensyarah dan komuniti yang terlibat juga menunjukkan tren yang positif dari tahun ke tahun.

Kecekapan pengurusan operasi juga menarik minat beberapa universiti awam di Malaysia seperti UiTM Cawangan Kelantan untuk membuat penandaarasan OS1S bagi program pentauliahan UiTMCM sebagai Pusat Bertauliah Skim Latihan Dual Nasional secara maya dan bersemuka. Operasi yang mantap dan berterusan juga mengangkat nama UiTMCM dengan kemenangan beberapa anugerah di MeTIC 12/2023 yang meletakkan UiTMCM di antara tiga kampus cawangan UiTM terbaik di Malaysia.

Kepelbagaian program yang dijalankan yang bertemakan *Knowledge Transfer Program* (KTP) & *University Social Responsibility* (USR) yang dijalankan oleh UiTMCM di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa sudah tentunya memberikan manfaat secara holistik kepada seluruh masyarakat setempat mahupun warga dunia yang berada di dalam kesusahan ataupun memerlukan. Bantuan telah diberikan dalam bentuk sumbangan kewangan atau dana, pemindahan ilmu dalam memastikan peningkatan kualiti pendidikan komuniti serta kerahan tenaga dalam memastikan komuniti sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan sejahtera seperti **Program Tanggungjawab Sosial Keluarga UiTM, LIAC, CHANEL** dan banyak lagi.

Hasil operasi yang efisien dan mantap serta kerjasama warga UiTMCM dalam menerapkan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global melalui Model JA2K** dalam melaksanakan amanah telah membantu universiti dalam mencapai objektif-objektif yang disasarkan pada tahun 2022. Pelbagai program telah dijalankan yang melibatkan penglibatan alumni, komuniti & sukarelawan yang memberikan impak yang positif di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Program tersebut telah menerima beberapa anugerah yang berprestij seperti Anugerah Bestari semasa MSHI 2022 yang mana program-program JA2K yang dijalankan adalah di **peringkat kebangsaan mahupun di peringkat global** seperti di dalam **Rajah 7.2.1A** dan **Rajah 7.2.1B.** Manakala, **Jadual 7.2.1A** menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan (sasaran) berserta keberkesanan program tersebut (pencapaian) kepada pelbagai pihak.

Rajah 7.2.1A: Calon-calon Anugerah Bestari bagi kategori Anugerah Projek Pembangunan Komuniti Lestari Terbaik Tahun 2022



Sumber: BPJI UiTMCM

Rajah 7.2.1B: Calon-calon Anugerah Bestari bagi kategori Anugerah USR Terbaik Tahun 2022



Sumber: BPJI UiTMCM

Jadual 7.2.1A: Program-program Jaringan Alumni, Komuniti & Kesukarelawanan Sepanjang 2022

BIL.	NAMA PROGRAM JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI & KESUKARELAWANAN/SASARAN	PELANGGAN YANG TERLIBAT	PENCAPAIAN/HASIL KEBERKESANAN PROGRAM
1.	**LENDU INTERNATIONAL ART COMMUNITY: PASCA COVID (LIAC#4)** **Peringkat: Antarabangsa** **Tarikh: 21 – 23 Oktober 2022** **SASARAN:** Projek ini merupakan **siri keempat (selepas Tahun 2013, 2014 dan 2016)** yang berfokus kepada pemerkasaan ekonomi dan kerohanian **komuniti** di **DUN Lendu (Kampung Durian Daun Barat, Kampung Durian Daun, Kampung Lendu, komuniti Taman Aman, Masjid Tanah Melaka).**	Balai Seni Negara, Kraftangan Malaysia, MPAG, Japerun DUN Lendu, Jabatan Belia & Sukan Negeri Melaka, Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand dan Universiti Sebelas Maret, Surakarta Indonesia dan seniman antarabangsa dari negara-negara ASEAN seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei serta 9 buah kumpulan seniman seni visual tempatan.	**PENCAPAIAN:** **12 aktiviti** dilaksanakan, termasuk bengkel berteraskan SDG Kreatif berfokus kepada pendedahan pembangunan kemahiran menghasilkan produk berteraskan bahan terpakai dan alam serta pembangunan kemahiran rekaan digital.
2.	**PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI PENTERNAKAN ARNAB & KELESTARIAN PRODUK MAKANAN BERASASKAN DAGING ARNAB YANG DIUSAHAKAN OLEH GENARASI MUDA FELDA** (KTP program di bawah MoU antara UiTM dan Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd.) **Peringkat: Kebangsaan** **Tarikh: November 2021 – Julai 2022** **SASARAN:** Membantu pembangunan komuniti industri baharu bersama peneroka FELDA.	Melibatkan alumni, komuniti, dan industri, khususnya kawasan FELDA di Johor dan Negeri Sembilan, Pertubuhan Kami Anak Felda Negeri Johor (KAF). 	**PENCAPAIAN:** Khidmat runding pemasaran digital, pengurusan kewangan dan penstrukturan organisasi kepada pengurusan Ittihad Sdn Bhd dan anak syarikatnya. Kajian pasaran tentang penerimaan awam terhadap produk berasaskan daging arnab; dengan penghasilan **inovasi produk baharu (Nasi Arab Arnab D'Qaseh) dan menyertai V-MIIEx 2022 dan memenangi Pingat Perak.**
3.	**MELAKA TRADITIONAL FOOD PROGRAM 2022** **Peringkat: Kebangsaan** **Tarikh: 18 Mei 2022 – 7 Julai 2022** **SASARAN:** (i)melestarikan perniagaan produk kampung/makanan tradisi dengan mempergiatkan promosi & strategi pemasaran produk kampung. (ii)meningkatkan keupayaan kawasan Asahan sebagai hub eko-pelancongan dan eko-pelajaran; (iii) meningkatkan peluang penjanaan pendapatan penduduk komuniti.	Melibatkan **komuniti**, industri **dan alumni**: Bens Maju Services, SSM, LHDN, JPKK **Kampung Bukit Senggeh**, Tadika KEMAS Bukit Senggeh, Japerun DUN Asahan, Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah.	**PENCAPAIAN:** • Memanfaatkan golongan **pengusaha produk makanan desa yang berstatus B40, warga emas, wanita, alumni usahawan & pelajar UiTM**. Pemerkasaan Bumiputera & UiTM *Visibility*. • Memenuhi kriteria: *low cost, rapid execution, sustainability of change, quadruple helix, high impact, positive impact for society.* • Telah menerbitkan **1 artikel surat khabar, manakala jurnal berindeks ERA/SCOPUS dalam proses penerbitan.**
5	**PROGRAM BERSAMA ALUMNI** i) *Industrial talk seminar: Graduate Survival KIT* (FPP) 21 Mei 2022 ii) *Enhancing Digital Creativity Skills* (FPN) 28 Mei 2022 iii) *Alumni Talk* (FSSR) 11 Jun 2022 *Paper of Truth/ Variations in Reading*/GAMEINC22 (FKPM) iv) *Celebrate Success* (FPHP)	Antara alumni UiTMCM yang terlibat: i) 1. Encik Jaslan Bin Misran 2. Dr Mohamed Hadi Bin Abd Hamid ii) 1. En. Mohd Ariff Bin Alias 2. En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar iii) En. Mohd Syazwan Bin Anuar (Art Director National Geographic Asia) iv) En. Mohd Fadhli Bin Sulaiman (Utusan Malaysia)/ Encik Mohd Khairul Najmi Bin Mohd Yusof (Malaysia Palm Oil Berhad)	**PENCAPAIAN:** Melahirkan graduan yang bijak serta celik dalam menguruskan kewangan, menjadi Youtuber, berjaya dalam bidang pengiklanan, komersial dan kandungan ilmu kreatif dan lain-lain.

BIL.	NAMA PROGRAM JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI & KESUKARELAWANAN/SASARAN	PELANGGAN YANG TERLIBAT	PENCAPAIAN/HASIL KEBERKESANAN PROGRAM
6.	**PROGRAM PENGANTARABANGSAAN KHIDMAT MASYARAKAT: KORBAN DAN WAKAF TELAGA DI KEMBOJA SIRI II "PRIHATIN KEPADA UMMAH"** **Peringkat: Antarabangsa** **Tarikh: 11 - 14 Julai 2022** **SASARAN:** 1. Membantu meringankan beban masyarakat minoriti Islam di Phnom Penh, Kemboja. 2. Mendedahkan tentang bidang ekonomi dan pertanian di Kemboja. 3. Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar UiTM, alumni dan staf dengan komuniti Kemboja yang berbeza.	MPP UiTMCM anjuran Persatuan *International Business Unity Club* (IBUC) dengan kerjasama FPP Kelab Warisan Budaya (KWB), Kelab SUZA, ACIS & Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (ELWAZIF), UiTMCM.	**PENCAPAIAN:** Program berbentuk CSR dan ibadah korban ini meliputi perbagai aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat, di samping melaksanakan ibadah korban Aidiladha di Kemboja. Program ini telah berjaya mengumpul penyertaan korban sebanyak **13 ekor lembu, 25 buah telaga serta sumbangan beras dengan jumlah kutipan sebanyak RM55,420.00.** Kejayaan ini telah membuktikan kesemua objektif utama program ini telah berjaya dan memberi imej yang positif dengan mengharumkan nama Malaysia amnya dan seterusnya nama UiTM khususnya di Kemboja sekaligus di persada dunia.

Sumber: BPJI UiTMCM

Merujuk kepada **Jadual 7.2.1B** di bawah, **2 PI** (**PI027 dan PI028)** daripada bahagian HEP yang berkaitan dengan **JA2K** telah tercapai melebihi sasaran. Beberapa program yang menyumbang kepada **PI027** adalah hasil daripada operasi **Program Sekolahku Universitiku** yang dikendalikan sepenuhnya oleh Komander-komander Kesatria dan staf-staf Unit Kokurikulum telah berlangsung di **Sekolah Kebangsaan Ayer Limau, Melaka** dan **Program Seikhlas Kasih Setulus Budi** anjuran Unit Kokurikulum Bersama **Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Harapan (PETAH) di Krubong Perdana, Melaka**. Manakala **PI028** telah dicapai berdasarkan beberapa proses **aktiviti kesukarelawanan** yang telah dilaksanakan iaitu **Misi Bantuan Sukarelawan Banjir Kg. Spang Loi, Segamat, Johor, Kg. Sungai Kelamah, Gemas Negeri Sembilan** dan juga **Program Sekolahku Universitiku.**


Jadual 7.2.1B: PI Pencapaian HEP yang Berkaitan dengan JA2K

PI	SASARAN	PENCAPAIAN	TAHAP PENCAPAIAN
PI027: **Number of new SULAMs programme with industry involvement in relation to service-learning activities**	1.00	52.00	MELEBIHI SASARAN
PI028: **Number of volunteerism programmes.**	1.00	5.00	MELEBIHI SASARAN

Sumber: PSTU UiTMCM

Lendu International Art Comunity (LIAC) merupakan sebuah projek seni berteraskan komuniti yang dirintis oleh kumpulan kolektif yang dinamakan Artis Gomen sejak tahun 2013. Projek ini bertujuan **memperkasa komuniti melalui aktiviti-aktiviti kesenian berteraskan warisan, budaya dan kebersamaan sosial**. Meninjau sejarah penganjurannya, LIAC telah dilaksanakan sebanyak tiga siri pada tahun-tahun terdahulu iaitu LIAC# 1: Seni Kampung 2013, LIAC# 2: Kenduri Seni Kampung 2014, dan LIAC# 3: Lestari Hijau 2016 di beberapa Kawasan DUN Lendu Alor Gajah, Melaka. Selepas tiga siri, LIAC tidak dapat dilaksanakan atas beberapa faktor antaranya ketiadaan dana dan perubahan-perubahan politik negara. Namun, polemik itu tidak mematahkan semangat UiTMCM untuk terus berbakti kepada komuniti dengan kesinambungan LIAC siri keempat Pasca COVID-19. Projek seni ini telah dirancang untuk diadakan bertujuan memeriahkan kembali industri seni visual melalui konsep desentralisasi seni dan **memperkasa semula ekonomi komuniti khususnya masyarakat setempat di bawah DUN Lendu, Alor Gajah Melaka**.


Rajah 7.2.3A: Bilangan Pelajar dan Guru Seni/Pensyarah FSSR yang Terlibat dalam Semua Siri LIAC



Sumber: BPJI UiTMCM


Rajah 7.2.3A menunjukkan bilangan pelajar dan jumlah guru seni serta pensyarah FSSR yang terlibat di dalam semua siri LIAC selama empat tahun. Ini menunjukkan **tren yang positif** di dalam peningkatan penglibatan pelajar-pelajar dari sekolah, IPTA/IPTS dan juga mahasiswa-mahasiswi daripada UiTMCM dimana terdapat peningkatan dari awal pelaksanaan program LIAC siri satu sehingga siri keempat. Keberkesanan program dan maklum balas yang diterima sebelum ini telah mendapat respon yang baik daripada pelbagai pihak dan juga komuniti yang terlibat. Program ini telah ditambah baik dan mendapat sambutan yang sangat baik dari sekolah-sekolah seni yang berhampiran serta mahasiswa-mahasiswi UiTMCM sendiri. Selain daripada itu juga, terdapat **peningkatan** di dalam penglibatan guru seni dan pensyarah FSSR dari LIAC#1 sehingga ke LIAC#2. Namun, semasa LIAC#3 diadakan, terdapat sedikit penurunan oleh faktor aktiviti yang dijalankan dibantu oleh pelajar UiTMCM. Walau bagaimanapun penglibatan guru seni dan pensyarah FSSR ini **terus meningkat** semula semasa siri LIAC#4.

Rajah 7.2.3B: Bilangan Program Pelajar yang Berkaitan dengan USR Sepanjang Tahun 2020-2022



Sumber: PSTU UiTMCM


Rajah 7.2.3C: Jumlah Kesukarelawanan yang Terlibat Sepanjang Tahun 2020-2022



Sumber: PSTU UiTMCM

Rajah 7.2.3B menunjukkan pencapaian PI HEP UiTCM iaitu PI027 (*Number of new SULAMs programme with industry involvement in relation to service-learning activity*) manakala **Rajah 7.2.3C** menunjukkan pencapaian PI HEP UiTCM iaitu PI028 (*Number of volunteerism programmes)* telah menunjukkan **tren yang positif** dimana terdapat peningkatan dari tahun 2020 sehingga 2022. Ini menunjukkan aktiviti-aktiviti SULAM pelajar yang berkait dengan industri telah melatih pelajar untuk memberikan khidmat masyarakat kepada komuniti. Peningkatan yang sangat ketara terhadap jumlah program kesukarelawanan pada tahun 2022 pula menunjukkan pelajar UiTMCM amat komited dalam aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan. Pelbagai inisiatif telah dirancang dan dianjurkan dari tahun ke tahun dimana hasil daripada penganjuran program-program kemasyarakatan ini juga telah menarik ramai warga UiTMCM yang terdiri dari kalangan mahasiswa, staf akademik mahupun staf pentadbiran telah sama-sama berganding bahu dalam menabur bakti kepada komuniti di kawasan setempat, di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa seiring dengan **nilai Sinergibersama dan Sinergitrust** yang telah diterapkan kepada semua warga UiTMCM.

Rajah 7.2.3D: Hasil Sumbangan Dana dalam Siri-siri Program *Charity and Endless Love* (CHANEL)




Sumber: BPJI UiTMCM

Selain itu, program *Charity and Endless Love* (CHANEL) yang berteraskan khidmat masyarakat telah menyumbang kepada komuniti melalui saluran dana hasil daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan sendiri oleh pelajar-pelajar semester 4 Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) yang mengambil subjek MKT310 (Prinsip Asas Perhubungan Awam) serta sumbangan daripada para pensyarah. Program ini telah dijalankan secara bersiri dengan memfokuskan kepada komuniti-komuniti yang berbeza setiap kali dianjurkan. **Rajah 7.2.3D** menunjukkan program-program CHANEL yang telah memulakan programnya bermula pada tahun 2018 lagi sehingga kini. Jumlah dana yang dikumpul bagi setiap siri CHANEL akan disalurkan kepada komuniti seperti sumbangan kepada warga UiTMCM sendiri semasa pandemik COVID-19 **(CHANEL 5.0 : RM20,000)**,Youth Care Malaysia (YCM), Global Peace Mission Malaysia (GPM) dan Shikin's Team Animal Rescuer (STAR) **(CHANEL 6.0 : RM66,700)**, Pusat Jagaan dan Rawatan Rumah Orang Tua Al Ikhlas, Puchong **(CHANEL 7.0 : RM 19,730.00)** dan membantu pesakit dan ahli keluarga pesakit kanser jagaan MAKNA yang terjejas disebabkan wabak penyakit COVID-19 **(CHANEL 8.0 : RM53,453.00)**. Ini menunjukkan **tren peningkatan yang positif** dari segi jumlah sumbangan dana dari siri CHANEL 5.0 hingga ke CHANEL 8.0. Hal ini menunjukkan para pensyarah dan pelajar sentiasa berusaha dan bekerja keras dalam pengumpulan dana bagi memenuhi keselesaan dan kemudahan komuniti yang dipilih serta dapat meringankan beban yang mereka hadapi melalui aktiviti jualan barangan. Objektif utama program ialah melahirkan mahasiswa yang cakna dengan sifat ihsan dan prihatin kepada masyarakat sekeliling sambil menimba pengalaman aktiviti perniagaan jualan atas talian yang relevan semasa pandemik melanda dunia ketika itu serta melatih dan memupuk sifat kesukarelawanan dalam diri para pelajar.


Kolaborasi antara alumni dan UiTMCM masih dikekalkan dengan kerjasama yang erat sehingga kini wujudnya pelbagai aktiviti yang berimpak tinggi yang memberi manfaat bagi kedua-dua belah pihak. Aktiviti-aktiviti **JA2K melalui jaringan alumni** ini telah disahut oleh kebanyakan fakulti di UiTMCM yang menggalakkan penglibatan alumni UiTMCM dari segi perkongsian kepakaran dan *knowledge transfer program* (KTP) seperti ***Celebrate Success*: Perkongsian Kepakaran dan Kisah Kejayaan Alumni (FPHP), *Paper of Truth/Variations in Reading/GAME MINI CARNIVAL 2022* (GAMEINC22) *Alumni Sharing Session (FPKM), Industrial talk seminar: Graduate Survival KIT* (FPP), *Enhancing Digital Creativity Skills* (FPN)**, ***Alumni Talk*** **(FSSR)**, ***dan Industrial Career Talk: Through The It Era (FSKM)*** sehingga melayakkan UiTMCM untuk menerima 2 anugerah utama iaitu mendapat **tempat pertama antara 13 kampus cawangan bagi kategori Kolaborasi Alumni Terbaik (Peringkat Kampus) dan tempat pertama bagi anugerah *Community Program Award: Impactful Industry/Alumni Collaboration* dengan mendahului UiTM Cawangan yang lain** di anugerah MeTIC 12/2023 seperti di dalam **Rajah 7.2.4A dan Rajah 7.2.4B.**

Rajah 7.2.4A: Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik Peringkat Kampus



Sumber: ICAN UiTMCM

Rajah 7.2.4B: Anugerah *Community Program Award: Impactful Industry/Alumni Collaboration* Peringkat Kampus



Sumber: ICAN UiTMCM

j

Kecekapan proses yang telah dirancang, diaturkan dan diaplikasikan di dalam pelbagai program seperti LIAC, CHANEL, Wakaf Kemboja dan bermacam-macam lagi yang telah dilaksanakan secara bersiri secara tidak langsung telah melayakkan UiTMCM untuk menerima **Anugerah *Community Program Award*: *Sustainable Program* (Peringkat Kampus) di tempat yang kedua seperti Rajah 7.2.4C**. Melalui projek seni LIAC#4, terdapat tiga projek SDG Kreatif dilaksanakan dengan memfokuskan penglibatan dalam kalangan warga komuniti di DUN Lendu iaitu Bengkel Sabun dari Minyak Terpakai, Bengkel Pasu Daun dan Bengkel Rekabentuk 3D: Blender 2.9. Manakala aktiviti kemuncak selama tiga hari melibatkan 9 aktiviti yang dilaksanakan secara kolaborasi dalam kalangan seniman, mahasiswa UiTMCM dan pelajar-pelajar sekolah Seni Malaysia, Johor serta para karyawan seni kraf setempat.

Antara projek yang dilaksanakan adalah Pasar Seni dan Kraf, Melukis Mural (Bangunan Kompleks Belia Masjid Tanah, Taman Rekreasi Durian Daun), Melukis 70 Flag Banner, Plein Air, Pasar Karat Dondang Sayang (PKDS), Pameran Seni Profile Ismail Baba, Pameran Seni Komuniti serta Pertandingan Seni Medsos (dalam kalangan mahasiswa & pelajar sekolah Seni Johor) sehingga melayakkan UiTMCM menerima **Anugerah Khas Rektor Pencapaian Khas 2022 Kategori Projek Pemindahan Ilmu Lestari semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi 2022 (MSHI 2022) peringkat UiTMCM** seperti dalam Rajah7.2.4D

Rajah 7.2.4C: Sijil Anugerah *Community Program Award: Sustainable Program* (Peringkat Kampus), MeTIC 12/2023



Sumber: ICAN UiTMCM

Rajah 7.2.4D: Anugerah Khas Rektor Pencapaian Khas 2022 (Kategori Projek Pemindahan Ilmu Lestari)



Sumber: ICAN UiTMCM

Rajah 7.2.4E: Anugerah Khas PTJ Prihatin



Sumber: FB UiTMCM

Unit Perkhidmatan OKU UiTM telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya peringkat UiTM Tahun 2022 pada 2 Disember 2022, bersempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya yang disambut pada 3 Disember setiap tahun. Sebanyak tujuh kategori anugerah telah diberikan bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga OKU dan juga warga yang cakna OKU di UiTM. **FPP UiTMCM** telah menerima **Anugerah Khas PTJ Prihatin** bersempena dengan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Tahun 2022 seperti **Rajah 7.24E**. Anugerah ini merupakan simbol penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pihak yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan sentiasa memberi sokongan padu dalam menangani isu-isu berkaitan **warga OKU di UiTM khususnya dan Malaysia amnya** selari dengan aspirasi kerajaan Malaysia yang menekankan konsep inklusiviti dan sejajar dengan aspirasi *Sustainable Development Goals* (SDG) ke-10 iaitu '***Reduced Inequality'***.

UiTMCM merupakan **satu-satunya UiTM di Malaysia** yang telah mendapat pentauliahan sebagai Pusat Latihan Program One Student 1 Skill UiTMCM – Sistem Latihan Dual Nasional (OS1S-SLDN) OS1S secara rasminya pada 1 April 2021 oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Melalui pentauliahan yang diberikan kepada UiTMCM, pelbagai manfaat dapat disalurkan kepada **komuniti** dengan menawarkan program atau kursus di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia melalui pelaksanaan SLDN yang bertujuan untuk membantu rakyat yang masih belum mendapat pekerjaan selaras dengan nilai **JA2K** yang diterapkan di UiTMCM. Hasil operasi UiTMCM yang mantap telah membuka mata dan membuatkan banyak universiti awam di Malaysia mahu meninjau rahsia pengurusan proses di sebalik pengiktirafan itu.

Rajah 7.2.4F: Lawatan penandaarasan OS1S dari UiTM Cawangan Kelantan secara bersemuka



Sumber: BPJI UiTMCM

Lawatan Penanda Aras terhadap SLDN UiTMCM ini terdahulu telah dilaksanakan oleh **UiTM Cawangan Kelantan** secara atas talian pada 14 April 2021. **Rajah 7.2.4F** merujuk kepada Lawatan Penanda Aras SLDN ke UiTMCM oleh **UiTM Cawangan Kelantan telah dibuat kali kedua** pada 27 Januari 2022 secara bersemuka yang memberikan sesi perkongsian pengalaman dan kepakaran pengajar oleh wakil tenaga pengajar iaitu En Syahiru Shafiai (Operasi Jualan & Pemasaran) dan En Muhammad Firdaus Amairudin (Rekabentuk Grafik).

Keberhasilan sesuatu proses yang mantap mampu memberikan manfaat dan kesan yang positif melalui penerapan nilai **JA2K.** Operasi berkonsepkan **Sinergitrustbersama dan Sinergitrust** dengan tema **Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global** telah wujud beberapa program yang berimpak tinggi di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Manfaat bagi setiap program yang dijalankan dapat diukur dengan hasil yang dapat dirasai oleh pelbagai pihak seperti pelajar, staf dan komuniti setempat secara menyeluruh.

Antara program yang memberikan maklum balas yang positif daripada komuniti yang terlibat hasil daripada operasi program yang berkesan membuatkan program ***Lendu International Art Community*** **(LIAC)** masih diteruskan secara bersiri dan telah memberikan nilai yang signifikan kepada komuniti. LIAC#4 merupakan projek seni komuniti menerapkan nilai kerohanian yang positif di dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan bagi membantu merancakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat **khususnya Melaka umumnya** dan merupakan kerjasama kesukarelawanan di **peringkat antarabangsa** yang melibatkan Universiti Sebelas Maret, ISI Solo, Chiang Rai Rajabhat University, Brunei Darussalam, Singapura dan Pattani Art Space sehingga siri ke-4. Program ini mendapat perhatian media massa dan elektronik seperti **Rajah 7.2.5A** dan **Rajah 7.2.5B** menunjukkan aktivit-aktiviti yang dijalankan sepanjang LIAC#4.

Rajah 7.2.5A: Keratan Akhbar Program LIAC#4


PERSPEKTIF

Keunikan karya lahir dari hati dan imaginasi pelukis

Seni naif Ismail unik

KLIK SINI

Sumber: FB Rasmi UiTMCM

Rajah 7.2.5B: Aktivit-aktiviti sepanjang Program LIAC#4



Sumber: FB Rasmi UiTMCM

Rajah 7.2.5C: Program Keluarga UiTM



Sumber: Bahagian Infostruktur UiTMCM

Rajah 7.2.5C merupakan **Program Tanggungjawab Sosial Keluarga UiTM** iaitu suatu program tanggungjawab sosial anjuran Bahagian Infostruktur dan Unit Kokurikulum UiTMCM bagi melengkapkan salah satu daripada **Pelan Perancangan Strategik Bahagian Infostruktur** yang bertujuan untuk memberikan bantuan kemudahan pembelajaran yang lebih baik kepada 27 buah sekolah yang dipilih **dalam peringkat negeri Melaka**. Sekolah terpilih merupakan sekolah yang telah disenarai pendek oleh JPN Negeri Melaka yang terbahagi kepada **3 daerah** iaitu 8 buah sekolah di Daerah Alor Gajah, 8 buah sekolah di Daerah Melaka Tengah dan 11 buah sekolah di Daerah Jasin. Setiap sekolah telah menerima 1 unit radio berjenama *Panasonic* dan juga bantuan alat tulis. Sekolah-sekolah yang dipilih merupakan sekolah miskin dan ada di antaranya dikategorikan bawah sekolah kurang murid. Kebanyakan sekolah berada dalam kawasan luar bandar di mana taraf hidup keluarga pelajar berada **di bawah paras B40**. Ada sesetengah pelajar dimaklumkan tidak pernah keluar dari kawasan kediaman mereka kerana kesusahan hidup. Sumbangan yang diberikan diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam **meningkatkan kualiti pendidikan khususnya sekolah-sekolah di Melaka.**

Rajah 7.2.5D: Program Ittihad



Sumber: BPJI UiTMCM

UiTMCM dan Ittihad Trading and Resources Sdn Bhd menandatangani MoU untuk bekerjasama dalam memanfaatkan kepakaran mereka untuk meningkatkan pasaran daging arnab di **Malaysia** secara strategik. Di bawah MoU itu, kedua-dua rakan kongsi menghasilkan prototaip makanan yang dipanggil **Beras Arab Arnab D'Qaseh**. Produk ini memenangi **pingat Perak dalam "Virtual Melaka International Intellectual Exposition 2022" (V-MIIEX2022).** Kerjasama ini memberikan pengalaman latihan yang lebih baik bagi pelajar dengan mempelajari cara mencipta pelan komunikasi pemasaran yang kukuh dan strategi pembinaan jenama untuk produk baharu seperti **Rajah 7.2.5D**. Di samping itu juga, pelajar akan mengetahui lebih lanjut tentang potensi produk berasaskan daging arnab di pasaran Malaysia. Ini menyokong **pelaksanaan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) negara menjelang 2030.**

Rajah 7.2.5E: Program SoCCoM 1.0



Sumber: BPJI UiTMCM

Program SoCCoM 1.0 merupakan sebuah program sosial untuk masyarakat yang telah disertai oleh 21 pelajar dan usahawan yang terdiri daripada pemilik perniagaan kecil yang baru bermula dan juga ada yang berpengalaman lebih 15 tahun dari **Kampung Bukit Senggeh, Melaka** seperti **Rajah 7.2.5E**. Kolaborasi ini menyediakan sokongan untuk perniagaan tempatan untuk membangunkan rancangan pemasaran yang lebih baik yang membolehkan pelajar berinteraksi dengan usahawan dan berkongsi strategi pemasaran, selaras dengan misi dan visi UiTM untuk melahirkan pelajar yang prihatin dan akan membantu dalam membangunkan **pertumbuhan ekonomi tempatan**.

Rajah 7.2.5F: Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri II



Sumber: BPJI UiTMCM

Rajah 7.2.5F menunjukkan aktivit-aktiviti sepanjang **Program Pengantarabangsaan** Khidmat Masyarakat: Korban Dan Wakaf Telaga Di Kemboja Siri II bertemakan “Prihatin Kepada Ummah” berbentuk khidmat masyarakat dan ibadah korban ini meliputi perbagai aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat di samping melaksanakan ibadah korban Aidiladha di Kemboja. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dan staf tentang kondisi kehidupan dan aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di Kemboja sekaligus membantu dan memberi sinar kegembiraan kepada **masyarakat Islam Kemboja** di sana. Program ini telah berjaya mengumpul penyertaan korban sebanyak 13 ekor lembu, 25 buah telaga serta sumbangan beras dengan membuat kutipan sebanyak RM55,420.00. Kejayaan ini telah membuktikan kesemua objektif utama program ini telah berjaya dan memberi imej yang positif dengan **mengharumkan nama Malaysia amnya dan seterusnya nama UiTM khususnya di Kemboja sekaligus di persada dunia.**

7.3 HASIL DARIPADA SUMBER MANUSIA YANG BERKOMPETENSI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia UiTMCM yang efisien oleh Pengurusan Kanan UiTMCM berpandukan **nilai Sinergibersama dan sinegitrust telah memacu UiTMCM ke arah kampus global**. Dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompentensi Global**, Pengurusan Kanan UiTMCM bersama warga dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM** dan **KJM** telah berusaha untuk menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang unggul.

Bagi pencapaian sumber manusia UiTMCM untuk bidang tumpuan **(JA2K)**, **kesemua hasil pencapaian PI sumber manusia JI&K UiTMCM 2022 telah berjaya untuk capai sasaran malah ada yang melebihi sasaran** yang ditetapkan. Sebahagian dari pencapaian sumber manusia UiTMCM adalah **hasil jumlah geran penyelidikan nasional, antarabangsa dan geran kolaborasi dengan pihak industri yang banyak memberi impak positif kepada UiTMCM**.


Bagi hasil pencapaian sumber manusia dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa **terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan**. Tren yang digunapakai bagi penganalisaan **dari sumber manusia** adalah **tren bilangan pencapaian dari penerbitan berindeks Scopus/WoS/ERA**, **tren staf akademik dengan kersarjanaan DM52, tren kelayakan profesional staf, tren pemerolehan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa, tren bilangan staf yang berkolaborasi dengan industri dan universiti serta tren tahap kepuasan hati staf UiTMCM**.

Perbandingan antara kampus, organisasi dalam dan luar negara turut dianalisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang terkenal diperingkat global. Antara perbandingan tersebut, staf UiTMCM turut diberikan pengiktirafan seperti menjadi **Penyemak Indikator Negara 2022, Pakar Rujuk dan Fasilitator Semakan Garis Panduan Saham Khas Bumiputera 2022, mendapat tempat ketiga tertinggi perundingan teraktif antara kampus zon selatan 2022 dan juga tersenarai Penyelidik UiTM Saintis 2% terbaik Dunia 2022**.

Projek-projek yang diuruskan UiTMCM telah menyumbang dalam **pembangunan kampus, pembangunan komuniti**, **pembangunan UiTM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa** seperti **kejayaan staf akademik dalam Anugerah Rektor 2022 kategori kesukarelawan dan pemerolehan geran penyelidikan, Pelantikan Penasihat Misi Bantuan Banjir, pemeteraian memorandum persetujuan (MoU) Bersama industri, Pengiktirafan Anugerah kepada staf UiTMCM di pertandingan inovasi antarabangsa V-MiiEX 2022** serta j**alinan kerjasama UiTMCM dan SMK Dang Anum.** Berteraskan **Nilai Sinergibersama dan sinegitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kearah Kompentensi Global**, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan **hasil sumber manusia JA2K UiTMCM** pada tahun 2022.

Staf akademik dan staf pentadbiran UiTMCM merupakan penggerak utama dalam pengurusan operasi UiTMCM berteraskan nilai **Sinergibersama dan sinergitrust**. Keberkesanan penglibatan sumber manusia dapat diukur dengan keberhasilan pencapaian sesuatu program, aktiviti atau projek dengan jayanya mengikut skop-skop tugas yang telah diamanahkan.

Rajah 7.3.2A: Sasaran dan pencapaian PI (geran) yang melibatkan staf untuk tahun 2022



Sumber: PSTU UiTMCM

Rajah 7.3.2A menunjukkan hasil pencapaian PI sumber manusia pada tahun 2022. Berdasarkan rajah tersebut, geran penyelidikan melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Geran penyelidikan ini terdiri daripada geran nasional, geran industri dan geran antarabangsa. Geran nasional telah mencapai sasaran lebih 18 geran manakala geran industri menunjukkan lebih 1 sasaran. Geran antarabangsa pula memperolehi lebih 6 sasaran geran, antaranya geran yang diperoleh dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berdasarkan Jadual 7.3.2A. Ini membuktikan staf akademik yang telah berjaya mendapat dana dari geran penyelidikan, antaranya melibatkan geran komuniti adalah penyumbang utama dalam pencapaian untuk tahun 2022.

Jadual 7.3.2A: Geran antarabangsa yang melibatkan komuniti

NAMA AHLI PENYELIDIK	TAJUK GERAN PENYELIDIKAN	JENIS GERAN (NASIONAL/ ANTARABANGSA/ INDUSTRI)	JUMLAH GERAN YANG DIPEROLEH	FAKULTI
PROFESOR MADYA DR MOHAMED SALADIN ABDUL RASOOL PROFESOR MADYA DR MAHERAN BINTI HAJI KATAN DR KHAIRUNNISA BINTI ABD SAMAD DR A'IESHAH BINTI ABDULLAH SANI	THE INFLUENCE OF PROBLEM SOLVING SKILL ON HALAL ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG YOUNGER GENERATION: EVIDENCE FROM MALAYSIA AND BRUNEI	srp_UNISSA	10,000.00	FPP

Sumber: BPJI UiTMCM


Jadual 7.3.2B: Jumlah (RM) geran dan staf akademik sebagai penyelidik untuk tahun 2022

Nama Geran	Jumlah
Nasional	RM734,000
Antarabangsa	RM207,880
Dalaman	RM324,200
Industri	RM10,000
Penyelidik Utama	62 Orang
Penerbitan Berindeks	297 terbitan

Sumber: PSTU UiTMCM

Berdasarkan **Jadual 7.3.2B** didapati bahawa hasil kejayaan pemerolehan geran penyelidikan iaitu geran nasional (RM734,000), geran antarabangsa (RM207,880), geran dalaman (RM324,000) dan geran industrI (RM10,000). Seramai 62 penyelidik utama yang mana ada diantara mereka yang telah menghasilkan kajian bersama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan berjaya menerbitkan penerbitan berindeks sebanyak 297 terbitan.

Rajah 7.3.2B: Sasaran dan pencapaian PI (penerbitan berindeks) yang melibatkan staf untuk tahun 2022




Sumber: PSTU UiTMCM

Merujuk kepada **Rajah 7.3.2B**, semua hasil pencapaian PI sumber manusia yang melibatkan penerbitan berimpak tinggi untuk tahun 2022 melebihi sasaran. PI penerbitan berindeks yang berkolaborasi jurnal Scopus/WoS/ERA mencapai sasaran melebihi 12 terbitan. Bagi penerbitan berkolaborasi artikel jurnal berindeks MyCite juga mencapai PI penerbitan UiTMCM bagi tahun 2022.

Staf akademik UiTMCM yang menjadi penulis utama atau penulis bersama (corresponding author) yang telah berjaya menerbitkan artikel adalah penyumbang utama dalam pencapaian PI. Hasil penyelidikan dibawah geran menghasilkan jurnal yang berimpak tinggi salah satunya adalah jurnal berindeks ERA yang bertajuk *Level of Implementation of The Lifelong Learning (PSH) Program in The Community Around Masjid Tanah*. Justeru pencapaian ini menyumbang kepada jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan selari dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kearah Kompentensi Global**.

Rajah 7.3.2C: Sasaran dan pencapaian PI (penerbitan bersama berindeks) yang melibatkan staf untuk tahun 2022



Sumber: PSTU UiTMCM

Merujuk kepada **Rajah 7.3.2C**, semua **hasil pencapaian PI sumber manusia yang melibatkan penerbitan** untuk tahun 2022 **melebihi sasaran**. Penerbitan jurnal berindeks berkolaborasi bersama badan nasional menunjukkan pencapaian yang sangat tinggi melebihi sasaran. Manakala, penerbitan bersama industri dan antarabangsa juga melebihi sasaran. Staf akademik yang telah berjaya menerbitkan artikel berkolaborasi bersama badan nasional, industri dan badan antarabangsa melalui geran penyelidikan adalah penyumbang utama dalam pencapaian PI untuk tahun 2022.


Jadual 7.3.2C: Sasaran dan pencapaian PI yang melibatkan staf UiTMCM

		YEAR 2022		STATUS
		SASARAN	PENCAPAIAN	
85	Number of academic staff with industry experience.	13	13	TERCAPAI
96	Number of staff with professional qualifications.	35	35	TERCAPAI
97	Number of staff attached with top global 2000 companies or top 300 universities.	10	10	TERCAPAI

Sumber: PSTU UiTMCM

Berdasarkan **Jadual 7.3.2C,** nilai **Sinergibersama dan sinegitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kearah Kompentensi Global** yang dipupuk dalam kalangan staf menghasilkan impak yang positif dimana pencapaian staf akademik yang mempunyai pengalaman industri termasuk staf akademik dan pentadbiran yang mempunyai kelayakan professional. Staf akademik yang mempunyai kelayakan profesional dalam bidang perakaunan dan teknologis **mencapai sasaran** pada tahun 2022. Ia berkait rapat dengan staf akademik yang bersangkut dengan 2000 industri dan 300 universiti terbaik. Untuk tahun 2022, pencapaian **sama dengan sasaran** yang ditetapkan iaitu seramai 10 orang staf akademik UiTMCM yang mempunyai kolaborasi dengan industri dan universiti. Hasil dari **pencapaian** ini juga meningkatkan lagi bilangan geran penyelidikan nasional, antarabangsa dan industri serta membantu penerbitan berindeks Scopus/WoS. Secara keseluruhan, semua hasil pencapaian PI sumber manusia dalam bidang **tumpuan JA2K mencapai dan melebihi sasaran**.


Rajah 7.3.3A: Bilangan Staf Akademik Menghasilkan Penerbitan Berindeks Tahun 2020 - 2022



Sumber: PSTU, UiTMCM

Nilai Sinergibersama dan sinergitrust telah mendorong staf akademik UiTMCM untuk menghasilkan pencapaian yang luar biasa bagi kategori penerbitan berindeks. Penerbitan berindeks Scopus/WoS/ERA melalui prosiding persidangan adalah salah satu platform untuk menerbitkan artikel yang berimpak tinggi. **Rajah 7.3.3A** memaparkan tren sasaran dan pencapaian penerbitan berindeks Scopus/Wos yang mana **terdapat tren yang positif** dan menunjukkan **hasil pencapaian yang meningkat** bagi tren ini dari tahun 2020 ke tahun 2022.


Rajah 7.3.3B: Bilangan Staf Akademik Dengan Kesarjanaan DM52



Sumber: BPSM, UiTMCM

Tren pada **Rajah 7.3.3B** menunjukkan kadar kenaikan **tren yang positif** bagi bilangan staf akademik dengan kersarjanaan DM52 **sehingga tahun 2022**. Bilangan ini meningkat setiap tahun kerana staf akademik UiTMCM yang komited dan berdaya saing dalam kerjaya. Pertambahan ini juga memberi impak yang besar kepada UiTMCM khususnya dalam bidang penyelidikan dan yang **berkait rapat dengan JA2K** seperti kolaborasi dengan komuniti setempat dapat memberi peluang untuk menjalankan penyelidikan bersama dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bukan sahaja memberi manfaat kepada dunia akademik tetapi juga memberi manfaat kepada alumni dan komuniti.


Rajah 7.3.3C: Tren Sasaran dan Pencapaian Kelayakan Profesional Staf, 2020-2022




Sumber: PSTU, UiTMCM

Berdasarkan **Rajah 7.3.3C,** didapati bahawa **tren sasaran dan pencapaian yang positif** dan hasil pencapaian **melebihi sasaran** untuk keseluruhan tahun dari tahun 2020 hingga 2022. Staf akademik dan pentadbiran UiTMCM yang memiliki kelayakan profesional semakin meningkat seiring dengan peningkatan bilangan staf akademik yang mendapat kelayakan DM52 serta menyumbang kepada **peningkatan hasil kolaborasi bersama organisasi luar** termasuk **alumni** dari UiTMCM dan **aktif dalam bidang kesukarelawanan.**

Rajah 7.3.3D: Pencapaian Staf bagi Geran Penyelidikan Nasional, 2020-2022




Rajah 7.3.3E: Tren Sasaran dan Pencapaian Staf bagi Geran Penyelidikan Antarabangsa, 2020-2022



Sumber: PSTU, UiTMCM

Tren bilangan pemerolehan geran nasional dan antarabangsa UiTMCM berdasarkan **Rajah 7.3.3D dan Rajah 7.3.3E** menunjukkan **tren yang positif** dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Pemerolehan geran nasional dan antarabangsa UiTMCM ini melibatkan **staf akademik yang berkolaborasi dengan organisasi kerajaan, nasional, antarabangsa dan juga termasuk alumni serta komuniti**. Kepakaran staf akademik UiTMCM disalurkan **melalui pemerolehan geran** dan kepakaran staf akademik UiTMCM telah menarik minat pihak industri untuk menjalinkan kolaborasi bersama UiTMCM.


Rajah 7.3.3F: Tren Staf UiTMCM yang Berkolaborasi dengan Industri dan Universiti



Sumber: PSTU, UiTMCM

Rajah 7.3.3F menunjukkan **tren hasil pencapaian bilangan staf akademik yang berkadar positif untuk tiga tahun**. Hasil pencapaian ini adalah hasil bilangan staf akademik yang berkolaborasi bersama 2000 oganisasi dan industri terbaik atau 300 universiti terbaik dalam dan luar negara. Peningkatan kolaborasi jelas menunjukkan staf UiTMCM sentiasa komited dalam menggerakkan **JA2K** bagi membantu komuniti.

Rajah 7.3.3G: Tren Tahap Kepuasan Hati Staf UiTMCM dari Tahun 2019 – 2022



Sumber: Unit Kualiti, UiTMCM

Dapatan hasil kajian yang telah dianalisa oleh Unit Kualiti UiTMCM seperti **Rajah 7.3.3G** adalah hasil dapatan dari **Kajian** K**epuasan Hati Pelanggan UiTMCM** dari tahun 2019 hingga tahun 2022. Hasil **mendapati tren kepuasan hati staf UiTMCM berkadar positif dan semakin meningkat selama empat tahun berturut.** Ia bermakna warga UiTMCM gembira dengan pencapaian peribadi dan mempunyai nilai yang positif serta berdaya saing dalam melaksanakan tugas.

Secara keseluruhan, tren pencapaian hasil sumber manusia UiTMCM bagi tahun 2020 hingga 2022 menunjukkan **tren yang positif dan meningkat** selari dengan **nilai Sinergibersama dan sinegitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global**.

Rajah 7.3.4A memaparkan staf UiTMCM **Dr. Intan Maizura binti Abdul Rashid, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTMCM** telah dilantik di antara pensyarah IPTA (UiTM) di kalangan semua IPTA di Malaysia oleh **Jabatan Perkhidmatan Awam** untuk menjadi **Penyemak Indikator Negara** bagi laporan **Global Competitiveness Report (GCR)** dan **laporan World Competitive Yearbook (WCY)** dari September hingga November 2022. Ini menunjukkan **staf UiTMCM** mempunyai kemahiran dalam bidang dan terpilih dalam menjadi **penyemak organisasi dalam negara**. Hasil ini selari dengan tema **Sinergibersama dan sinegitrust dengan tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompentensi Global.**

Rajah 7.3.4A: Penyemak Indikator Negara 2022



Sumber: FB UiTMCM


Rajah 7.3.4B: Pakar Rujuk dan Fasilitator Semakan Garis Panduan Saham Khas Bumiputera 2022



Sumber: FB UiTMCM

Berdasarkan **Rajah 7.3.4B**, staf UiTMCM **Prof. Madya Dr. Ahmad Fadhly Arham, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan serta ahli projek** juga telah mencapai **kejayaan atas lantikan** dari **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Pakar Rujuk dan Fasilitator Semakan Garis Panduan Saham Khas Bumiputera** sepanjang Mac hingga Oktober 2022. **Prof. Madya Dr. Ahmad Fadhly Arham** adalah antara pensyarah IPTA (UiTM) yang terpilih di kalangan semua IPTA di Malaysia. Lantikan ini membuktikan kepakaran staf akademik UiTMCM **dapat memberi manfaat kepada komuniti** sekaligus dapat melonjakkan nama **UiTMCM dalam negara**.

Rajah 7.3.4C: Perundingan Tertinggi antara UiTM Kampus Zon Selatan 2022



Sumber: FB TNCPI, UiTM

Staf akademik **Prof. Madya Dr Abdul Rahim Ridzuan** telah mendapat **tempat ketiga tertinggi perundingan paling aktif di peringkat kampus cawangan** dan **UiTMCM** keseluruhannya telah **memenangi bagi kategori kampus UiTM paling aktif bagi Zon Selatan** dalam Anugerah tahunan perundingan pada tahun 2022 seperti pada **Rajah 7.3.4C**. **Perundingan** yang disalurkan adalah dari segi nasihat, menjadi panel penilai, melakukan kajian, menjadi penceramah kursus, bengkel dan juga taklimat bagi sesebuah organisasi berdasarkan bidang kepakaran mereka.

Rajah 7.3.4D: Tersenarai Penyelidik UiTMCM Saintis 2% terbaik Dunia 2022



Sumber: FB TNCPI, UiTM

Rajah 7.3.4D menunjukkan seorang staf akademik UITMCM telah tersenarai sebagai penyelidik terbaik di **peringkat antarabangsa**. **Profesor Dr Fadzlin Sufian @ Sofian** dari **Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTMCM** telah tersenarai di antara **10 penyelidik terbaik UiTM dikalangan Saintis 2% terbaik Dunia pada tahun 2022** yang **diiktiraf oleh Elsevier. Elsevier** adalah **sebuah organisasi percetakan luar negara yang** bertumpukan dalam bidang saintifik, teknikal dan perubatan**. Ia termasuk terbitan jurnal berimpak tinggi di Scopus.**

Rajah 7.3.4E: Lawatan Penanda Aras di UiTMCM oleh UiTM Selangor





Sumber: FB UiTMCM

Merujuk Rajah 7.3.4E, satu **Lawatan Penanda Aras** di UiTMCM oleh UiTM Cawangan Selangor telah diadakan pada 14 Oktober 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) UiTMCM. Seramai sepuluh orang staf terdiri daripada wakil bahagian dari UiTM Cawangan Selangor diketuai oleh Cik Adlin Na'qiah Binti Sabar @ Sabal, Timbalan Pendaftar UiTM Cawangan Selangor telah hadir. Hasil daripada sumber manusia UiTMCM yang cemerlang dalam melahirkan UiTMCM kearah kompetensi global, UiTMCM telah menerima lawatan penanda aras dari UiTM selangor. Lawatan itu bertujuan untuk **memantapkan pelaksanaan proses autonomi** di UiTM Cawangan Selangor. Lawatan penanda arasan tersebut telah **berjaya mencapai sasaran objektif** dalam usaha **memantapkan pengurusan khususnya bersama UiTMCM** untuk terus **bekerjasama di pelbagai acara di masa akan datang**.

Rajah 7.3.4F: Lantikan Timbalan Pengarah Charity Week Malaysia 2022



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA (657354-W)
A-05-1, Persiaran Point, Jalan Medan PB5,
Seksyen 9, 43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor, MALAYSIA

+603-8926 3434
+603-8925 3434
info@islamic-relief.org.my

Islamic Relief Malaysia
Saving lives since 1984

Ruj. Kami : IRM/CO/A0064/22/08/0001
Tarikh : 5 Ogos 2022

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor,
Universiti Teknologi MARA (UITM),
Cawangan Melaka,
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah,
Melaka

Yang Berusaha Prof. Madya Dr.,

PELANTIKAN WAKIL RASMI SUKARELAWAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Islamic Relief Malaysia dengan sukacitanya melantik Dr Azhana Binti Othman sebagai **sukarelawan rasmi Islamic Relief Malaysia** selaku Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka bagi menyelia serta mengetuai program-program kolaborasi kemanusiaan dan kesukarelawanan.

3. Pelantikan ini berkuatkuasa selama 2 tahun 6 bulan iaitu bermula pada 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2024. Sepanjang tempoh tersebut, program kesukarelawanan yang dianjurkan perlu mematuhi terma-terma kerjasama yang dinyatakan dalam Lampiran 1.

4. Selain itu, Dr Azhana juga merupakan **Timbalan Pengarah Negara bagi 'Charity Week' Malaysia**, satu program kesukarelawanan bagi membantu projek pendidikan dan kebajikan kanak-kanak di peringkat antarabangsa.

Semoga kerjasama ini berterusan memberikan manfaat bagi masyarakat serta mampu membina warga kampus yang prihatin dan berketerampilan tinggi. Encik Muhammad Haris sedia dihubungi di talian 011-12613577 jika terdapat sebarang pertanyaan dan cadangan. Segala jasa baik dari pihak YBrs Prof. Madya Dr., kami dahului dengan jutaan Terima Kasih.

Sekian, Salam Hormat.

"Fikir Kemanusiaan, Fikir ISLAMIC RELIEF!"
b/p **Islamic Relief Malaysia**

Zairulnahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif

Think HUMANITY. Think ISLAMIC RELIEF!
www.islamic-relief.org.my

Rajah 7.3.4F menunjukkan lantikan **Timbalan Pengarah Charity Week Malaysia** iaitu **Dr. Azhana binti Othman,** Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTMCM. Beliau antara yang terpilih sebagai **sukarelawan Islamic Relief Malaysia** untuk menjadi **Timbalan Pengarah Negara mewakili Malaysia** dalam organisasi kesukarelawanan antarabangsa serta mengetuai program – program kolaborasi kemanusiaan dan kesukarelawanan. Pelantikan ini bermula Jun 2022 hingga Disember 2024. Hasil dari lantikan ini selari dengan **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan kearah Kompetensi Global serta** memberi **manfaat kepada masyarakat dalam negara** dan juga membantu **kebajikan serta Pendidikan kanak – kanak di peringkat antarabangsa**.

Sumber: BPJI UiTMCM

Jadual 7.3.5A: Anugerah Khas Rektor Kategori Keusahawanan Menyumbang kepada Komuniti UiTMCM 2022

NO.	KETUA PROJEK	NAMA PROJEK	JUMLAH PENJANAAN PENDAPATAN (RM)
1	Dr Azhana Othman	**On a mission for humanity** (Penjanaan dana kepada **komuniti** bagi program amal **rumah anak yatim dan sekolah penerima anak asnaf**)	**RM 963.00**
2	Nurul Zamratul Asyikin Ahmad	**Charity and endless love 8.0 cahayakasih sayang** Projek jualan daripada pelajar untuk bantuan kewangan kepada **komuniti** iaitu **pihak MAKNA**	**RM 53,454**

Sumber: BPJI UiTMCM

Penghargaan hasil kerja staf UiTMCM dari **tema Lonjakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan ke arah Kompetensi Global** sangat memberi **impak kepada UiTMCM** keseluruhannya. **Jadual 7.3.5A** menunjukkan 2 projek terbaik bagi kategori keusahawanan yang diperolehi hasil dari jaringan kesukarelawanan staf akademik UiTMCM. Projek-projek ini memacu dalam **kekuatan jaringan kesukarelawanan UiTMCM** untuk tahun 2022.

Jadual 7.3.5B: Anugerah Khas Rektor Projek Kategori Perolehan Geran Penyelidikan UiTMCM 2022

BIL	NAMA	FAKULTI	JENIS GERAN	JUMLAH(RM)	JUMLAH KESELURUHAN
1	**Prof. Madya Dr. Ahmad Fadhly Arham**	**FPP**	**FRGS**	**79,000.00**	**RM103,000**
			GIP	**18,000.00**	
			SRP	**6,000.00**	
2	Noor Aziera binti Mohamad Rohana	ACIS	FRGS	90,000.00	RM90,000
3	Dr Suhaida Mohd Amin	FPP	FRGS	88,000.00	RM88,000

Sumber: BPJI UiTMCM

Jadual 7.3.2B menunjukkan **hasil pengiktirafan dari Pengurusan Kanan kepada staf akademik bagi kategori perolehan geran penyelidikan UiTMCM** 2022. Prof. Madya Dr. Ahmad Fadhly berjaya memperolehi geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Geran Inisiatif Penyeliaan (GIP) dan Strategic Research Partnership (SRP) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM103,000. Manakala, Noor Aziera binti Mohamad Rohana dan Dr Suhaida Mohd Amin, masing – masing memperolehi geran berjumlah RM90,000 dan RM88,000. Perolehan geran penyelidikan ini dapat **memberi impak kepada komuniti, UiTMCM sekaligus kepada UiTM secara keseluruhan.**

Rajah 7.3.5A: Pelantikan Penasihat Misi Bantuan Banjir



PPM-012-04-28072020

PERTUBUHAN BANTUAN MAKANAN MALAYSIA
SUSPENDED MEAL ASSOCIATION MALAYSIA
LD23, TAMAN LENDU ILMU,
JALAN LENDU ILMU 1,
78000 ALOR GAJAH, MELAKA
TEL: +6011 3938 0737, +6019 601 3085
E-MAIL: banhuanmakananSM@gmail.com

Tarikh : 20 Mei 2022
Rujukan : SM2021/PPM-012-04-28072020

SHAFEZAH ABDUL WAHAB
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media,
UiTM Cawangan Melaka.

PELANTIKAN PENASIHAT PROGRAM MISI BANTUAN BANJIR 2021/2022

Didoakan agar puan. berada dalam keadaan sejahtera. Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **PERTUBUHAN BANTUAN MAKANAN MALAYSIA (SUSPENDED MEAL ASSOCIATION MALAYSIA [PPM 012-04-28072020])** melantik puan sebagai **Penasihat** program Misi Bantuan Banjir yang akan diadakan dari 15 Disember 2021 hingga 30 Januari 2022.

3. Semoga pelantikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pihak puan bagi melestarikan bidang komunikasi dan media dengan penganjuran dan penyertaan pihak industri, alumni dan pelajar serta mencapai objektif yang disasarkan. Kerjasama dan komitmen pihak puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Salam Hormat.

Affiq

Muhammad Affiq Bin Zulkifli
Naib Presiden
Suspended Meal Association Malaysia

Sumber: PJI UiTMCM

Rajah 7.3.5A menunjukkan pelantikan staf akademik UiTMCM sebagai Penasihat Misi Bantuan Banjir yang bermula pada 15 Disember 2021 dan berakhir pada 30 Januari 2022 oleh Pertubuhan Bantuan Makanan Malaysia (Suspended Meal Association Malaysia).

Puan Shafezah Abdul Wahab yang merupakan pensyarah FKPM telah dilantik sebagai penasihat program **misi bantuan banjir**, yang telah memberi **impak positif** kepada UiTMCM di peringkat nasional khususnya.

Rajah 7.3.5B: MoU antara UiTMCM dan Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd



Sumber: FB UiTMCM

Hasil daripada **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan**, satu **Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd** bertempat di Felda Bukti Aping Barat, Kota Tinggi pada 26 Mei 2022 seperti **Rajah 7.3.5B**. Rektor UiTMCM, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini mewakili Naib Canselor dan Encik Muhammad Nazri bin Kasmen, Pengarah Urusan Syarikat Ittihad Trading & Resources Sdn Bdn merangkap Pengerusi Kami Anak Felda (KAF) FELDA Bukti Aping Barat menandatangani dokumen memorandum persefahaman disaksikan oleh Puan Aemillyawaty Abas, Penyelaras MoU UiTMCM dan Puan Nur Syuhada Muhammad, Ketua Projek MoU dari Cawangan Melaka. Kerjasama antara FELDA, Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd, UiTM & masyarakat FELDA Bukit Aping Barat ini dapat mengeratkan lagi **hubungan industri, universiti dan masyarakat serta memberi manfaat kepada semua** pihak dengan program – program pertanian yang mampan pada masa hadapan.

Rajah 7.3.5C: Pengiktirafan Anugerah kepada Staf UiTMCM



Sumber: BPJI UiTMCM

Hasil Projek MoU daripada **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** antara UiTMCM dan FELDA, Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd, dan masyarakat FELDA Bukit Aping Barat, staf akademik bersama komuniti setempat telah dapat menghasilkan inovasi Nasi Arab Arnab **yang memberi impak kepada seluruh komuniti** justeru **mendapat Anugerah Perak di Pertandingan Inovasi Antarabangsa V-MiiEX 2022** dan mendapat **pengiktirafan dalam Anugerah Bestari** UiTMCM 2022 bagi penerima geran nasional, iaitu Geran Teja sebanyak RM5,000 seperti **Rajah 7.3.5C.**

Rajah 7.3.5D: Jalinan Kerjasama UiTMCM dan SMK Dang Anum



Sumber: KPPIM UiTMCM

Rajah 7.3.5D menunjukkan hasil projek jalinan kerjasama UiTMCM dan SMK Dang Anum dalam program "Fun Coding With T-Kinter" bagi pelajar asas sains komputer tingkatan 3 SMK Dang Anum pada 5 Oktober 2022. Program ini melibatkan staf UiTMCM khususnya pensyarah Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) berkongsi kepakaran dalam memberi maklumat. Program ini memberi impak kepada komuniti khususnya pelajar sekolah SMK Dang Anum.